



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 25

Isnin

22 Oktober 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 30)
Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas	(Halaman 31)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 22 Oktober 2018**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah program sokongan komuniti di pangsapuri kos rendah dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi membantu ibu bapa yang berhadapan masalah penjagaan anak akan dijalankan dan bagaimana kementerian memantau pelaksanaan program ini supaya keselamatan kanak-kanak terjamin.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. Terima kasih Yang Berhormat Tebrau di atas soalan yang telah diberikan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, KPKT telah merancang satu program iaitu Program Mendayakan Komuniti yang telah kita adakan pada 30 September sebagai satu *pilot* projek di PPR Lembah Subang 2. *Insyah-Allah*, program ini akan kita turunkan di semua kawasan perumahan PPR secara berperingkat.

Jadi, dengan adanya Program Mendayakan Komuniti ini, KPKT telah menyarankan untuk membentuk satu komuniti iaitu Sekretariat Muafakat Komuniti yang mana akan menyelaraskan program-program kemasyarakatan di dalam kawasan PPR itu tersendiri dan di antaranya adalah untuk membentuk satu sukarelawan komuniti yang mana ibu-ibu sendiri berminat untuk membuat satu program yang mana mereka sendiri akan bertanggungjawab untuk membantu antara satu sama lain untuk menjaga anak-anak mereka ketika mereka berurusan jangka pendek seperti ke klinik, seperti ke pasar dan sebagainya.

Jadi, program ini kita telah dapat kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah melatih sukarelawan-sukarelawan ini. Jadi, untuk program yang pertama di PPR Lembah Subang 2, kita telah melatih 22 orang ibu-ibu dalam komuniti itu untuk mengadakan Program Anak Ku Anak Mu yang mana mereka akan bersama-sama bertanggungjawab untuk membantu antara satu sama lain untuk mengawasi anak-anak mereka ketika mereka tidak ada di rumah. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah meminta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah penyelesaian masalah PPR yang dalam keadaan usang dan kurang penyelenggaraan?

Sebagai contoh, PPR Desa Mutiara di kawasan Tebrau telah mengalami banyak masalah seperti bumbung bocor, lereng tangga hilang, paip pembedungan sumbat, loji kolam pengoksidaan tidak berfungsi dan lain-lain. Setelah banyak kali penduduk-penduduk membuat aduan kepada badan pengurusan, SUK dan juga MBBB dan selepas kerja susulan saya, saya difahamkan masalah-masalah yang tersebut melibatkan kos banyak dan MBBB ataupun kerajaan negeri masih belum ada kelulusan untuk menyelesaikan masalah ini. Sama ada Kerajaan Pusat boleh membantu dalam isu-isu ini atau isu ini harus kembali kepada pihak majlis atau kerajaan negeri? Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Walaupun soalan tambahan itu tidak berkaitan sangat dengan isu menjaga anak-anak di kawasan-kawasan PPR, namun demikian, KPKT amat memandang berat tentang isu-isu ini. Kita melihat bahawa keseluruhannya rumah-rumah kos rendah ini ataupun Projek Perumahan Rakyat (PPR) ini, penghuni-penghuni di situ tidak mampu untuk menyelaraskan ataupun untuk menguruskan pengurusan menjaga harta benda di situ, menjaga *financial* keadaan kewangan di situ.

KPKT sekarang dalam proses untuk membentuk dan melatih pegawai-pegawai yang akan kita turunkan di kawasan-kawasan PPR ini untuk menjadi pegawai-pegawai Sekretariat Muafakat Komuniti yang mereka akan bantu untuk melatih dan mendayakan komuniti dari segi ilmu bagaimana menguruskan kewangan, menguruskan harta benda, menguruskan kawasan, keselamatan juga kebersihan, selain daripada membuat program dengan komuniti dan gotong-royong dan juga program menyampaikan ilmu dari segi dasar-dasar kerajaan dan sebagainya. Ini dalam perancangan. Jadi, *insya-Allah*, kita akan melihatkan perkara-perkara ini kerana kita sudah faham bahawa penduduk-penduduk di PPR ini, *they are in no capacity*, dengan izin, untuk menguruskan masyarakat di situ sedangkan mereka dalam keadaan sendiri yang daif dan naif. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan perhatian kepada masalah penduduk PPR. Seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, PPR ini memang golongan daripada B40.

Hanya saya nak tanya Yang Berhormat, dalam program komuniti ini, selain daripada mewujudkan penjagaan kanak-kanak— bila sebut komuniti, bagi saya ia bukan saja tertumpu kepada kanak-kanak. Ia akan meliputi masyarakat sekeliling. Jadi saya nak tanya adakah Yang Berhormat bercadang untuk meneruskan dasar yang BN buat dulu di mana di dalam PPR ini bukan saja penjagaan kanak-kanak tetapi kita juga kena mewujudkan kemudahan bersukan untuk golongan belia seperti mesti wujudkan satu gelanggang futsal berbumbung yang boleh digunakan oleh belia?

Kemudian, kita tahu juga yang ramai duduk di PPR ini ialah *group* mereka yang telah pun bersara. Ramai ini yang dah bersara. Apakah aktiviti mereka? Jadi, adakah berhajat juga untuk meneruskan program tempat reaksi mesra warga emas dan juga kita tidak menafikan dalam PPR ini juga banyak masalah-masalah disiplin seperti dadah, ponteng sekolah dan sebagainya. Kita dulu ada bercadang untuk mewujudkan satu pusat kaunseling untuk memberikan bimbingan kepada mereka yang bermasalah. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, saya hendak ambil contoh PPR Lembah Subang 2 sebagai contoh, saya baru-baru ini pergi melawat di sana, masa itu pilihan raya kecil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila kemukakan soalan. Ringkas ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya soalan, ringkas. Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat akan memberikan bantuan kepada tadika atau pun taska yang telah wujud yang saya lihat sendiri kerusi dan meja pun tidak ada di PPR Lembah Subang 2 dan juga bilik kaunseling yang sudah siap di PPR Lembah Subang 1 tetapi tidak ada *follow-up* daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang kerana membangkitkan isu ini. Dalam konsep mendayakan komuniti ini kita merangkum semua untuk orang muda, untuk ibu-ibu dan juga untuk orang tua dan sebagainya. Namun demikian, untuk *facilities* itu tidak mungkin kita akan dapat membuatnya dengan secepatnya mungkin tetapi program-program yang dikendalikan oleh sekretariat muafakat komuniti ini akan mendayakan mereka untuk menjalankan program-program mereka mungkin di tempat lain dan sebagainya, dari segi pengurusan dan sebagainya.

Cuma, saya hendak berkongsi sedikit dalam polisi rumah mampu milik yang *insya-Allah* akan dilancarkan oleh KPKT, di situ akan kita menekankan tentang *facilities* dan kemudahan-kemudahan yang patut ada dalam kawasan-kawasan rumah mampu milik yang baru, yang akan dibina pada tahun 2019. Terima kasih.

2. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan status penambahbaikan *National Feedlot Centre* (NFC) berserta hutang yang ditanggung sehingga Jun 2018.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismilahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Kemaman. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu melanjutkan polemik NFC kerana sebahagiannya masih lagi dalam proses perundangan. Oleh itu, biarlah mahkamah membuat keputusan. Cuma, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia pada pagi ini bahawa kami Kementerian Pertanian akan membuat pelbagai perancangan *a way forward* untuk memastikan SSL kita dalam sektor makanan terutama daging ini akan dapat mencapai daripada 28 peratus sekarang ini paling tidak kita boleh pergi bergerak kepada 30 peratus.

Sekarang kementerian sedang memberikan fokus yang serius terhadap 72 Ladang Satelit Nasional yang berada di seluruh negara. Sebanyak 16 buah syarikat ternakan integrasi di

bawah ladang sawit iaitu ada 21 ladang lembu pedaging dan di antaranya adalah integrasi penternakan ladang dalam kelapa sawit Kulim Livestock di Johor; Ladang Rakyat di Terengganu; RISDA di Perak; FELCRA juga di Perak; Sawit Kinabalu di Sabah; FELCRA di Sarawak. Dalam bidang tenusu kita ada Evergreen di Sabah; dan Holstein Farm di Pahang.

Ini di antara fokus yang sedang kita mempergiatkan dan kita *insya-Allah* akan meminta lebih bajet, *insya-Allah* dalam belanjawan akan datang. Depan saya ada Menteri Kewangan yang akan saya yakin melihat industri ini perlu dipertingkatkan dan kita perlu untuk melangkah lebih jauh ke hadapan supaya untuk kita meningkatkan bekalan daging ini *in terms of food security*, kita perlu untuk lebih berani, lebih pantas dan lebih berinovatif dalam kita menggerakkan semua aset-aset yang ada. Saya yakin dan percaya bahawa dengan beberapa insentif baru oleh pihak kerajaan oleh syarikat-syarikat ini akan menggalakkan mereka untuk lebih proaktif.

Kami juga akan membuat pelbagai pendekatan sebagai contoh, membuat *reverse investment*. Ini baru di peringkat cadangan, di mana kita boleh melihat potensi tentang ternakan di Mongolia sebagai contoh, di mana kita dapat membuat beberapa penyelidikan, lembu dan kambing di sana adalah lebih murah dan kita boleh mencuba. Demikian juga, di peringkat kementerian pegawai-pegawai kami sedang membuat persiapan di peringkat akhir untuk menyediakan protokol untuk lembu-lembu daripada Brazil yang boleh dibawa ke dalam negara kita. Ini semua adalah inisiatif-inisiatif baru yang lebih berani, yang lebih proaktif yang akan kita kemukakan *insya-Allah* demi untuk kita memberikan jaminan tentang kecukupan makanan terutama daging ke dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya. Sila nyatakan teknologi terkini yang akan digunakan dalam penternakan lembu bagi menghasilkan daging lembu tempatan yang bermutu tinggi berbanding dengan apa yang telah dilakukan sekarang ini. Sekian.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Kemaman. Perkara pertama yang perlu di ambil perhatian adalah tentang bagaimana kita memilih baka-baka yang baik. Ini masih lagi tidak keluar daripada teknologi yang kita ada pada hari ini. Sistem atau pun pendekatan yang ada, kita melihat *players* atau pun pemain-pemain lebih gemar untuk menggemukkan lembu sahaja, kemudian jual. Ini tidak bergerak ke mana-mana. Oleh itu, kita perlu melihat kepada pendekatan baru di mana kita perlu lebih teliti dan lebih fokus untuk memilih baka-baka yang boleh kita buat dengan izin *breeding*. Daripada baka ini lah nanti yang akan kita gemukkan. Jadi, ekosistem itu mesti diperbaiki.

Maybe we have dengan izin *good business plan* tetapi kita tidak memastikan ekosistem itu untuk *support business plan*. Itu saya rasa yang NFC gagal, yang mungkin banyak *player* yang lain gagal sebab kita tidak memahami ekosistem itu. Oleh itu, kementerian ini sedang dan cuba untuk menggerakkan keseluruhan kekuatan kementerian ini untuk kita pergi dulu kepada memilih baka-baka ini melihat teknologi yang terkini. Kita boleh melihat kepada Australia sudah pasti. Brazil yang kita rasa negara yang perlu kita dekati dan juga Mongolia. Mongolia ini saya

difahamkan satu tahun lima juta haiwan ini mati kerana *extreme* sejuk *-40 degrees Celsius*. Jadi itu di antara pendekatan-pendekatan yang saya rasa perlu kita perhebatkan.

Kedua, mengkaji tentang cuaca. Cuaca yang ada di sini, sebab itu saya lihat tadi Brazil lebih sesuai dengan negara kita sebab kita dalam satu iklim khatulistiwa.

Ketiganya tentang makanan. Makanan ini harus kita tingkatkan sebab itu sekarang kementerian dengan jaminan beberapa buah kerajaan negeri yang akan memberikan keluasan tanah, kita akan menanam jagung bijirin untuk kita *produce* jagung bijirin ini untuk kita *provide* sumber kepada makanan haiwan yang selama ini kita import, ini menambahkan kos.

Keempatnya, kita mengharapkan kawasan-kawasan yang lebih memberikan jaminan. Ini kita akan memastikan kerajaan negeri dapat memberikan keluasan tanah mereka kepada kita. Akhirnya, tentang bajet dan juga harga yang kita akan tetapkan kemudian. Yang Berhormat, itu di antara pendekatan-pendekatan baru, yang saya hendak fokus tadi adalah bagaimana kecekapan jabatan-jabatan dalam kementerian ini contohnya Jabatan Veterinar yang saya yakin dan percaya dan MARDI juga yang akan terus melihat tentang fokus untuk kita memilih baka-baka terbaik untuk dibiakkan dalam negara kita. Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan daripada Menteri dalam menyasarkan untuk memperkasakan ternakan yang telah digagalkan dalam proses sebelum ini atas soalan pokok yang dibawa oleh Yang Berhormat Kemaman tadi, penambahbaikan *National Feedlot Centre*.

■1020

Namun demikian, saya ingin menjurus kepada soalan saya. Apakah langkah kementerian di samping memperkasakan produk ataupun pengeluaran ternakan lembu ini, menggalakkan peserta penternak kecil dalam kelompok-kelompok kecil disatukan menjadi koperasi supaya ia berusaha bersama dan dipantau oleh kementerian dan kawal selia dapat dijamin dalam kelompok yang besar, daripada kecil jadi besar, tubuhkan koperasi supaya mereka ini ada lorongan untuk mereka berpaut. Apa pandangan Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kapar. Sekali lihat macam pelakon Ed Osmera daripada muda, otak pun geliga. Saya memang di dalam beberapa bulan ini sedang memberikan beberapa fokus. Saya diberitahu, diberi taklimat oleh Jabatan Veterinar bahawa kenaikan SSL kita daripada 10 tahun yang lepas adalah disumbangkan oleh Program Lembu Pawah. Itu tidak boleh kita nafikan. Walaupun kecil-kecilan tetapi diusahakan oleh orang kampung tetapi ia menyumbang kepada kenaikan SSL kita. Ia terhenti apabila program itu diberhentikan. Saya sedang melihat kepada satu model baharu yang mungkin boleh disebut tadi ialah ladang kelompok, koperasi dan seumpamanya.

Insya-Allah dalam menyiapkan hala tuju baru kementerian ini yang akan mungkin saya umumkan pada bulan hadapan, saya akan menjadikan bahawa sasaran kepada golongan-golongan kecil ini, orang-orang kampung ini dikemukakan dengan satu model baharu, penternakan dulu nama lembu pawah, sekarang ini kita hendak skalakan pada skala sederhana

supaya ia benar-benar menyumbang kepada kenaikan SSL kita. Jadi *insya-Allah*, saya mengambil perhatian terhadap cadangan itu. Akan tetapi sekali lagi saya mengharapkan apa pun yang saya janjikan pada hari ini, berita gembira saya harapkan kepada MOA pada 2 November, Kementerian ini akan diberikan bajet yang secukupnya. Ada duit, kita boleh lebih laju ke hadapan. Terima kasih.

3. Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai] minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan sosio-ekonomi yang berwajah baharu walaupun sebelum ini Kerajaan Barisan Nasional telah membelanjakan RM100 juta bagi menjana sosio-ekonomi masyarakat India.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Padang Serai secara bersama dengan soalan Yang Berhormat Batu Gajah yang bertarikh 24 Oktober 2018. Memandangkan kedua-duanya menyentuh isu yang sama iaitu berkenaan dengan perancangan kerajaan berhubung pembangunan sosioekonomi masyarakat India.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM203,718,286.73 bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India sepanjang tahun 2014 sehingga 2017. SEDIC yang bertanggungjawab tentang hal ehwal masyarakat India menaruh harapan tinggi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengagihkan peruntukan yang setimpal kepada masyarakat India dalam Belanjawan 2019 yang akan dibentangkan pada 2 November nanti. Berdasarkan peruntukan kewangan yang diberi dalam Belanjawan 2019, saya akan memastikan hala tuju SEDIC untuk melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi masyarakat India terus dipertingkatkan dan mencapai agenda memperkasa sosioekonomi masyarakat India, terutamanya mereka di bawah golongan B40 di bawah kerajaan baharu ini.

Antara perancangan yang telah dikenal pasti dan di dalam pertimbangan, termasuklah memperkenalkan program-program memperkasa wanita India, meneruskan penglibatan B40 dalam agenda pembangunan negara, menggalakkan pemilikan perumahan dan sebagainya. Program-program berimpak tinggi dengan menggunakan kos secara optimum merupakan hala tuju SEDIC dalam memastikan SEDIC dapat mencapai matlamatnya iaitu meningkatkan taraf hidup, status dan keupayaan masyarakat India secara keseluruhannya. Pendekatan-pendekatan yang bakal dicadangkan akan memberi penekanan kepada enam teras sejajar dengan agenda pembangunan masyarakat India iaitu:

- i. sekolah Tamil dan prasekolah;
- ii. merealisasikan potensi kanak-kanak dan remaja;
- iii. meningkatkan penyertaan sosial dan isu berkenaan tempat ibadat;
- iv. menambah baik kehidupan dan kekayaan, pekerjaan dan keusahawanan;
- v. penyampaian kepada komuniti dan projek khas; dan
- vi. suntikan ekuiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SEDIC kini sedang menjalani perubahan drastik dalam usaha memastikan agensi ini adalah bersifat, dengan izin, *people centric* dan sentiasa relevan, khususnya kepada masyarakat India di negara ini.

Kemenangan Pakatan Harapan dalam PRU ke-14 merupakan aspirasi keinginan rakyat untuk melihat perubahan dan kerajaan semasa memberikan komitmen untuk melaksanakan aspirasi-aspirasi tersebut. Saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab akan memastikan SEDIC sentiasa relevan kepada masyarakat India sebagaimana mandat yang diberikan oleh rakyat.

Berhubung dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah berkaitan audit forensik SEDIC, sukacita saya maklumkan bahawa Jabatan Audit Negara telah pun memulakan pengauditan terhadap SEDIC pada 26 September 2018. Sesi audit kedua akan dilaksanakan pada masa terdekat dan jangka masa penyelesaian audit secara sepenuhnya dijangka mengambil masa enam sehingga ke lapan bulan memandangkan ia melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan agensi luar serta *complexity* dari segi kepelbagaian program dengan kaedah pelaksanaan program yang berbeza. Sekian, terima kasih.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih atas jawapan yang diberikan Yang Berhormat Menteri, jawapan yang padat dan jelas. Soalan tambahan saya, ramai kaum India masih bertanya apa sudah jadi dengan SEDIC? Wang diberi kepada pihak yang berkuasa untuk kendalikan oleh pihak kerajaan dahulu, namun apakah tindakan Kerajaan Pakatan Harapan akan mengambil tindakan kepada pihak yang salah menggunakan wang SEDIC tersebut atau bawa ke muka pengadilan. Namun saya bercadang, dengan memberikan wang SEDIC tidaklah memadai untuk mengatasi sosioekonomi kaum India.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, soalan Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Soalan saya, bolehkah Kerajaan Pakatan Harapan memberi peluang kontrak kerajaan ataupun swasta sekurang-kurangnya 10 peratus untuk kaum India untuk naikan sosioekonomi dalam negara ini? Terima kasih.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat akan diambil kira dan juga cadangan supaya peluang kontrak kerajaan sebanyak 10 peratus diberikan kepada masyarakat India akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet nanti dan cadangan Yang Berhormat akan dikemukakan kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, kali pertama saya berjumpa beliau di sini. Soalan saya ialah pembangunan sosioekonomi masyarakat India menurut *Malaysian – Indian Blue Print* yang dilancarkan kerajaan terdahulu melibatkan penekanan terhadap usaha dan inisiatif yang berdasarkan agenda-agenda yang komprehensif seperti peningkatan peluang pekerjaan dan pembelajaran, peningkatan kemahiran dan kebolehan, mewujudkan peluang-peluang keusahawanan, merapatkan jurang sosioekonomi dan sebagainya. Apakah agenda serta rancangan Kerajaan Pakatan Harapan dalam memastikan pembangunan masyarakat

India? Kalau boleh, dengan izin, saya ingin tahu apakah *fundamental framework* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Timbalan Menteri.

Beberapa Ahli: Menteri, Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Oh Menteri, maafkan saya.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab jarang lihat Menteri. *[Ketawa]* Ya, silakan Menteri.

■1030

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kerajaan sebelum ini telah melalui *blueprint* mencadangkan pelbagai projek pembangunan masyarakat India tetapi malangnya saya dapat menyatakan bahawa saluran wang yang dikemukakan kepada rakyat sebenarnya tidak kesemuanya sampai. Oleh yang demikian, kerajaan baru telah mengarahkan supaya Jabatan Audit membuat satu audit sepenuhnya bagi mencari kebenaran tentang berapa jumlah sebenarnya yang sampai kepada rakyat.

Dari segi rancangan-rancangan untuk pastikan bahawa masyarakat India terus dibantu oleh kerajaan baru, saya dapat berikan kepastian kepada Yang Berhormat bahawa sebagaimana yang saya nyatakan tadi, segala program yang akan kami laksanakan akan hanya dibuat setelah kami pastikan bahawa penerima-penerima atau NGO-NGO tersebut telah dikenal pasti dan apa-apa cadangan yang mereka kemukakan akan sebenarnya memberi manfaat kepada mereka di bawah golongan B40. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]** minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan perkembangan pemasangan PV Solar kepada rumah penduduk Malaysia yang dikatakan seterusnya akan menjual elektrik yang dijana kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi mekanisme *'Feed in Tariff'* (FIT).

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Yeo Bee Yin]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Tuan Yang di-Pertua, permohonan mekanisme tarif galakan ataupun lebih biasa dikenali sebagai *Feed in Tariff* (FIT) melibatkan lima kategori sumber tenaga boleh diperbaharui iaitu solar, bio gas, bio jisim, geoterma dan hidro kuasa kecil.

Daripada kapasiti 1,677 megawatt yang diluluskan oleh *Sustainable Energy Development Authority (SEDA)* di bawah FIT, sebanyak 566 megawatt adalah disambung kepada grid dan daripadanya 380 megawatt iaitu lebih kurang 70 peratus adalah daripada projek solar. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2017 kuota bagi solar tidak lagi ditawarkan di bawah mekanisme FIT.

Ini adalah kerana teknologi solar menjadi semakin matang dan kos menjadi semakin kompetitif. Harga panel PV telah jatuh 80 peratus. Penjanaan elektrik solar sedang menuju ke arah *grid parity*. Ini adalah di mana kos per kilowatt jam elektrik solar yang dikira dengan prinsip

levelized cost of energy adalah sama dengan kos per kilowatt jam elektrik daripada bahan api konvensional, batu arang dan gas.

Dengan erti kata lain, solar mempunyai potensi untuk menjadi sumber elektrik alternatif yang kompetitif berbanding dengan sumber konvensional. Untuk menggalakkan penggunaan solar yang meluas di Malaysia, dengan sukacitanya saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini dua dasar baru solar untuk menggalakkan penggunaan solar.

Pertama, kerajaan akan memperbaiki dan memperluaskan program *Supply Agreement for Renewable Energy* (SARE) di mana syarikat pembekal solar boleh menawarkan *solar leasing*. Dengan dasar ini, pengguna boleh menikmati *zero upfront cost* iaitu tidak perlu bayar apa-apa untuk pemasangan PV dan bayaran sewaan bulanan ataupun penggunaan tenaga solar kepada syarikat pembekal solar boleh dibuat melalui bil TNB. *Business model* ini adalah lebih kurang sama macam kita beli *handphone* tetapi sekarang adalah untuk solar PV panel. Bergantung kepada keluasan bumbung ataupun kawasan pemasangan PV panel, ada pengguna elektrik yang akan menikmati penurunan bil elektrik selepas pemasangan solar PV panel.

Dasar kedua yang telah saya umumkan untuk menggalakkan perkembangan solar ialah perbaikan program *Net Energy Metering* ataupun NEM. Di bawah NEM, pengguna elektrik yang memasang panel solar di bumbung untuk kegunaan sendiri boleh menjual balik kepada TNB bagi tenaga yang telah dijana. Akan tetapi sebelum ini, *take up rate* untuk program NEM adalah rendah. Sehingga Oktober 2018, hanya terdapat permohonan 17 megawatt daripada kuota 500 megawatt yang disediakan iaitu lebih kurang tiga peratus sahaja.

Ini adalah kerana sebelum ini pengguna menjual tenaga solar kepada TNB pada harga *displaced cost* iaitu 31 sen per kilowatt jam. Akan tetapi apabila mereka beli, mereka beli tenaga pada tarif yang sedia ada yang kebanyakan kalinya adalah lebih daripada 50 sen per kilowatt jam. Jual 31 sen per kilowatt jam, beli lebih daripada 50 sen per kilowatt jam.

Ini menjadikan NEM tidak *feasible* untuk kebanyakan pengguna domestik, komersial ataupun industri. Kementerian ini telah mengkaji semula dasar lama NEM dan membuat keputusan bahawa bermula 1 Januari 2019, tiada lagi perbezaan harga jual dan beli elektrik. Pengiraan bil daripada TNB adalah berdasarkan prinsip *one on one* di mana bil adalah bersamaan dengan penggunaan bersih, penggunaan tolak penjanaan darab tarif. *Before this, bill electric is equivalent to consumption times tariff minus generation times displaced cost. Now, it is (consumption) minus generation times tariff* dengan izin.

Polisi baru ini menjadi NEM lebih *feasible* dari segi *ringgit and cent* untuk pengguna elektrik. Dengan dua dasar ini, kerajaan berharap kita akan terus memangkin perkembangan solar elektrik di Malaysia yang bukan sahaja boleh mencapai agenda hijau tetapi juga menjimatkan bil elektrik untuk pengguna di Malaysia.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana sentiasa *keep in touch* dengan Ahli-ahli Parlimen dan kami mendapat maklumat-maklumat terkini berkenaan dengan rancangan daripada kementerian.

Cuma apa yang saya ingin tanya dalam soalan tambahan ini, adakah kerajaan di dalam masa yang terdekat ini mempunyai cadangan untuk memperuntukkan kuota khas bagi projek solar di atas permukaan air atau kita namakan sebagai *floating farm* yang telah pun dilaksanakan di beberapa negara dan mempunyai peluang masa depan yang cerah. Kedua, adakah kerajaan ...

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan sahaja Yang Berhormat. Ikut peraturan satu soalan sahaja Yang Berhormat. Ya sila jawab.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Berkaitan dengan yang pertama. Masih lagi yang pertama Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan TNB merupakan ...

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan sahaja, satu soalan. Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Yeo Bee Yin : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Untuk solar panel di atas permukaan air. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Mas, ada projek *large scale solar* yang telah dianugerahkan oleh kerajaan dan akan dikomersialkan pada tahun 2019, projek pertama. Projek kedua, *solar panel on top of surface water* akan dikomersialkan pada tahun 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Mas, apabila kerajaan mengkaji *large scale solar project*, kita tidak mengkaji sama ada di atas permukaan air ataupun atas tanah ataupun atas bumbung. Untuk *large scale solar project* yang paling penting adalah apa yang paling *cost effective*. Ini adalah supaya kita mengkaji projek-projek ini atas *equal playing fields* dan yang paling baik adalah sesiapa yang bagi kita *bill* ataupun *generation cost*, kos penjanaan elektrik yang paling rendah akan dapat projek itu. Terima kasih.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau tadi Yang Berhormat Pasir Mas bercakap fasal tenaga solar dari atas permukaan air, saya ingin pergi jauh lagi iaitu tentang pusat tenaga angin. Kalau kita lihat di Belanda, China, USA dan India mereka telah menggunakan pusat tenaga angin ini untuk mengeluarkan tenaga elektrik yang boleh menjalankan sistem kereta api di sana.

Jadi adakah kerajaan kita bercadang selain daripada mengurangkan bahan api fosil itu kepada solar. Adakah kita sedang merancang juga untuk masa depan kita menggunakan tenaga angin dengan melakukan pelaburan di bidang itu. Terima kasih

Puan Yeo Bee Yin: Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Langat, apabila kerajaan mengkaji apakah potensi dan apakah alternatif sumber boleh diperbaharui, *renewable energy* kita mengkaji apakah potensi di negara kita. Setiap negara ada potensi berbeza-beza. Ada negara yang ada *geothermal potential*, ada negara yang ada *wind energy potential*, ada negara yang ada *hydro potential*.

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Langat, di Malaysia *wind energy on land* adalah tidak berapa kompetitif jika dibandingkan dengan sumber yang lain. Akan tetapi kerajaan akan terus sesiapa pengusaha ataupun dari segi sains dan teknologi kita boleh menjana elektrik dengan tenaga *wind energy* dalam pada harga yang kompetitif kita akan kaji semula. Terima kasih.

5. **Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan berapakah jumlah pelaburan kerajaan dalam MyCEB dan apakah pulangan pelaburan berbanding dengan biro-biro konvensional lain di Malaysia.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Mohamaddin bin Ketapi]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, *Malaysia Convention Exhibition Bureau* adalah sebuah agensi berstatus syarikat dengan jaminan kerajaan, tidak bermotifkan keuntungan dan beroperasi dengan peruntukan kerajaan sepenuhnya.

■1040

MyCEB bertanggungjawab untuk mempromosi serta memasarkan Malaysia sebagai destinasi penganjuran acara perniagaan bermesyuarat kumpulan, insentif, konvensional dan pameran MICE atau dikenali juga sebagai acara perniagaan atau *businesses event*. MyCEB telah menerima peruntukan kerajaan keseluruhan berjumlah RM213.5 juta, bermula dari tahun 2011 sehingga 2018, bagi melaksanakan program pembidaan dan penganjuran acara perniagaan atau *businesses event* antarabangsa untuk dibawa ke Malaysia, selain program mempromosi dan pemasaran dengan objektif untuk memaksimumkan pulangan ekonomi kepada negara.

Hasil daripada pelaburan kerajaan ini, bagi tempoh 2011 sehingga 2017 sahaja, MyCEB telah berjaya membawa masuk 2,013 acara perniagaan antarabangsa dengan kehadiran seramai 943,156 orang delegasi antarabangsa. Ia menghasilkan sebanyak 6.2 bilion perbelanjaan pelancong serta memberikan impak ekonomi berjumlah RM11.5 bilion kepada negara. Manakala sehingga Julai 2018 pula, MyCEB telah berjaya membawa masuk 147 acara perniagaan antarabangsa dengan kehadiran seramai 83,229 delegasi antarabangsa dan bakal memberikan impak ekonomi berjumlah RM1.3 bilion kepada negara.

Selain pulangan pelaburan dalam bentuk nilai ringgit, negara juga akan menerima kesan positif daripada kemasukan acara perniagaan antarabangsa melalui pemindahan teknologi dan pengetahuan pakar-pakar serta penceramah antarabangsa kepada delegasi tempatan serta impak kejayaan penganjuran sesebuah acara perniagaan tersebut akan membina legasi selain membawa imej positif kepada negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Di seluruh dunia faham sektor acara-acara perniagaan seperti konvensional dan pameran. Sehubungan, sektor ini tidak sahaja diukur dengan impak pelancongan secara langsung semata-mata. Lebih dari sekadar pelancongan, ia menyumbang nilai yang lebih tinggi dalam memacu ekonomi Malaysia seperti pemindahan teknologi dan pengetahuan pelaburan dan tanggungjawab sosial korporat. Oleh yang demikian, soalan tambahan saya adalah, apakah perancangan MyCEB untuk memastikan impak ini memberikan kesan yang positif kepada Malaysia? Apakah strategi baharu MyCEB untuk membangunkan industri ini dari peringkat dasar?

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Bagi menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat Julau tentang perancangan baharu – perancangan baharu Yang Berhormat Julau,

kita tidak mempunyai perancangan baharu oleh sebab perancangan lama membawa satu impak yang baik kepada negara. Jadi, kalaulah kita ini dari semasa ke semasa mempunyai perancangan baharu, akhirnya kita ini saya rasa kehilangan daripada dasar yang baik. Jadi, kita tidak mempunyai dasar yang baharu. Demikian juga strategi yang baharu. Kita sekarang masih lagi menggunakan strategi lama kerana ini yang terbaik untuk negara.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelah kiri, silakan.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih. Gerik.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sebelah tengah tidak dapat lagi, sebelah tengah lah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melihat kepada unjuran ekonomi dan pelaburan negara yang semakin perlahan kebelakangan ini, adakah kerajaan yakin MyCEB mampu mencapai sasaran untuk menyumbang lapan peratus kepada industri perniagaan pelancongan? Minta kerajaan menjawab, terima kasih.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: MyCEB yang sebetulnya saya bagi dia punya contoh tentang keuntungan kerajaan melalui MyCEB, IFLA contohnya. Saya bagi contoh kepada Yang Berhormat. IFLA ini ialah satu diadakan satu *exhibition* dalam *library* peringkat antarabangsa. Kerajaan hanya menggunakan RM1 juta lebih tetapi pulangan dia RM40 juta. Jadi ini menunjukkan bahawanya keuntungan melalui MyCEB ini bukan berkurangan, tetapi bertambah baik dan membawa, menjana keuntungan kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua,

'Bangun pagi terus bersenam,

Kaki sakit ubat disapu,

Soalan saya nombor enam,

Menteri jawab janganlah tipu'. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Menteri menjawab, sudah ada..

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu pantun saja, pantun saja, tidak ada apa.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Saya minta Yang Berhormat tarik baliklah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Eh! Itu pantun. Jawablah dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tarik baliklah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik Yang Berhormat. Memanglah belum jawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, itu pantun.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Ini sudah sangkaan jahat. Tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik, tarik balik.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa yang ...

Tuan Lim Guan Eng: *Gentle* lah, *gentle*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tarik balik apa?

Tuan Lim Guan Eng: Tarik baliklah.

Tuan Yang di-Pertua: Tarik baliklah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu nasihat, itu nasihat.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Menteri tidak payah jawablah, tidak payah jawab. Biar dia cakap, tidak payah jawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey lah baik. Tidak apa, saya tidak ada. Saya boleh tarik, tetapi Yang Berhormat jawab biarlah berfakta. Jangan mengelirukan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, tarik balik.

Tuan Lim Guan Eng: Tolong tarik balik.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya sudah cakap tadi, pantun itu saya boleh tarik. Akan tetapi, Yang Berhormat jawab jangan mengelirukan Dewan. Okey? Sudah, sama juga.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Menteri menjawab ...

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mengandaikan Menteri Kewangan akan menipu. Tarik baliklah, tarik balik. [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Guan Eng: *Gentleman* lah, *gentleman*, *gentleman*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Eh! *Gentleman* lah.

Tuan Lim Guan Eng: Tarik baliklah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, okey. *Gentleman*. Saya cakap, "*Yang Berhormat, okey*". Yang Berhormat suruh tarik, saya tarik. Yang Berhormat jawab – itu saya kata. Saya dengarlah, saya dengar jangan sampai mengelirukan Dewan. Itu saja saya minta. Yang Berhormat jawablah.

Tuan Lim Guan Eng: Tarik balik dengan *gentleman*, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ini menimbulkan isu sangkaan jahat terhadap seorang Yang Berhormat. Tarik balik. [*Dewan riuh*]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak suruh tarik balik yang mana Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: 'Tipu'.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya sudah kata tadi, saya tarik balik pantun itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya pantun, walau sesi melalui pantun atau sebagainya, inti patinya ialah sangkaan jahat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, saya sudah cakap tadi Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah cakap tadi, pantun kalau tidak mahu terima, saya tarik balik. Akan tetapi, saya minta jangan mengelirukan Dewan. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat tidak ingin menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya cakap tadi. Mengenai pantun tadi, saya sudah tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Oh...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ditarik balik.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hanya saya kata ...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila jawab Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tidak mahu mengelirukan Dewan.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jangan mengelirukan Dewan, itu saja.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu saja. Tarik balikkah, jadi jelas.

6. **Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Kewangan menyatakan perkembangan terkini perbincangan kerajaan dengan Kerajaan China berkenaan projek ECRL dan berapa kos keseluruhan yang telah dibelanjakan oleh pemaju projek.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Saya ingin jawab soalan ini, bersekali dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Kota Bharu yang dijadualkan pada 29 Oktober dan juga Yang Berhormat Dungun yang dijadualkan pada 6 Disember tahun ini.

■1050

Buat masa ini kerajaan masih belum memuktamadkan hala tuju projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Sama ada untuk meneruskan projek ini atau tidak adalah tertakluk kepada hasil rundingan yang sedang dijalankan. Kerajaan Negeri Selangor telah menentang projek ECRL kerana rangkaian kereta api daripada Gombak ke Pelabuhan Klang akan menjejaskan permohonan Tapak Warisan Sedunia (UNESCO). Bantahan Kerajaan Negeri Selangor ini adalah berdasarkan prinsip permohonan mereka untuk mendapatkan status Tapak Warisan Dunia (UNESCO) bagi Klang Gates Quartz Ridge sepanjang 16 kilometer yang merupakan

Permatang Kuarza yang terpanjang di dunia. Penyiapan landasan sambungan ECRL dari Gombak ke Pelabuhan Klang ini tentu akan menggagalkan usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk menyenaraikan kawasan ini sebagai Tapak Warisan Dunia (UNESCO).

Kerajaan telah mengarahkan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), sebuah syarikat khusus di bawah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan mengeluarkan notis penggantungan kerja serta-merta pada 3 Julai tahun ini kepada kontraktor utama iaitu China Communications Construction Company (CCCC). Oleh yang demikian, semua kerja dan perkhidmatan berkaitan projek ECRL telah digantung sehingga notis selanjutnya dikeluarkan oleh kerajaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Kerajaan Barisan Nasional telah mengumumkan kos sebanyak RM55 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah kos projek ECRL yang sebenar adalah RM80.92 bilion. Kos ini terdiri daripada kos pembangunan sebanyak RM69.83 bilion dan kos pembiayaan sebanyak RM11.09 bilion.

Sehingga kini, pihak MRL selaku pemaju projek ECRL telah membayar CCCC sejumlah RM19.68 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada bayaran pendahuluan sebanyak RM10.02 bilion yang bersandarkan *advanced payment* dan bayaran kemajuan projek sebanyak RM9.67 bilion bagi kerja-kerja kemajuan projek setakat 15 Februari 2018. Perlu dinyatakan bahawa atau perlu ditarik perhatian Yang Berhormat bahawa bon bayaran pendahuluan sebanyak RM10.02 bilion boleh ditebus oleh MRL sekiranya projek ini ditamatkan. Dalam erti kata lain, sekiranya berlaku senario terburuk, maka kerajaan boleh mendapatkan semula RM10.02 bilion daripada RM19.68 bilion yang telah dibayar.

Berkenaan rundingan di antara wakil Kerajaan Malaysia dengan wakil Kerajaan China, empat sesi perundingan telah diadakan sejak bulan Julai 2018 bagi membincangkan hala tuju projek Laluan Rel Pantai Timur. Di samping itu, Pengerusi Majlis Penasihat Negara (CEP), Tun Daim Zainuddin juga telah membantu dalam rundingan tersebut. Senarai agensi yang mewakili Kerajaan Malaysia adalah Jabatan Peguam Negara, Majlis Penasihat Negara, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Luar Negeri dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. Senarai agensi yang mewakili Kerajaan China pula adalah Department of Foreign Capital and Overseas Investment, Bureau of Property Management, State-owned Assets Supervision and Administration Commission of the State Council, China Communications Construction Company Limited (CCCC), Export – Import Bank of China dan Embassy of the People's Republic of China ke Malaysia.

Lanjutan daripada itu, pihak MRL dan CCCC juga telah mengadakan beberapa sesi rundingan teknikal di antara syarikat sejak bulan Julai sehingga Oktober 2018 bagi memperhalus cadangan dan langkah-langkah untuk mengurangkan kos perbelanjaan bagi menyiapkan projek ECRL. Walau bagaimanapun, sehingga kini, pihak MRL dan CCCC masih belum mencapai persetujuan bagi mencadangkan mengurangkan kos perbelanjaan projek ECRL. Namun begitu, segala butiran perundingan masih perlu dirahsiakan sehingga rundingan selesai dan persetujuan dicapai oleh kedua-dua pihak. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tindakan menghentikan projek ECRL hanyalah satu pembaziran dan tidak adil kepada rakyat di negeri-negeri Pantai Timur. Yang Berhormat setuju ataupun tidak? Kalau tidak bersetuju, sila beri alasan. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya ingin menyatakan bahawa sehingga sekarang, kita masih belum buat keputusan untuk memberhentikan kontrak ini tetapi mengeluarkan notis pergantungan. Tentulah sekiranya keputusan dibuat, kerajaan akan maklumkan kerana saya harap Yang Berhormat boleh faham bahawa kos yang dibiayai adalah amat tinggi.

Selain daripada RM81 bilion, pihak kerajaan masih belum mengambil kira kos faedah yang perlu dibayar untuk menanggung perbelanjaan ini. Sekiranya pinjaman adalah untuk 20 tahun, kita kena bayar faedah selama 20 tahun. Ini pun belum diambil kira. Tambahan, dari segi OPEX iaitu kos pengurusan kerana mengikut *feasibility study* yang sedia ada, jelas sekali bahawa ia tidak cukup atau pulangan pendapatan yang diperoleh. Jangan sebut tentang *capital expenditure* tetapi *operating expenditure* iaitu kos pengurusan pun tidak dapat diperoleh balik. Bermakna bahawa kerajaan terpaksa menanggung kos pengurusan selain daripada tidak dapat menerus balik *capital expenditure*. Kos ini dijangka boleh sampai RM1 bilion setiap tahun. Ini adalah perbelanjaan yang memang tidak dapat mampu ditanggung oleh kerajaan sekarang dengan keadaan kekangan kewangan yang amat buruk ikutan dengan skandal-skandal oleh kerajaan lama. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan tadi. Yang Berhormat Menteri, kita tahu bahawa projek ECRL ini tidak boleh dinafikan menjadi satu *catalyst* dengan izin kepada pembangunan untuk negeri-negeri terutamanya di Pantai Timur iaitu negeri Pahang, Terengganu dan juga Kelantan. Kalau kita ingat pada hari Jumaat baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal RMKe-11, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa beliau, Kerajaan Persekutuan akan memastikan pembangunan seimbang mengikut wilayah tidak kira negeri maju ataupun negeri tidak maju. Jadi atas dasar ini sudah tentulah kerajaan pada pandangan saya memikirkan bahawa apa-apa juga projek yang membawa kepada pembangunan seimbang ke negeri-negeri seluruh negara ini dianggap satu yang *viable*, yang sepatutnya diteruskan walaupun dalam perundingan.

Di samping itu, saya juga nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Kalaulah sekiranya Kerajaan Persekutuan menghentikan projek ini sementara perundingan (*pending negotiation*), adakah kalau sekiranya kerajaan-kerajaan negeri di Pantai Timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan ingin mengambil inisiatif sendiri untuk meneruskan projek ini, apa pandangan Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kota Bharu. Saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak kerajaan memang hendak lihat

pembangunan seimbang di seluruh negara. Saya sebagai Menteri Kewangan tentu sokong cadangan yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan MTR pada hari Khamis minggu lepas. Akan tetapi, kita kena lihat dari segi kemampuan negara. Sekiranya kita terpaksa membelanjakan RM81 bilion, tidak ambil kira faedah yang diperlu dibelanjakan untuk 20 tahun yang akan datang, untuk pinjaman yang kita terpaksa ambil. Tambah lagi kos pengurusan sebanyak RM1 bilion setiap tahun iaitu *recurring lost* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

■1100

Itu sesuatu yang akan amat membebankan negara dan tidak perlu, tidak mampu dibiayai oleh negara.

Bagi saya, sekiranya projek ini kerajaan buat keputusan untuk tidak meneruskannya dan saya sebut di sini sekiranya kerana keputusan muktamad belum dibuat. Saya lebih suka sekiranya projek ini digantikan dengan *Central Spine Road* kerana ini akan memberikan manfaat yang lebih baik kepada rakyat kerana lain kali apabila pulang ke Kelantan atau pulang ke Terengganu lebih mudah. Itu pandangan peribadi saya. Tentu ini terpulang kepada Kabinet dan kita nak lihat *Central Spine Road* ini dapatlah dilaksanakan.

Tentang cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bahawa Kerajaan Kelantan dan Terengganu ingin untuk mengambil alih projek ini, saya rasa saya tunggu suratlah. Sekiranya Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu berminat untuk buat demikian tetapi pada masa yang sama, saya fikir macam mana Kelantan boleh buat atau mampu buat demikian bila gaji anggota perkhidmatan pun tak mampu dibayar. So, itu ...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Itu sangkaan buruk, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tak apa, tak apa.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Sangkaan buruk itu. Bila tak pernah bayar gaji?

Tuan Lim Guan Eng: Itu saya ...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Boleh beritahu bila Kerajaan Kelantan tak boleh bayar gaji kakitangan awam?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Jawab, jawab. Jangan main tuduh-tuduh. Mana boleh main tuduh-tuduh. Ini menyeleweng Dewan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Itu saya minta tarik balik, itu sangkaan buruk.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Guan Eng: Itu saya ...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Boleh beritahu, bulan berapa tak boleh bayar gaji?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuduhan. Tarik balik, tarik balik.

[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tarik balik. Tadi saya tarik balik, kena *gentleman*.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tarik balik.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tak pernah tak bayar gaji.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, itu soalan yang adil saya ingat.

Tuan Lim Guan Eng: Benar bahawa Kerajaan Persekutuan telah memberikan bantuan sedemikian dan ini dinyatakan sendiri bukan oleh saya ...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Itu bukan tak boleh bayar, itu bukan tak boleh bayar gaji.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Guan Eng: Ini dinyatakan sendiri oleh bekas Yang Amat Berhormat Pekan.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang itu perjanjian.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijawab, sudah dijawab.

Tuan Lim Guan Eng: Ini dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat ...

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Itu pemberian wajib, Yang Berhormat Menteri. Ini bersangka buruk ...

Tuan Lim Guan Eng: ... menyatakan bahawa Kerajaan Kelantan tak mampu bayar gaji dan dibantu oleh Kerajaan Persekutuan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tak pernah Kerajaan Kelantan tak boleh bayar gaji.

Tuan Lim Guan Eng: Tak apa. Saya ingin nyatakan di sini bahawa ...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Menteri kena tarik balik ini.

Tuan Lim Guan Eng: Kita masih sedia memberikan bantuan...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tarik balik.

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada isu tarik balik sebab Yang Berhormat Menteri telah menjawab. Peruntukan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tampin. Silakan, Yang Berhormat Tampin.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuduhan, tuduhan Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tarik balik saya tadi. Masa saya tadi kena tarik balik.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Ini satu penghinaan tahu?

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri kena *gentleman*. Satu penghinaan kepada kerajaan negeri. Ini satu sangkaan buruk, sangkaan jahat.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Ini satu penghinaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua kena adil. Saya tadi tarik balik.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Kita kerajaan lama pun tak pernah tuduh.
[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Sila duduk, sila duduk. Yang Berhormat Menteri telah membuat satu kenyataan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tak boleh. Mana boleh, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri kena tarik balik. Saya minta Yang Berhormat Menteri tarik balik.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kerajaan dulu pun tak pernah tuduh macam itu.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah pun menjawab pernyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri dan cabaran oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Kedua-dua telah diberi kesempatan ...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kalau begitu, saya minta Yang Berhormat Menteri ulang balik di luar Dewan. Ulang balik bagi tahu bulan berapa, tahun berapa.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Teruskan dengan sesi soalan lisan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bagi fakta, bagi fakta. Bulan berapa tahun berapa.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi terima kasihlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selesaikan di luar Dewan, kalau tidak saya bercadang hari ini untuk melebihi lapan soalan dan jawapan lisan.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tadi saya dipaksa tarik balik, saya tarik balik. Saya *gentleman*.

Tuan Yang di-Pertua: Itu isu -- Yang Berhormat, itu isu melibatkan perkara persendirian.
[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini melibatkan maruah semua ...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Ini tak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Menteri tarik balik.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan maruah ...

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah membuat keputusan. Kalau keputusan saya sentiasa dipersoalkan, tidak ada penyudahannya. Jadi kalau isu yang berbangkit lagi, selesaikan di luar Dewan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, buat keputusan minta Yang Berhormat Menteri tarik balik. Ini satu penghinaan kepada sebuah kerajaan negeri.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kalau adil, kita tak pertikai. Ini Peraturan Mesyuarat pun Tuan Yang di-Pertua tak mahu dengar macam mana?

7. Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta Menteri Industri Utama menyatakan alternatif bagi meningkatkan ekonomi masyarakat kampung di saat harga penanaman komoditi sawit dan gerah yang kurang memberangsangkan khususnya warga FELDA dan orang kampung.

Timbalan Menteri Industri Utama [Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tampin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sedang melaksanakan beberapa program dan inisiatif untuk memberi fokus kepada pekebun kecil sawit dan getah bagi tujuan meningkatkan ekonomi mereka.

Di sektor sawit, Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun menyediakan Skim Insentif Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil dan Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil yang meliputi pemberian anak benih sawit, penyediaan kawasan, baja dan racun rumpai dan perosak. Nilai bantuan adalah tidak melebihi RM9,000 per hektar bagi pekebun kecil di Sabah dan Sarawak dan RM7,500 per hektar bagi pekebun kecil di Semenanjung. Melalui bantuan ini, purata hasil sawit pekebun kecil dijangka akan meningkat daripada 15 tan per hektar per tahun kepada 22 tan per hektar per tahun pada tahun 2020.

Kedua, menyediakan Skim Bantuan Pembelian Jentera dan Alatan yang disebut sebagai OPIMIS sehingga 20 peratus daripada harga jentera untuk membantu meningkatkan produktiviti pekebun kecil seterusnya membantu meningkatkan pengeluaran hasil sawit. Ketiga Tuan Yang di-Pertua, memberikan insentif sebanyak RM3,000 hingga RM11,000 per hektar dalam bentuk input pertanian bagi integrasi tanaman dan penyediaan induk ternakan lembu atau kambing bagi membantu pekebun kecil menjalankan integrasi tanaman dan integrasi ternakan dengan sawit. Ini tentunya dapat membantu menjana pendapatan tambahan kepada pekebun kecil ketika sawit di peringkat pra matang.

Bagi sektor getah pula Tuan Yang di-Pertua, kementerian memperuntukkan RM12 juta pada tahun ini bagi melaksanakan program menggalakkan pengeluaran lateks tempatan. Peruntukan ini akan digunakan untuk memperkukuhkan lagi infrastruktur kutipan lateks. Penglibatan pekebun kecil dalam pengeluaran lateks akan dapat meningkatkan pendapatan

mereka memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding *cup lump* ataupun getah skrap. Di samping itu, program ini juga dijangka dapat menampung permintaan lateks dalam negara dan mengurangkan pengimportan lateks bagi industri sarung tangan. Terima kasih.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Soalan tambahan, Setiu.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih kepada kementerian kerana telah menjawab dengan agak *detail*. Cumanya saya ingin bertanya iaitu salah satu usaha kerajaan dalam memacu industri getah negara adalah dengan membangun projek bandar getah di Padang Terap.

Soalnya, sejauh manakah projek tersebut mampu membantu meningkatkan pendapatan daripada industri getah di samping soal kelapa sawit kalau kita dapati bahawa di mana ada kenyataan yang dikemukakan bahawa batang kelapa sawit itu boleh dijadikan industri perabot. Akan tetapi sejauh mana pihak kerajaan melihat ini sebagai alternatif untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan juga industri kelapa sawit?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ada dua soalan, saya cuba jawab seringkis yang mungkin. Bagi soalan mengenai bandar getah, saya percaya perkara ini tentunya akan dibahaskan nanti dalam RMKe-11 selepas daripada sesi soal jawab ini.

Akan tetapi saya ingin *highlight*-kan kepada Dewan ini bahawa bagi projek bandar getah ini, ini merupakan satu projek yang dipimpin oleh kerajaan negeri dan juga Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan kos awalnya adalah lebih kurang RM417 juta dan di peringkat kementerian bersama-sama dengan Lembaga Getah, kita mempunyai tujuh kluster industri yang akan dibangunkan iaitu pertamanya ialah produk lateks yang termaju di bidang automatif, itu yang kedua.

Ketiga, tayar. Keempat, kejuruteraan getah. Kelima, produk getah termaju dan yang keenam bioteknologi dan farmaseutikal dan yang ketujuh itu perkhidmatan dan sokongan untuk industri ini. Saya percaya bandar getah ini tentunya akan menjana pendapatan yang baik untuk negara bagi komoditi getah.

Bagi batang kelapa sawit, ini bukannya industri baharu, Tuan Yang di-Pertua. Seawal Proton Saga dibuat, kita telah pun menggunakan OPT ini ataupun batang kelapa sawit ini untuk tujuan buat *dashboard* kereta dan sebagainya. Bagi tujuan perabot, ianya satu perkara yang penting dan mempunyai prospek yang baik.

■1110

Kita telah pun membuat kajian dari segi teknikal, semuanya bagus, perabot yang dibuat itu baik. Cuma kita ada sedikit cabaran dari segi *economic of scale* ataupun apakah ianya boleh dijual dengan harga yang kompetitif kerana pemrosesannya agak detil dan panjang. Jadi perkara ini sedang diteliti. Apa pun begitu, untuk makluman Dewan sudah ada lima kilang yang mengeluarkan, yang disebut sebagai *Medium Density Fiberboard* (MDFB) ini menggunakan batang kelapa sawit. Terima kasih.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Daripada Sik, mohon.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Kuala Kangsar.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Soalan tambahan daripada Sik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Kangsar. Silakan.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri sedang giat mempromosikan sawit ke Amerika Syarikat. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah rasional Yang Berhormat Menteri gunakan untuk mempromosi sawit di sana sedangkan minyak masak ataupun minyak makan di sana seperti kacang soya dan bunga matahari seharusnya kuat di kalangan pemain-pemain industri tempatan negara tersebut.

Begitu juga kita sedang bergelut dengan promosi-promosi negatif di bahagian Eropah. Kita tahu bahawa Amerika Syarikat dan Eropah adalah kongsi dagangan bersama yang begitu akrab sekali. Saya mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan *success rate* kita hendak mempromosi industri minyak sawit kita ke Amerika Syarikat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Untuk makluman Yang Berhormat ketika saya menjawab soalan ini, Yang Berhormat Menteri sekarang ini sedang di dalam program *mission* ataupun *trade mission* dengan izin Tuan Yang di-Pertua ke China dan juga Amerika Syarikat. Kita percaya bahawa dalam *mission* ini apa yang sedang dilakukan oleh kementerian untuk memastikan kementerian agar minyak sawit ini lebih diterima dan diguna pakai di negara Amerika Syarikat.

Kita melihat ada peningkatan permintaan yang cukup signifikan di negara Amerika Syarikat berbanding tahun 2016. Saya ambil rekod tahun 2017. Dalam masa yang sama Yang Berhormat juga bertanya tentang lawatan kita ke Eropah dan sebagainya dan tentulah itu juga telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri dan kita membuatkan beberapa *engagement* ataupun perbincangan serta promosi untuk memastikan agar minyak sawit kita itu diterima dengan baik. Ini kerana kita sekarang mempunyai skim pensijilan yang tersendiri untuk memastikan ianya mampan. Kita juga dari segi kementerian merasakan bahawa industri sawit ini dapat memenuhi keperluan dan komitmen kita di bawah, *Sustainable Development Goals (SDGs) for United Nations*.

Manakala yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan apakah strategi kementerian untuk menangani cabaran kita di Eropah dan sebagainya. Sudah tentulah kita mengemukakan pendekatan iaitu dengan mencari pasaran-pasaran baru yang sekarang ini sedang diusahakan dengan gigih oleh kementerian di kawasan Afrika Utara, di kawasan-kawasan yang seperti negara India dan sebagainya. Ini tentunya akan memastikan permintaan untuk minyak sawit kita itu meningkat dan akan memberikan kesan yang baik kepada harga di dalam negara. Terima kasih.

8. **Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat ini berapa ramai daripada 14,000 orang yang disyaki pemegang 'lesen terbang' telah menyerah diri dan daripada jumlah kira-kira 14,000 orang itu berapa ramai warga asing.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum Warahmatullah* dan Salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tanah Merah di atas soalan beliau tadi. Saya yakin bahawa sebahagian daripada jawapan saya ini akan juga menyentuh tentang apa yang telah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 8 Oktober 2018, seramai 50 orang pemegang lesen tidak sah ataupun lesen terbang telah menyerah balik lesen fizikal mereka kepada pihak berkuasa. Daripada jumlah tersebut 25 orang merupakan bukan warganegara manakala 25 orang lagi merupakan warganegara Malaysia. Seperti mana yang telah diumumkan oleh Kementerian Pengangkutan terdahulu, kes salah laku lesen terbang ini sedang disiasat oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan beberapa penangkapan telah dibuat pada bulan yang lalu.

Kami dimaklumkan bahawa siasatan SPRM antara lain memberi fokus kepada prosedur dan pihak-pihak yang terlibat dalam kes permohonan pertukaran lesen memandu iaitu *convert license* dengan izin, pemandu negara asing kepada lesen memandu Malaysia. Di pihak JPJ dan Kementerian Pengangkutan pula, siasatan dalaman untuk mengenal pasti jumlah bilangan lesen terbang ataupun lesen palsu ataupun lesen tidak sah masih berjalan. Ianya adalah rumit dan memerlukan masa. Justeru itu jumlah bilangan lesen terbang dan pecahan mengikut kewarganegaraan masih belum dapat dimuktamadkan.

Untuk makluman Dewan dari tahun 2013 hingga Oktober 2018 ini, jumlah bilangan pertukaran lesen memandu oleh seseorang pemegang lesen memandu negara asing kepada lesen memandu Malaysia adalah sebanyak 80,629. Secara umumnya sejak tahun 2014, jumlah pertukaran lesen setiap tahun adalah antara 10,000 hingga 22,000.

Sebagai latar belakang, negara kita merupakan negara penjanji kepada dengan izin *UN Convention on Road Traffic 1949* ataupun Konvensyen 1949 yang ditubuhkan agar dapat mewujudkan peraturan pengangkutan jalan dan lalu lintas yang standard dan uniform dengan izin di kalangan semua negara penjanji bagi memudahkan perhubungan serta meningkatkan aspek keselamatan jalan raya.

Selain itu Malaysia juga telah menandatangani perjanjian bagi mengiktiraf lesen memandu yang dikeluarkan oleh negara Asean iaitu dengan izin *Agreement on the Recognition of Domestic Driving Licenses issued by ASEAN Countries 1985* atau Asean 1985. Berdasarkan kepada Konvensyen 1949 dan Asean 1985 tersebut, Malaysia telah menguatkuasakan pengiktirafan ke atas lesen memandu yang dikeluarkan oleh negara-negara penjanji kedua-dua perjanjian tersebut di dalam undang-undang negara ini iaitu di bawah peruntukan Seksyen 28, Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987.

Dalam hal yang berkaitan, pada tahun 1995, JPJ telah menguatkuasakan arahan dalaman yang menetapkan kaedah pertukaran ke lesen memandu Malaysia bagi semua negara yang merupakan penjanji kepada Konvensyen 1949 dan mana-mana negara yang mempunyai perjanjian dua hala dengan Malaysia. Walau bagaimanapun, susulan daripada siasatan SPRM terhadap peristiwa lesen terbang ini, semua proses permohonan pertukaran lesen memandu luar negara kecuali bagi pemegang pas diplomatik dan lesen negara Singapura iaitu bagi warganegara Malaysia yang pernah menukar lesen memandu Malaysia untuk mendapatkan lesen memandu Singapura sahaja telah digantung serta-merta bermula pada 24 September 2018.

Di samping itu JPJ telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman (JKSD) untuk memantau dan mencadangkan langkah penambahbaikan bagi membendung kes-kes pengeluaran lesen memandu yang tidak sah atau lesen terbang daripada berlaku lagi. Pihak kementerian akan membuat kajian yang menyeluruh berkenaan dengan hala tuju dasar dalam isu pengiktirafan lesen memandu negara asing selaras dengan perjanjian-perjanjian antarabangsa dan undang-undang Malaysia. Kesilapan dan ketirisan yang berlaku semasa pentadbiran terdahulu akan diberhentikan. Sasaran Kerajaan Pakatan Harapan adalah untuk memastikan setiap pemegang lesen memandu Malaysia adalah betul-betul layak dan menjadi pemandu yang berhemah dan mengutamakan keselamatan jalan raya. Terima kasih.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan yang panjang lebar tapi mantaplah. Tahniah jugalah dipilih menjadi Ketua Cabang Cheras PKR yang baru. Soalan tambahan saya, Yang Berhormat ada dakwaan yang menyatakan kegiatan ataupun perbuatan lesen terbang ini berlaku disebabkan ada anggota penguat kuasa JPJ bekerjasama dengan pengurusan sekolah memandu yang mana sebagai contoh di sesetengah tempat, apabila ada pelajar yang tidak lulus sebanyak tiga kali, ada anggota JPJ dikatakan menasihatkan pelajar tersebut membayar antara RM200, RM300 dan mungkin lebih kepada sekolah memandu untuk mendapat lesen terbang. Wang ini dikatakan akan dikongsi antara anggota penguat kuasa tersebut dan pengurusan sekolah memandu.

■1120

Jadi soalan saya, adakah kementerian menyedari perkara ini? Apakah tindakan yang boleh diambil ke atas sekolah memandu yang terlibat? Juga menyentuh soal lesen memandu warga asing, apakah tindakan kementerian dalam memastikan mereka yang menyewa kereta kepada warga asing khususnya *foreign student*, dengan izin, menentukan pelajar tersebut mempunyai lesen yang sah? Apakah tindakan kementerian kepada pemilik kenderaan yang menyewa kepada warga asing yang tidak berlesen? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tiga soalan yang berkaitan ya.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat Yang Berhormat Tanah Merah.

Berkaitan dengan lesen terbang ini berpunca daripada ada seolah-olah kerjasama jahat antara pegawai JPJ dengan pihak sekolah atau institut memandu kepada pelatih-pelatih yang

tidak berjaya, saya fikir maklumat tersebut jika ada dengan bukti-buktinya, amatlah baik jika ianya diserahkan kepada JPJ dan juga SPRM untuk mereka membuat siasatan dan juga tindakan yang sepatutnya hasil daripada maklumat yang mereka boleh sahkan itu nanti. Jadi saya ucapkan terima kasih di atas maklumat yang akan Yang Berhormat sampaikan kepada JPJ dan SPRM itu.

Berkenaan dengan lesen memandu warga asing dan bagaimana mereka mendapat sewa kereta tanpa lesen memandu yang sah. Ini melibatkan, pertamanya, syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPJ bahawa mana-mana syarikat yang memberi sewa kereta mestilah memastikan syarikat itu sendiri mempunyai lesen yang sah untuk menyewakan kereta dan syarat-syarat dan insurans yang mereka mesti bayarkan adalah berbeza dengan tuan punya kereta peribadi seperti kita ini.

Jika ianya melibatkan lesen pemandu ini tidak sah yang dipegang oleh warganegara asing, maka syarikat yang berkenaan akan dikenakan tindakan oleh JPJ. Kecuali jika ianya melibatkan tuan punya kereta peribadi yang menyewakan kereta pula, ia juga akan dikenakan kepada tuan punya kereta peribadi kerana adalah melanggar undang-undang untuk tuan punya kereta peribadi menyewakan kereta kepada mana-mana pihak.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Persoalan saya adalah antara 14,000 orang yang telah pun disyaki memegang lesen terbang ini, nampaknya yang menyerah diri tidak begitu ramai dan apakah tindakan segera yang akan diambil oleh pihak kementerian terhadap golongan tersebut yang belum lagi menyerah diri? Itu nombor satu.

Nombor dua, berkenaan dengan— pada sebelum ini dilaporkan bahawa 12 orang anggota JPJ telah pun ditahan oleh pihak SPRM. Sama ada, setelah penahanan tersebut, terdapat penahanan selanjutnya ataupun peningkatan dalam penahanan yang selanjutnya? Juga sama ada adakah tindakan pendakwaan telah dimulakan terhadap mereka yang disyaki bersalah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat membangkitkan dua soalan. Saya ingat jawab satu cukuplah mengikut peraturan. Silakan.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat Yang Berhormat Ipoh Timur.

Berkaitan yang kedua tadi, pegawai-pegawai JPJ yang telah ditahan oleh SPRM di bawah Akta SPRM 2009, yang ditahan sebenarnya 15 orang. Ini melibatkan pegawai-pegawai JPJ daripada Gred N19 hingga KP44. JPJ telah dimaklumkan akan penahanan mereka ini tetapi urusan pendakwaan dan sebagainya adalah di bawah SPRM. Oleh itu, setakat ini, JPJ atau Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai maklumat lagi sama ada apa-apa tindakan selebihnya telah pun dilakukan oleh pihak SPRM dalam kes pendakwaan di atas orang ini.

9. Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bilangan kes bayi yang dibuang dari tahun 2010 sehingga September 2018 mengikut pecahan negeri dan apakah rancangan pihak kementerian untuk memberikan status kewarganegaraan kepada bayi ini serta apakah usaha realistik kementerian untuk memerangi masalah ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab pertanyaan Yang Berhormat Batu Kawan bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Selayang pada 30 Oktober kerana pertanyaan tersebut saling berkait. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Puan Hannah Yeoh: Berdasarkan statistik PDRM, bilangan kes bayi yang dibuang dari tahun 2010 hingga Ogos 2018 adalah berjumlah 911 bayi mengikut pecahan negeri seperti berikut:

Negeri	Bilangan (kes)
Perlis	13
Kedah	56
Pulau Pinang	46
Perak	58
Selangor	215
Kuala Lumpur	83
Negeri Sembilan	43
Melaka	20
Johor	104
Pahang	40
Terengganu	33
Kelantan	37
Sabah	113
Sarawak	60

Daripada 911 kes ini, hanya 326 bayi yang ditemui hidup manakala 585 iaitu 64 peratus tidak bernyawa. Daripada statistik ini, kementerian tidak mempunyai maklumat sama ada semua kes pembuangan bayi ini dilakukan oleh remaja atau tidak.

Kes pembuangan bayi yang diselamatkan oleh JKM akan melalui perintah mahkamah untuk Program Anak Pelihara. Selalunya 80 peratus kes pembuangan bayi yang dikendalikan oleh JKM berjaya diberikan penempatan keluarga melalui proses pepadanan dalam Mesyuarat Panel Anak Pelihara yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JKM lebih kurang empat kali setahun. Kementerian juga membantu menguruskan pendaftaran lewat kelahiran bayi dan menyelaraskan dokumentasi bagi permohonan kewarganegaraan dengan pihak JPN.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan jumlah kes remaja mengandung pula, berdasarkan statistik yang diterima daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dari tahun 2012 hingga tahun 2016, sebanyak 79,302 kes remaja perempuan hamil bawah 18 tahun telah dilaporkan. Secara puratanya 4,000 kes setahun.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima yang dijalankan oleh LPPKN pada tahun 2015 turut mendapati pengetahuan mengenai aspek seksualiti dan kesihatan reproduktif masih lagi rendah dalam kalangan remaja di Malaysia. Berdasarkan kajian *National Health and Morbidity Survey 2017* oleh KKM dalam kalangan remaja pernah mengadakan hubungan seks, hanya 10 peratus menyatakan pernah menggunakan kaedah kontraseptif bagi mencegah kehamilan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membendung isu ini, kementerian menerusi LPPKN dan JKM menjalankan pelbagai program pencegahan, intervensi dan pemulihan tetapi saya tidak ada masa untuk pergi *detail*.

Pertamanya adalah program PEKERTI yang impaknya adalah 779,000 peserta dan mulai tahun depan, LPPKN akan bekerjasama dengan pihak polis untuk melaksanakan program PEKERTI di kawasan yang banyak berlaku kejadian pembuangan bayi bagi tahun hadapan, dengan izin, *mapping* dan *strategic intervention*.

Keduanya, program PEKA.

Ketiganya, menyediakan rumah perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah. Rumah-rumah ini akan melayani *walk-in application* sahaja dan proses dokumentasinya akan dibuat kemudian.

Kita juga menyediakan 65 buah institusi kebajikan— Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah juga memberikan informasi— 49 buah Klinik Nur Sejahtera yang dikendalikan oleh LPPKN dan 149 pusat aktiviti kanak-kanak.

Kementerian juga membantu NGO seperti OrphanCare untuk memberikan rumah perlindungan bayi di Petaling Jaya, Sungai Petani dan Johor Bahru.

Kesimpulannya, dalam kes pembuangan bayi, kementerian ini berpendirian bahawa fokus utama adalah keselamatan, kesihatan, kebajikan bayi dan ibunya. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk ibu bapa, sekolah, komuniti, institusi keagamaan, media, pihak berkuasa kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan keselamatan dan perlindungan bayi dan ibunya.

Selain daripada program sedia ada, kementerian akan memperkasakan pendekatan sedia ada melalui inisiatif relevan yang mendekati golongan remaja melalui media sosial yang lebih selesa untuk mereka mendapatkan maklumat bimbingan dan nasihat. Apabila kita bercakap dengan NGO, mereka banyak mendapat soalan daripada media sosial kerana ia membolehkan remaja bertanyakan soalan tanpa memberikan maklumat mengenai mereka sendiri untuk mendapatkan maklumat bimbingan daripada media sosial. Terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi yang betul-betul merangkumi soalan yang telah ditanya.

Saya ingin bertanya di sini, nampaknya banyak usaha yang telah dilakukan dan saya faham tahun depan lagi ada usaha tetapi selama ini, pelan-pelan dan tindakan nampaknya macam tidak berjaya. Jadi saya ingin tanya, sekiranya pengiklanan akan dibuat di merata tempat,

contoh di tempat-tempat awam, mengenai isu anak-anak gadis kita yang hamil tanpa berkahwin, dengan izin, *advertisement in public area to encourage girls to come forward* supaya mereka boleh mendapat bantuan? Dan adakah kerajaan dalam satu perancangan untuk menubuhkan satu jawatankuasa merentasi kementerian memandangkan ini adalah isu kesihatan, pembelajaran dan juga *enforcement*, dengan izin, supaya isu ini dapat ditangani?

■1130

Soalan saya mengenai kewarganegaraan, saya faham ia adalah isu berkaitan dengan KDN tetapi ia memerlukan *push factor* daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jadi, apa pandangan Timbalan Menteri? Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Soalan pertama, kita memang sering mengadakan mesyuarat *cross agency* dengan kementerian lain untuk menyelaraskan masalah sosial yang kita hadapi.

Keduanya, mengenai isu kewarganegaraan. Seperti yang telah dijawab, 80% daripada kes penemuan bayi yang kita temui kita berjaya menempatkan mereka di kalangan keluarga melalui Program Anak Pelihara, yang 20% bakinya selalunya dipulangkan oleh keluarga yang memelihara anak tersebut kerana mereka mungkin mempunyai masalah kesihatan yang tidak boleh diterima oleh keluarga tersebut.

Jadi mengenai langkah ke hadapan yang kita akan ambil, kita akan melaksanakan bimbingan melalui sosial media, melalui video ataupun *advertisement* di *YouTube* yang kita sedang berbincang dengan pihak *Google* sekarang supaya kanak-kanak walaupun muda, mereka akan mendapat bimbingan mengenai *healthy relationship*. *Safe touch, bad touch* dengan izin, tanpa melalui agensi-agensi kerana sekarang anak-anak kecil semua mempunyai *gadget* dan mereka akan menonton *YouTube, YouTube Kids* dan mereka akan mempelajari daripada video.

Keduanya adalah *strategic mapping* yang saya telah jelaskan bahawa kalau kita hendak melakukan intervensi awal, kita kena tahu di mana kes-kes pembuangan bayi berlaku. Kalau kita tidak tahu kes di mana lokasi tersebut, program kesedaran kita tidak menepati. Kalau banyak dijumpai di kawasan perumahan, kita *advertise* dekat tempat komersial, tidak menepati, sebab itu sekarang kita sedang bekerjasama dengan PDRM untuk mengenali lokasi dengan terperinci.

Ketiganya adalah seperti yang saya jelaskan tadi, rumah perlindungan sedia ada. Sebenarnya ramai yang tidak mengetahui rumah perlindungan ini dan izinkan saya memberikan lokasi kerana lokasi ini sangat penting untuk yang menghadapi masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas Yang Berhormat Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Secara ringkas, kita ada empat lokasi di Cheras, Batu Gajah di Perak, Kuching dan Kota Kinabalu. Ini seperti yang saya katakan, remaja boleh *walk-in* sahaja dan mereka akan mengendalikan proses dokumen itu selepas mereka ditempatkan di rumah tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih. Saya ingatkan bila masa sudah lepas tidak dapat. Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua

kerana memberi laluan kepada saya. Soalan ini cukup penting dan kita lihat bahawa sewaktu Kerajaan Negeri Melaka mengadakan inisiatif untuk membuat rumah harapan, dikecam dan di tohmah begitu hebat. Begitu juga dengan JKM di bawah kementerian juga berhadapan dengan pelbagai masalah apabila kita melihat bahawa tempat transit atau tempat penjagaan-penjagaan untuk mereka yang ingin melahirkan ini tidak dipantau ataupun diselia dengan baik oleh pihak JKM sehingga memperlihatkan ramai ibu yang terpaksa menjual bayi.

Saya punya soalan, apakah tindakan daripada pihak kementerian bagi mengatasi masalah ini dan terdapat pelaku yang melakukan berulang kali, contohnya kes Bukit Beruntung sudah pernah kena tangkap dekat Mahkamah Selayang dan membuat lagi sekali. terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas.

Puan Hannah Yeoh: Saya percaya kebanyakan isu yang telah dibangkitkan, saya telah pun jawab tetapi mengenai kes berulang, kes berulang ini bermaksud bimbingan yang diberikan pada kali pertama tidak berjaya. Oleh sebab itu kita kena melihat semula tindakan memberikan bimbingan dan yang pertama adalah kita kena pastikan kita buang stigma ini dulu supaya mereka berani mendapatkan bimbingan dan jawapan daripada pihak agensi kerajaan. Keduanya adalah untuk kes berulang, saya rasa kita kena menjalankan intervensi yang menepati kes-kes tersebut. Saya percaya kes-kes berulang tidak banyak. Namun kalau saya boleh dapatkan secara spesifiknya daripada Yang Berhormat, kita boleh meminta JKM untuk meneliti kes tersebut supaya tidak berulang lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu selesailah soalan lisan.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit, Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang jasa Tuan Yang di-Pertua saya akan kenang sampai akhir hayat. Soalan saya nombor 10.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti kata Yang Berhormat Kapar, dahsyat! *[Dewan ketawa]*
Silakan Menteri.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Bukan soalan tambahan tadi?

Seorang Ahli: Kesian Yang Berhormat Jelebu.

Puan Hannah Yeoh: Itu soalan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan seterusnya? Saya minta soalan tambahan. Jadi soalan seterusnya sudah habis masa.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan terakhir ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya tentang hendak menentukan kewarganegaraan bayi-bayi ini.

Bagaimanakah mekanisme untuk menentukan dari segi bangsa, keturunan, agama dan sebagainya? Keduanya, untuk membolehkan pasangan baru untuk mengambil bayi ini sebagai anak angkat. Adakah ada proses DNA menentukan sama ada bayi tersebut warganegara Malaysia dan juga keturunan dan juga agama apa? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima Kasih Kuala Krau. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ringkas ya.

Puan Hannah Yeoh: Soalan tersebut tidak boleh dijawab secara ringkas kerana mengenai identifikasi bayi.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab bertulis, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Boleh, terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh Tuan Yang di-Pertua? Tadi sudah bagi. Soalan nombor 10.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Tarik balik soalannya. *[Dewan ketawa]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya tarik balik pujian tadi. *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Memang saya hendak cadangkan tarik balik pujian tadi. Dengan itu selesailah sesi Jawab Lisan. Kita teruskan usul Menteri.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.37 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 23 Oktober 2018”.

Tuan Yang di-Pertua: Yang menyokong?

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majlis @ Fakh Rudy]: Sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL
KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan dengan mengambil kira perubahan trend ekonomi global, kedudukan kewangan Kerajaan serta pencapaian dua tahun pertama, 2016-2017 Rancangan Malaysia Kesebelas;

merestui usaha Kerajaan baharu pimpinan Pakatan Harapan untuk menambah baik dan memperkukuh agenda pembangunan negara berasaskan prinsip pertumbuhan dengan ekuiti ke arah mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan aspirasi Wawasan 2020;

meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2018-2020 yang memberi keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif sedia ada serta memperkukuh tadbir urus bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang lebih inklusif dan mampan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat menurut Kertas Perintah CMD.22 Tahun 2018; dan

bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan dibuat secara telus, adil dan saksama.” **[18 Oktober 2018]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya sekarang ialah Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bermulanya perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Perbahasan ini adalah selama lima hari dari hari Isnin 22 Oktober sehingga Isnin 29 Oktober 2018. Saya juga ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Ketua Pembangkang atau wakilnya diperuntukkan selama 60 minit untuk perbahasan, diikuti Ahli daripada Pakatan Harapan selama 45 minit dan seterusnya 30 minit bagi pembahas-pembahas yang lain. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Selama 60 minit untuk permulaan. Saya diberikan satu senarai yang mengandungi Yang Berhormat Rompin sebagai pembahas pertama. Saya menjemput Yang Berhormat Rompin untuk 60 minit atau kurang. Boleh saya kurangkan. Tiada masalah.

11.39 pg.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan pada pagi ini untuk berucap membahaskan usul daripada Perdana Menteri berhubung dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

■1140

Ini merupakan sejarah bagi negara kita, ya lah Rancangan Malaysia Ke-11 dilancarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan kajian semula dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Peralihan kuasa berjalan dalam suasana yang amat aman, baik dan beradab. Akan tetapi Pakatan Harapan tidak menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakyat. Akan tetapi sebaliknya memotong hampir semua peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini. Apa yang paling pentingnya adalah Pakatan Harapan gagal untuk menunjukkan satu budaya baru dalam sistem politik negara ke arah dua sistem parti, *two party system*. Di mana, budaya ini bukan budaya yang seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan hari ini, dengan izin, *"tit for tat"*. Ini adalah satu budaya yang tidak menjurus kepada suatu peradaban sistem politik Malaysia moden. Mereka menguar-uarkan Malaysia baharu tetapi dalam bentuk budaya yang tidak begitu baik bagi sebuah negara moden seperti Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi Raja berperlembagaan, dengan memotong peruntukan-peruntukan yang ada hubung kaitnya dengan kesejahteraan rakyat seperti membina jalan, surau, rumah ibadat, masjid dan sebagainya.

Ini akan dilihat oleh rakyat dan saya harap rakyat membuat pertimbangan yang seadil. Lagipun, kemenangan Pakatan Harapan dalam pilihan raya kali ini adalah dalam keadaan yang luar biasa kerana mereka mengutarakan suatu manifesto yang luar biasa. Mereka mengatakan suatu manifesto yang luar biasa tetapi rakyat mempercayainya. Sebenarnya ini adalah lebih dahsyat daripada politik wang sebenarnya. Kalau kita bercakap tentang politik wang, ia sebenarnya adalah lebih dahsyat daripada politik wang. Pakatan Rakyat, Pakatan Harapan menjanjikan satu hadiah lumayan kepada rakyat dalam bentuk kewangan jika mereka berkuasa dalam negara kita ini.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Rompin sebut mereka menawarkan manifesto yang 'luar biasa'. Saya ingat perkataan 'luar biasa' itu jangan kita guna lah. Kalau 'luar biasa' itu nampak seolah-olah bagus. Akan tetapi saya hendak guna perkataan 'tidak masuk akal'. Apa pandangan Yang Berhormat Rompin?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya kadang-kadang diajar untuk berbahasa berbudi bahasa. Jarang keluar daripada mulut saya perkataan-perkataan yang sedemikian. Jadi, bolehlah dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya bahawa 'tidak masuk akal'. 'Tidak masuk akal'. Akan tetapi rakyat mempercayainya dan ini lebih dahsyat daripada politik wang

sebenarnya. Jadi, kerajaan yang wujud hari ini adalah kerajaan yang keliru, mengelirukan rakyat, rakyat keliru apakah dasar ini akan dilaksanakan atau tidak? Adakah manifesto itu akan dilaksanakan atau tidak? Kita berasa rakyat sedang meneliti. Selaku Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir, saya sokong dia meneruskan menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi dalam dua tahun sahaja. Lepas itu, Parlimen haruslah dibubarkan untuk memberi peluang kepada rakyat membuat pilihan semula supaya rakyat diberi pertimbangan semula dan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional dapat mengutarakan satu manifesto yang lebih adil, munasabah bagi melonjakkan negara kita ini ke hadapan. Bagi melonjakkan negara kita ini menghadapi Rancangan Malaysia Ke-11, menghadapi suasana ekonomi dunia yang tidak betul. Kita meneruskan sebuah kerajaan yang berwibawa dan sebuah barisan Kabinet yang mantap.

Biar rakyat pilih. Dua tahun, bubar Parlimen. Kita sokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir meneruskan reformasi Parlimen. Kita sokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir melangsungkan reformasi kepada institusi-institusi pelaksana dalam negara kita. Setelah dilaksanakan semua reformasi Parlimen, institusi BPR dan sebagainya, wajar lebih adil, wajar lebih adil kepada rakyat Malaysia, lebih adil kepada Barisan Nasional untuk kita bubarkan Parlimen ini. Membagi ruang kepada rakyat Malaysia untuk membuat pilihan yang sebenar dan tepat untuk menghadapi cabaran ekonomi yang lebih.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Barisan Nasional melaksanakan 11 Rancangan Malaysia sehingga ke-11. Kenapa Barisan Nasional berjaya melaksanakan Rancangan Malaysia dari satu hingga ke-11? Ia disebabkan oleh kestabilan politik, pengurusan politik yang baik oleh Barisan Nasional, sifat toleransi, faham memahami di antara kaum dalam negara kita ini yang diurus dengan baik oleh Barisan Nasional. Perlembagaan kadang-kadang diubah, dipinda seperti 121(1A), dipinda memberi ruang kepada mahkamah syariah bergerak selari dengan mahkamah sivil. Apakah hikmah di sebalik pemimpin-pemimpin dahulu berani mengubah perlembagaan ini? Hanyalah semata melihat bahawa desakan, keperluan, suasana politik dunia, di mana gerakan ekstremis berleluasa dalam luar dan negara. Maka, adalah wajar perlembagaan ini dipinda dan ia menenangkan suasana masyarakat dalam negara kita ini yang tidak menjejaskan masyarakat bukan Islam. Tidak menjejaskan langsung masyarakat bukan Islam. Jaminan kebebasan beragama, mengamalkan cara hidup, makan, pakai, budaya, sekolah asas darjah satu, darjah enam diberi keutamaan. Inilah kebijaksanaan. Kebijaksanaan yang diwarisi oleh satu kerajaan dari pelbagai bangsa dan agama disatukan di bawah Barisan Nasional memerintah negara kita ini. Kita cuba dan diterima.

Tahun lepas, rakan saya daripada Marang membawa usul Rang Undang-undang 355. Apakah keperluan rang undang-undang dibawa ke Parlimen? Yang Berhormat Kota Bharu menceritakan dengan detil bagaimana rang undang-undang ini diubah dari semasa ke semasa, dipinda berdasarkan keperluan.

■1150

Sayangnya ramai yang menentang rang undang-undang ini dan kita tidak menggunakan Parlimen ini dalam kerangka – masih dalam kerangka Perlembagaan Negara, RUU 355 dibentangkan berdasarkan kepada kepentingan keadaan semasa untuk memberi ruang kepada negeri-negeri untuk melaksanakan undang-undang syariah. Tidak ada kena-mengena dengan Kerajaan Persekutuan, tidak ada kena-mengena pun dengan bangsa lain dan agama lain. Tidak ada kena-mengena. Apa yang diperlukan adalah ruang...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Rompin, mohon sedikit penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Adakah Yang Berhormat Rompin bersetuju ketika tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan peningkatan kes bayi yang dibuang bahawa puncanya ialah tidak berkesannya undang-undang sivil yang ada sekarang untuk membendung jenayah ataupun puncanya iaitu hubungan secara tidak sah di antara lelaki dan perempuan, perzinaan dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa undang-undang syariah itu khususnya yang disarankan untuk kita meminda Akta 355 itu sebahagian daripada usaha kita untuk mengekang masalah perzinaan ini yang akhirnya menyebabkan peningkatan kes membuang bayi. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, masukkan dalam sebahagian dari ucapan saya. Apa yang penting adalah pindaan dibuat dari masa ke semasa dengan melihat suasana dalam negara dan luar negara, masih dalam lingkungan Perlembagaan Negara. Jangan sampai rakyat memberontak, berjuang untuk melaksanakan hukum syariah di luar Perlembagaan Negara. Ini sangat bahaya yang harus kita lihat akan berlaku dalam negara kita selagi mana kita terus menyekat usaha-usaha sebahagian besar daripada rakyat untuk melihat pelaksanaan undang-undang syariah dilakukan.

Saya melihat apabila Pakatan Harapan Rakyat, usia saya sudah tua – bertanding di Dewan Negeri – pencen – masuk balik Parlimen melihat Ahli-ahli Parlimen yang muda-muda ini, tidak memahami sensitiviti agama, sensitiviti bangsa, bercakap dalam naluri kebebasan bersuara. Beria-ia hendak menghapuskan Akta Hasutan, bercakap tentang agama lain – orang Islam dilarang sama sekali, dihindarkan sama sekali, tidak boleh menghina agama lain, tidak boleh memperlekehkan agama lain. Oleh sebab itu kita jarang dengar orang Islam komen tentang agama Hindu kah, *complaint* tentang agama Buddha kah, tidak pernah kerana kita dilarang, ditegah sama sekali dalam agama kita, ditegah dengan keras kerana keharmonian agama dan bangsa itu adalah perkara yang utama.

Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang muda-muda supaya harus lebih hati-hati dalam mengeluarkan pandangan-pandangan mereka di Parlimen ini supaya warisan pentadbiran yang diwariskan oleh Barisan Nasional dalam kerangka Raja Berperlembagaan, perundingan mestilah diteruskan. Saya bercakap tentang...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Rompin. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Rompin bersetuju berkaitan

dengan Akta Hasutan tadi itu tidak boleh dibatalkan? Ini kerana ia bertujuan untuk memastikan apa yang sudah termaktub di dalam Perlembagaan untuk menjaga agama rasmi, untuk menjaga hak Melayu dan Bumiputera serta juga agama Islam itu, dijaga oleh Akta Hasutan dan kita pastikan bahawa ia tidak akan dibatalkan. Ini adalah penting untuk negara kita. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Dimasukkan juga ke dalam ucapan saya. Inilah kebijaksanaan yang tersirat daripada pemimpin-pemimpin dahulu. Malah apabila seperti Yang Berhormat Kota Baharu cakap apabila kita membentangkan RUU 355, ia disokong oleh orang bukan Islam ketika itu kerana kebijaksanaan, kewarasan pemimpin terdahulu...

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu minta laluan. Hendak tanya pandangan Yang Berhormat Rompin berkait dengan pelaksanaan hukuman sebat di Terengganu, di mana ada pihak yang memandangi sinis apa yang dilaksanakan dan sedangkan hukuman yang dilaksanakan tidak bercanggah dengan RUU 355 yang memperuntukkan tiga tahun penjara, RM5,000 denda dan enam kali sebatan.

Jadi, ada pandangan daripada orang Islam dan juga orang bukan Islam yang memandangi lekeh, memandangi sinis apa yang dilaksanakan dan seolah-olah apa yang dilaksanakan tadi bercanggah dengan Perlembagaan Negara.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, saya rasa saya tidak meneliti secara detil tentang undang-undang syariah di negeri Terengganu. Selagi ia tidak bercanggah untuk ketika ini, tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara, ia harus dilaksanakan. Oleh sebab itulah kita mahu ubah RUU 355 itu supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Lenggong hendak mencelah lagi.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: ... tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Rompin bercakap soal reformasi institusi utama dalam negara tadi. Kemudian juga bercakap soal bagaimana keupayaan Kerajaan Barisan Nasional dahulu melaksanakan beberapa Rancangan Malaysia Pertama sehinggalah ke separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, juga bercakap soal Akta Hasutan.

Saya bersetuju supaya dilakukan reformasi kepada semua perkara-perkara berkaitan kepentingan negara, soal institusi kehakiman, perundangan dan sebagainya. Akan tetapi pada pandangan saya, reformasi itu perlulah dilakukan mengikut tatacara dan peraturan yang betul, satu. Keduanya pelaksanaan juga mestilah dilaksanakan dengan betul dan baik. Ini kerana hari ini nampak sudah berlaku kegusaran di kalangan rakyat.

Apabila institusi kehakiman misalnya yang dilakukan reformasi tetapi pelaksanaannya telah menimbulkan rasa gelisah di kalangan rakyat. Ada kes-kes tertentu yang dibuang dengan begitu mudah, pendakwaan-pendakwaan dibuat tanpa mengikut tatacara yang betul dan sebagainya. Ini menimbulkan kegusaran rakyat.

Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat Rompin bahawa memang keupayaan kerajaan terdahulu yang tidak boleh siapa nafikan kerana setiap daripada kita yang ada dalam Dewan ini mendapat nikmat daripada apa yang telah pun Kerajaan Barisan Nasional lakukan dahulu. Kita berkeupayaan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat sampai ke separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Antara satu faktornya ialah disebut tadi ialah soal keupayaan kita menjaga keharmonian politik dalam negara.

Akan tetapi Yang Berhormat Rompin saya juga hendak jelaskan bahawa keupayaan kerajaan dahulu melaksana kerana kebijaksanaan kita mengurus ekonomi negara, kehebatan kita melakukan hubungan baik dengan negara-negara luar. Misalnya, kalau kita sebelum ini melakukan hubungan baik dengan China misalnya, berlaku peningkatan dari segi harga komoditi. Hari ini komoditi kita sudah jatuh begitu teruk apabila negeri China beralih ke Indonesia, ke Fiji dan ke negara-negara lain.

Ini menunjukkan – kalau keupayaan sebuah negara, kerajaan melaksanakan bergantung kepada kebijaksanaan dia, bukan hanya dari segi politik. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Rompin, pandangan daripada Yang Berhormat Beaufort supaya Akta Hasutan ini jangan sekali-kali dibatalkan. Kebebasan bukan bermakna kita boleh melanggar undang-undang. Kebebasan bukan bermakna kita boleh bercakap apa sahaja. Apa akan jadi kepada negara kita, sudahlah Akta Berita Tidak Benar sudah dibuang, ini Akta Hasutan lagi. Kita langsung tidak ada satu akta yang boleh mengongkong dan mengawal rakyat negara ini. Kebebasan bukan bermakna Tuan Yang di-Pertua boleh bercakap apa sahaja kerana kita kena jaga hak rakyat, hak untuk berdemonstrasi, hak rakyat untuk tidak berdemonstrasi. Apa pandangan Yang Berhormat Rompin?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong, jangan jadikan waktu mencelah sebagai ucapan perbahasan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ucapan utama. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lenggong memang faham tetapi sengaja.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rompin teruskan

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Oleh sebab itulah saya katakan... Ya.

■1200

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ingin bertanya pandangan sahabat saya Yang Berhormat Rompin. Saya ada terjumpa satu catatan dalam *Facebook* Dr. Mahathir bin Mohamad, nama dalam *Facebook* Yang Berhormat Langkawi yang bertarikh 30 Jun 2014 yang mana tajuknya Akta Hasutan.

Dia sebut, "*Kerajaan bercadang untuk menghapuskan Akta Hasutan dan menggantinya dengan Akta Harmoni dan Akta Uniti*". Seterusnya dia sebut, "*Kita sudah pun mansuh ISA dan akta bagi membuang daerah penjenayah bersiri. Kita lihat kesan daripada pemansuhan kedua-*

dua akta ini ialah peningkatan berbagai-bagai jenis jenayah. Tetapi, hasutan walaupun ada dilakukan tetapi tidak melampaui batas”, itu kata dia.

Seterusnya dia sebut, “*Apabila Akta Hasutan digugur maka rakyat Malaysia akan bebas menghasut. Kedua-dua akta baru berkenaan dengan harmoni dan uni tidak akan menghalang hasutan yang akan berlaku*”. Ini kata tuan punya Facebook ini. “*Rakyat akan menerima berbagai-bagai hasutan termasuk hasutan untuk meminda Perlembagaan Malaysia. Tidaklah mustahil mereka akan menghasut supaya Institusi Raja juga akan dihapuskan*”.

Terakhir saya hendak baca *paragraph* kelima ini, disebut oleh tuan punya Facebook ini, “*Di Thailand ada undang-undang yang disebut ‘Les Mejuste’ yang melarang sebarang cemuhan terdapat Raja dan Institusi Raja. Tetapi di Malaysia undang-undang ini tidak ada*”.

Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Rompin daripada *caption* yang saya baca dalam Facebook Yang Amat Berhormat Langkawi ini, adakah kita Ahli-ahli Dewan terutamanya di barisan pembangkang, seharusnya meminta dan menggesa Yang Amat Berhormat Langkawi supaya tidak meneruskan hasrat untuk menghapuskan Akta Hasutan demi kepentingan keselamatan negara? Terima kasih.

Dato’ Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih. Oleh sebab itulah saya kata Parlimen harus dibubarkan dalam masa dua tahun kerana parti-parti politik seperti DAP dengan dasarnya, PKR dengan dasarnya, AMANAH dengan dasarnya, BERSATU dalam keadaan terdesak membina sebuah kerajaan yang tidak stabil. Membuat dasar-dasar, Menteri-menteri bercakap soal remeh-temeh. Rakyat keliru, keselamatan negara terancam. Ini sangat berbahaya. Ditambah oleh Ahli-ahli Parlimen yang muda-muda tidak mengetahui sejarah bercakap dalam luar kerangka Perlembagaan. Ini menimbulkan satu keadaan yang cukup membimbangkan.

Negara ini tidak boleh maju, tidak boleh dilancarkan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Ketiga Belas...

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Dato’ Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Bera.

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat menyebut tentang bercakap di luar kerangka Perlembagaan. Tadi ada rakan kita menyebut tentang hukuman sebat di Terengganu.

Seperti kita tahu, hukum dari segi pentadbiran Islam dan ‘*urf*’ ia terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, bukan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan pun. Jadi apabila ada campur tangan daripada Kerajaan Persekutuan yang tidak bersetuju dengan hukuman yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah di Terengganu, adakah Yang Berhormat berpandangan ini adalah satu tindakan yang bertentangan dengan Perlembagaan dan tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan ini adalah tindakan di luar daripada kerangka Perlembagaan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi?

Dato’ Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, itulah hakikat sebenarnya bila Ahli-ahli Parlimen, kadang-kadang Timbalan Menteri sendiri bercakap soal-soal yang di luar kerangka

Perlembagaan. Dalam kempen pilihan raya, tidak adil bagi MCA, sebuah parti yang berpuluh tahun bersama UMNO berjuang di dalam kerangka Perlembagaan, parti lain untuk meyakinkan orang Cina atau orang luar berjuang dalam —keluar menjanjikan di luar kerangka Perlembagaan. Dengan izin, *very juicy* kepada generasi baru. Akhirnya mereka membuat pertimbangan yang salah, walhal perkara itu tidak boleh dilaksanakan dalam kerangka Perlembagaan negara.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasir Salak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Rompin, apakah mereka yang berkenaan termasuk kata Ahli-ahli Parlimen yang muda-muda ini tidak tahu Perlembagaan— saya rasa mereka tahu, faham semua ini, pandai-pandai belaka, bab Perlembagaan, sejarah pun tahu.

Akan tetapi masalahnya sekarang ini, baik daripada pembangkang ataupun kerajaan, di pihak kerajaan ataupun pembangkang, hendak jadi *popular politically*, hendak jadi popular. *They play to the gallery, play to the public*. Jadi buat *statement*, walaupun bercanggah dengan Perlembagaan tetapi dia tahu bahawa ini akan dapat publisiti, dapat sokongan daripada puak-puak liberal ini. Dia hendak jadi hero. Ini menyebabkan berlakunya *statements* yang dibuat. Walaupun ia sebenarnya tidak boleh masuk campur dengan apa yang dilaksanakan oleh pihak yang berkuasa. Kerajaan negeri, berkuasa dalam hal itu. Biarlah kerajaan negeri buat. Kita di *Federal* ini pergi campur apa fasal.

Termasuk juga Menteri Agama itu, yang duduk Jabatan Perdana Menteri itu, jangan sibuk-sibuk campur. Bukan maknanya semua Menteri boleh buat keputusan, ada kuasa. Kuasa Menteri pun terhad, tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, hendak tanya kah atau hendak bahas?

Seorang Ahli: Tahu saya siapa?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tahu saya siapa? *[Ketawa]*
Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat mungkin...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]: Sudah kalah debat di Parit Buntar 2008 sudah.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Mungkin...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Rompin, mohon mencelah.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tadi Yang Berhormat Rompin sebut tentang pelaksanaan undang-undang syariah di Terengganu. Adakah selepas ini Yang Berhormat Rompin mencadangkan negeri Pahang iaitu negeri Yang Berhormat Rompin sendiri untuk melaksanakan sebagaimana di Terengganu?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, saya Ahli Parlimen, saya bukan ADUN. Kalau saya ADUN — inilah kena faham ini, kena faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Maka tidak ada jawapanlah.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ini Parlimen. Undang-undang syariah, ADUN. Saya Ahli Parlimen. Tidak apalah oleh kerana dia muda, saya maafkan. *[Ketawa]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Cadang tidak payah jadi Ahli Parlimen pun tidak apa.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak apalah, itu di luarlah. Saya mungkin ini penggal terakhir saya bertanding. Saya akan rasa terhibur kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari kalangan orang bukan Islam menjadi *champion*, pesta arak itu tidak harus dilaksanakan. Ini kerana ia bertentangan dengan tabii manusia, bukan dari segi agama. Hendak minum arak di kedai, hendak minum arak dalam rumah sendiri, silakan. Pesta, bukan budaya kita orang Cina, bukan budaya orang India, bukan budaya orang Melayu, bukan budaya orang Islam.

Saya akan terhibur merasa ada dua, tiga orang Ahli Parlimen di kalangan orang bukan Islam bangun menyatakan bahawa pesta arak ini bukan budaya kita dan ia tidak memberi manfaat langsung kepada negara, kesihatan dan sebagainya.

Inilah budaya kebijaksanaan yang hendak kita wariskan kepada generasi akan datang Ahli-ahli Parlimen. Kebijaksanaan yang telah kita wariskan melalui perubahan Perlembagaan, enakmen-enakmen diubah dari semasa ke semasa berdasarkan kepada kepentingan semata. Negara ini kita hendak wariskan kepada generasi hadapan dengan kestabilan politiknya, rang undang-undang yang digubal, dibentuk berdasarkan dengan kepentingan, bukan angkuh dan rakus menonjol kepada egoistik kita di atas perjuangan parti masing-masing—negara ini akan hancur.

■1210

Jangan sampai ada gerakan-gerakan seperti berlaku di luar negara, rakyat mengangkat senjata oleh sebab mereka merasakan perlembagaan sudah tidak boleh melindungi kepentingan mereka dan mereka akan angkat senjata.

Alhamdulillah, di negara kita apa pun yang kita buat, masih dalam kerangka Perlembagaan negara dan ini terkawal. Soalnya, bagaimana kita hendak menghadapi ekonomi akan datang? Saya bercakap tentang rangka. Adakah dalam suasana kerajaan yang tidak aman, politik berkacau sebuah praktik yang memerintah dengan pelbagai dasar yang berbeza mampu untuk membawa negara ini ke mercu yang lebih tinggi lagi? Tidak boleh. Oleh sebab itulah pilihan raya dan pembubaran adalah jawapan kepada permasalahan yang ada pada hari ini. Ini kerana...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya mengikuti perbincangan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rompin soal bagaimana kita menguruskan negara dengan penuh hemah dan penuh cermat. Dewan ini

membahaskan sesuatu akta dengan cukup teliti. Sesuatu perkara mengambil kira tentang faktor baik buruk kepada masa depan negara. Akan tetapi, mutakhir ini kita melihat beberapa akta yang digubal oleh kerajaan lama dipinda, dibawa ke Dewan ini dan dipinda dengan sewenang-wenangnya melalui kenyataan-kenyataan pihak kerajaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Rompin, soal sejauh mana implikasi perubahan ini akan meninggalkan, akan mewujudkan suatu polemik di kalangan rakyat khususnya polemik agama dan polemik perkauman? Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Polemik saya tidak bimbang sangat. Mengguris hati dan perasaan rakyat, mengguris, terguris, ini yang saya bimbang. Sangat bahaya kepada negara. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, banyak sangat mencelahnnya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akan tetapi...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tambah saya dua puluh minit lagi ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak ada tambah. Patuhi masa.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya menjurus kepada ekonomi. Ini bidang sayalah. Pakatan Harapan berhadapan dengan suatu *external economy* yang tidak menentu. Pertelagahan di antara – tidak pernah berlaku sebelum ini, kita mengharapkan Amerika dan China memainkan peranan dalam pertumbuhan ekonomi dunia. Percanggahan dua negara, *economic war and currency war*. Bukan sahaja *economic war, currency war* menjejaskan sedikit sebanyak pertumbuhan ekonomi dunia dan dirantau ini. Ini ditambah pula di Eropah, tidak pernah berlaku di dalam sejarah dunia orang Eropah berjaya mewujudkan *single currency*. *It's a noble idea*. Akan tetapi Britain keluar, *Brexit*. Ini juga menimbulkan satu suasana tidak menentu, ekonomi Eropah, ekonomi Amerika. Bagaimana Pakatan Harapan menghadapi masalah ini, keadaan ini? Saya melihat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kerajaan tidak menjurus bagaimana untuk melindungi ekonomi negara daripada serangan apa-apa yang berlaku dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Adakah kerajaan harus membelanjakan lebih? Dalam keadaan pertumbuhan *domestic growth* yang tidak boleh dijamin. Apakah kerajaan akan membesarkan lagi dasar fizikalnya untuk membolehkan *domestic growth* berkembang dengan sebab kurangnya sokongan dari luar untuk satu pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap? Malaysia adalah sebuah negara yang dikatakan ekonomi terbuka bersaiz kecil (*open small economy*). Dasar yang digubal harus menjurus kepada *export-oriented economy*. Kalau kerajaan bergantung kepada *domestic economy* untuk maju, untuk berkembang, ia tidak mungkin akan berlaku kerana *a small assize economy*.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia mengatakan bahawa dia akan meningkatkan perkhidmatan. Ini satu lagi sektor perkhidmatan. Ini satu lagi keadaan yang cukup bahaya. Ini kerana sebuah ekonomi kecil (*open economy*), domestik yang lemah dan kerajaan untuk memacu ekonomi dengan menggunakan sektor perkhidmatan dan suasana ekonomi yang lemah adalah suatu yang menimpa malapetaka kepada ekonomi. Sejumlah 45 *percent*, sektor perkhidmatan sudah cukup besar bagi sebuah negara yang bersaiz kecil seperti Malaysia. Kita harus menggerakkan ekonomi kita kepada *export-oriented economy*, dengan izin. Seperti contoh

Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Kalau di Eropah, Germany, Perancis, mereka kurang sektor perkhidmatan tetapi mempelopori satu perubahan, satu kekuatan dari segi *manufacturing* dan kita lihat ekonomi mereka stabil.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran pun tidak ada di sini. Mereka bukan negara yang bercakap dalam bahasa Inggeris. Kita mendewa-dewakan bahasa Inggeris. Tidak pernah sejarah agung dunia dibina oleh orang-orang yang bercakap bahasa Inggeris. Tidak pernah. Negara Rom, Parsi, Arab, Cina, India, membina tamadun mereka bukan bercakap bahasa Inggeris. Orang yang bercakap bahasa Inggeris tidak pernah membina tamadun dunia. Ini kerana bahasa Inggeris bukan bahasa intelektual membina minda dan otak. Bahasa Sanskrit, India lebih superior. Bahasa Urdu, bahasa Arab, lebih superior. Bahasa Cina, lebih superior.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tidak ada Bahasa Melayu *kah* untuk perkataan 'superior'?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: 'Superior' apa ya?

Beberapa Ahli: Unggul.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Lebih unggul! Lebih unggul! Arab, Turki, bahasa Turki lebih unggul. Bahasa Cina, Sanskrit lebih unggul. Apabila India, Pakistan, Bangladesh dijajah terus menggunakan bahasa Inggeris, mundurlah mereka. Mundurlah mereka.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Dalam Malaysia bahasa kebangsaan lebih unggul.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya lah, ini yang saya mahu cakap ini.

Seorang Ahli: Kena fahamlah. Itu tidak fahamlah itu...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Belum lagi ini, sabarlah.

Seorang Ahli: Dia tidak fahamlah tu.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Bahasa Jepun, bahasa Cina, mereka tidak menggunakan bahasa Inggeris sebab itu dia maju. Orang Jerman tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebab itu dia maju. Orang Perancis tidak menggunakan bahasa Inggeris sebab itu mereka maju. Saya setuju untuk menjual komputer, mesti pandai berbahasa Inggeris. Akan tetapi, komputer tidak pernah dihasilkan oleh orang yang berbahasa Inggeris. Menjual kereta, mesti tahu berbahasa Inggeris, saya setuju. Akan tetapi, kereta tidak pernah dibuat oleh negara yang bercakap bahasa Inggeris. Negara Jepun, *Germany*, jadi jangan agung-agungkan bahasa Inggeris. Bahasa Malaysia, yang berteraskan Arab, jawi Melayu, lebih superior. Lebih unggul daripada bahasa Inggeris.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi saiz kecil seperti yang saya katakan tadi, bahawa kita – Apabila kerajaan membatalkan ataupun tidak membatalkan projek yang boleh meningkatkan daya saing negara, kita lihat bahawa sebenarnya Malaysia ini terperangkap dalam *vicious cycle low level income because low economy, low cost center*. Mesti keluar daripada ini, kalau kita tidak keluar daripada ini, tidak boleh melonjak ekonomi negara kerana apa? Kerana dasar kita. Saya *champion* dari dulu hingga sekarang kerajaan mesti berani melaksanakan gaji minimum.

Pergantungan kepada *domestic growth* adalah penting dalam ketika ini. Membatalkan projek ECRL adalah langkah yang tidak bijak. Rundinglah harga kerana ia akan menghubungkan Kuala Lumpur, Port Klang ke Kuantan. Perteingkatkan keupayaan Pelabuhan Kuantan, perteingkatkan keupayaan Pelabuhan Kuantan sampai ke Tumpat jalan. Ini memberi ruang kita membuat satu dasar baharu negara yang harus kita cuba pertumbuhan melampaui *border* negara. Kalau dalam keadaan yang kecil, Kelantan-Pattani adakan satu perbincangan Kelantan-Pattani. Satu kawasan pertumbuhan baharu bagi membantu pertumbuhan negara. Kalau dalam skala yang versi besar, Kelantan, Perak, Perlis bincang bagaimana untuk satu pertumbuhan ekonomi baharu, bagi membantu pertumbuhan negara. Ini banyak sangat hendak menyampuk Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkanlah. Saya banyak isu-isu ekonomi, walaupun adik saya ini, sekejap satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sebab itu Yang Berhormat Rompin ini terpulang kepada Yang Berhormat, sama ada hendak membenarkan pencelahan atau tidak.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua bagi saya tambah 10 minit sebagai mewakili Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak, kita kena berilah ruang dan peluang yang adil kepada semua, 17 minit lagi.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Okey ya, ini pertumbuhan baharu apabila Jalan Kuantan, pertumbuhan *a new growth for the East*, menghadapi Laut China Selatan berdagang dengan China, berdagang dengan –

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Rompin hendak bagi masuk *gear* satu.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ini pertumbuhan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rompin tidak bagi, sila teruskan Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Okeylah adik saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya bagi, sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masuklah *gear* tiga kah, empat kah.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Adakah Yang Berhormat Rompin bersetuju bahawa pimpinan yang diketuai oleh Yang Berhormat Langkawi juga terperangkap? Selepas dia angkat sumpah, dia pergi Jepun. Kita ada legasi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kedua ada legasi dengan negara China. Banyak perkara-perkara baharu yang dibuat selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kedua. Legasi hubungan baik di antara banyak-banyak negara di Asia Tenggara di mana negara kitalah yang memberi kepercayaan kepada China tentang masa depan China akan terus berkembang. Pada tahun 1974, Perdana Menteri Kedua memulakan legasi ini, adakah Yang Berhormat Rompin bersetuju bahawa Yang Berhormat Langkawi juga terperangkap dalam sifir lama?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, mungkin benar pandangan daripada Yang Berhormat Mersing, jiran saya. Sebenarnya kita lihat pertumbuhan *balance* seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang di antara Timur dan Barat. Terus ke Kelantan, terus sampai ke Pattani, Narathiwat. Bina jalan dari Kuantan sampai ke Johor Bahru yang sedang dibina berperingkat. Saya boleh setuju kalau pembinaan High Speed Rail ini dibatalkan tetapi peruntukan semua hendaklah diberikan kepada Pantai Timur. Bina pelabuhan yang baik di Kuantan sebagai *a new growth center* dengan izin, *for the East* yang menghadap Laut China Selatan *is the future ocean. Pacific-Atlantic is the past*. Laut China Selatan *is the future, the ocean of the future*. Supaya pembangunan akan datang berkisar ke lautan ini dan Kuantan harus dimanfaatkan sebagai *a growth center* baharu kepada negara. HSR boleh dibatalkan, tetapi bina lebuhraya Kuantan ke Johor Bahru. Singapura sudah tidak penting kepada kita apabila terbinanya jalan yang penting ini iaitu dari Kuantan sampai ke Johor Bahru, Singapura sudah tidak penting. Inilah dasar yang perlu difikirkan semula oleh Kerajaan Pakatan Harapan, yang saya beri tempoh hanya dua tahun. Dari segi etika dan harus membubarkan Parlimen.

Saya melihat China harus diberi kesempatan untuk membangun melalui konsep RCEP rantau ini yang bertujuan untuk mengayakan rantau ini dengan konsepnya One Belt, One Road. Masalah dunia hari ini sama semua perdagangan melalui USD. Kita mahu kerajaan -- kerana apa, kerana mempunyai kuasa militari. Orang yakin tentang dolar Amerika.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta penjelasan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Akan tetapi kita mahu satu *currency* yang mungkin *currency Yuan* mengambil alih perdagangan di rantau Asia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Arau minta buka jalan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tanya sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Mencilah.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: 30 saat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Seminitlah ya? Apakah Yang Berhormat sedar Laut China Selatan Yang Berhormat sebut sebagai laut masa hadapan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa Laut China Selatan yang dipunyai oleh Malaysia, sekarang ini diancam oleh negara asing termasuklah China, dengan meletakkan *coast guard* mereka di kawasan perairan Malaysia iaitu contohnya seperti Beting Patinggi Ali di kawasan Sarawak.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya bercakap dari segi *the ocean of the future* dalam kerangka ekonomi rantau ini. Maknanya Jepun, China, Taiwan, Korea, Filipina dan perdagangan antarabangsa. Jadi China harus diberi kesempatan dengan dasarnya, RCEP-nya dengan One Belt, One Road-nya mengayakan seluruh rantau Asia ini. Kita mahu akhirnya satu *currency* baharu menggantikan *currency* dolar Amerika sebagai bahan dagang yang boleh

mengurangkan *manipulation dual economics by the Americans* dia naik sahaja *interest*, susah kita.

Jadi inilah yang perlu difikirkan oleh kerajaan yang baharu hari ini dan saya tidak nampak jika kita memotong projek-projek ini adalah satu pendekatan yang baik. Akhirnya saya mendengar bahawa jambatan bengkok ini akan dibuat. Saya melihat *design*-nya cantik dan kadang-kadang kita lihat ada sebab yang munasabah untuk membuat jambatan ini. Akan tetapi ada sebab-sebab ekonomi dan sebab-sebab lain yang tidak perlu saya cerita dalam Dewan ini. Akan tetapi apakah persoalan yang saya hendak tanya, apa akan jadi kalau Singapura mengambil keputusan untuk tambak Selat Tebrau sebelah Singapura, apa akan jadi? Kita hendak buat jambatan itu tetapi Singapura ambil keputusan untuk – Singapura pakar dari segi tambak-tambak laut, ini perkara mudah bagi mereka.

Apa akan jadi kalau Singapura mengambil keputusan untuk tambak tanah di sebelah sempadan Singapura? Selat Tebrau. Apakah akan terjadi? Inilah yang harus difikirkan oleh kerajaan hari ini. Saya menyokong, saya mengatakan ada kemunasabahan dalam pembinaan jambatan ini tetapi persoalan yang harus dikaji dan diselidik oleh kerajaan, apa akan jadi jika Singapura mengambil keputusan untuk tambak sebelah sana Singapura?

■1230

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada China tadi. Saya setuju supaya kalau USD disokong oleh – bukan disokong oleh *fundamental economy*. USD disokong oleh *aircraft carrier*, disokong oleh *nuclear power bomb*, disokong oleh *war satellite*, disokong oleh pusat-pusat ketenteraannya di seluruh dunia. Itulah nilai USD sebenarnya, bukan *fundamental economy* yang dipunyai oleh negara Amerika. Akan tetapi nilai Dolar Amerika disokong oleh kekuatan ketenteraannya. Kita mahu, saya pro China, China harus menguatkan ketenteraannya, membina *aircraft carrier* supaya Yuan boleh disokong oleh satu kekuatan tentera bagi meyakinkan negara-negara yang berdagang di dunia ini menggunakan Yuan sebagai suatu *currency*, mengalih peranan yang dimainkan oleh Amerika selama ini dalam negara kita – dalam perdagangan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, harga komuniti semakin menjunam, USD yang lemah sepatutnya harga sawit akan meningkat, akan tetapi tidak. Lemahnya Ringgit, lemahnya harga komoditi dalam negara kita. Bagaimana kita hendak memacukan *domestic growth* yang lebih bermakna dan lebih kuat kalau dalam keadaan harga komoditi yang begitu rendah sekali. Ini hanya boleh dilakukan dengan kita bersahabat dengan semua negara. Kita tidak harus menunjukkan sikap-sikap yang boleh mengguris hati, melemahkan semangat untuk orang beli minyak sawit. Sawit adalah *durable oil*. Inilah sebab negara-negara seperti Amerika, negara-negara Argentina tidak boleh bersaing dengan harga kita, *durable*. Tanam sekali 25 tahun akan tahan. Minyak bunga matahari dan minyak kacang tiga bulan sekali. Akan tetapi kita kelapa sawit *durable*, minyak yang cukup bertahan lama. Kerajaan harus lebih agresif. Peruntukan yang lebih besar harus diperuntukkan kepada kementerian ini untuk mempromosikan minyak sawit ke seluruh dunia.

Akhirnya saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Menteri Kewangan tentang hutang negara. Kalau dalam laporan, mengikut laporan adalah masih 50 *percent*. Saya juga ingin tahu siapakah peminjam dia? KWSP, KWAP, Tabung Haji atau institusi-institusi mana yang meminjam kepada kerajaan.

Kita tahu 95 peratus pinjaman adalah daripada domestik. Apakah dengan meminjam dari luar kita menghalang pertumbuhan *loan domestic growth* dalam negara. Pinjam lebih tetapi tidak apa, daripada KWSP, daripada KWAP, daripada Tabung Haji, daripada Institusi Kewangan Negara. Saya tidak halang dengan dari segi fizikalnya kalau kerajaan ingat untuk membesarkan fizikal kepada 35 *percent*. Akan tetapi pastikan pinjaman itu adalah domestik. Kalau kita hendak ambil pinjaman daripada luar, ia boleh menghalang pertumbuhan *loan* dalam negara, *loan growth* dalam negara seperti yang kita ambil daripada KWSP, KWAP, Tabung Haji dan meminjam ini adalah *economic model*. Jangan cakap pinjam pinjam ini Menteri Kewangan kata pinjam pinjam ini, pinjam ini adalah *economic model*.

Kalau kita tidak pinjam duit KWSP, kalau kita tidak pinjam duit KWAP, kalau kita tidak pinjam duit PNB, bagaimana dia hendak bayar dividen? Bagaimana dia – meminjam adalah sebahagian daripada *economic model* yang terkawal, *domestic economic model* yang terkawal bukan *external debt* yang mengganggu bila ada *currency war* akan menjejaskan *domestic economy* tetapi meminjam dalam konteks ekonomi negara, dalam negara dan institusi. Saya ambil Singapura, semua negara terpaksa meminjam daripada dia punya EPF. Kita menyerupai Singapore.

Meminjam adalah sebahagian daripada kaedah kita untuk *generate loan growth* dalam negara tetapi dalam keadaan terkawal. Pada saya 30 *percent* dan 35 *percent* dasar fizikal negara adalah satu keadaan yang cukup baik. Dalam keadaan ekonomi kita diancam oleh satu keadaan ekonomi luar yang begitu *sophisticated, the centrics. American centric, the European centric, Great Britain centric*. Bagaimana kita mengolah dasar. Inilah strategi-strategi yang perlu difikirkan oleh kerajaan hari ini untuk

Saya meneliti rancangan-rancangan yang walaupun sebahagiannya adalah *the extension of policy* yang telah digubal oleh kerajaan terdahulu, ia harus diperbaiki lagi. Kita hanya ada tahun 2018, tahun 2019 dan tahun 2020 untuk mencapai negara maju. Tanpa satu dasar yang *pragmatic*, kestabilan politik, tidak mungkin kita berjaya untuk mengangkat Malaysia ini sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, ia hanya boleh dilakukan dengan persediaan satu sistem politik yang baharu, barisan Kabinet yang baharu, *a combination of* dengan izin parti-parti politik yang sama aliran falsafah perjuangannya, barulah negara ini boleh di lonjak. Pakatan Harapan tidak mampu melaksanakannya. Pilihan Raya kecil – Pilihan Raya harus dipanggil dalam masa dua tahun untuk adil kepada semua parti, untuk adil kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, itulah ucapan ringkas saya pada pagi ini. Terima kasih di atas kesabaran. Akan tetapi nampaknya Tuan Yang di-Pertua tidak beri lebih masa. Saya mengikut masa walaupun lebih tujuh minit nampaknya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin yang mewakili Ketua Pembangkang yang tidak hadir pada pagi ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Jadi begitulah berakhirnya ucapan 60 minit. Saya memang cukup sabar mendengar.

Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat yang seterusnya mengambil bahagian, sukacita saya nasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan, sila meneliti usul yang dibuat oleh Perdana Menteri dan baca baik-baik Peraturan 38, Peraturan Mesyuarat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Masa 45 minit, sila.

12.38 tgh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Saya bercakap dan berbahas tentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 bagi pihak Permatang Pauh. Sudah tentu saya mengulangi komitmen Permatang Pauh untuk bersama-sama dalam menzahirkan perancangan bagi kita mencapai sasaran Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11.

Di sebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku dokumen reformasi yang komprehensif dalam usaha untuk mereformasikan Malaysia. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua *with regards to* Kajian Separuh Penggal adalah supaya kita dapat meneliti sasaran, strategi dan inisiatif dalam tempoh tahun 2018 sehingga tahun 2020 serta menilai pencapaian dalam tempoh 2016 – 2017.

Saya rujuk tahun 2016, kenyataan Bank Dunia yang telah menyenaraikan Malaysia di antara Maldives dan Mauritius, sedikit ke depan daripada Russia bagi pendapatan perkapita dan seolah-olah kita juga ini tergolong dengan negara-negara seperti Brazil dan Afrika Selatan. Lebih dua dekad kita dalam zon ekonomi *middle-income trap* disebut, ekonomi pertengahan.

■1240

Pada masa yang sama, ketika itu, masa depan Malaysia dan penyelesaian yang disyorkan adalah jelas. Pertama, Bank Dunia menyarankan dasar kerajaan harus beri ganjaran dan sokongan kepada kajian inovasi dan pembangunan teknologi dalam sektor *government-linked companies* (GLC) dan persendirian. Pada masa ini, *research and development* kita adalah pada tahap 1.1 peratus dan sepatutnya meningkat kepada tahap empat peratus.

Dari meneruskan sokongan untuk kos rendah dari segi *low cost foreign labor*, cadangan mereka adalah lebih baik pertumbuhan produktiviti juga didukung dengan polisi pendidikan untuk menaiktarafkan Malaysia sebagai negara berprestasi tinggi. Usaha yang berterusan dilakukan bagi mengekalkan pelajar dan graduan yang dapat terus belajar di institusi-institusi bukan sahaja TVET tetapi mampu bekerja dengan efektif.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya rujuk daripada tahun 2016 hingga 2018, kita hanya berjaya meningkatkan 0.1 peratus daripada KDNK untuk aktiviti *research and*

development. Nisbah yang sangat-sangat rendah kalau dibandingkan dengan negara-negara maju. Kalau kita benar-benar serius, inilah yang harus diambil kira dan dilaksanakan oleh kerajaan.

Kita mesti serius juga untuk jadi fleksibel. Maka itulah natijahnya kajian separuh penggal. Lihat kegagalan sebelumnya. Kalau kita *target* KDNK lima hingga enam peratus per kapita setahun tetapi kita hanya dapat 4.5 peratus. Produktiviti buruh kita asalnya RM92,300 tetapi hanya RM88,490. Maka sudah tentu semua ini harus menjadi panduan kepada apa yang harus diperbaiki daripada saat ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mohon mencelah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Saya sebenarnya tidak ada masa. Kalau boleh, boleh saya habiskan poin ini dahulu, kemudian saya bagi kepada Yang Berhormat Kangar?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan terma *shared prosperity*. Disebut tidak harus ada golongan yang merasakan mereka terpinggir dari arus perdana pembangunan. Hakikatnya apa? Hakikatnya kalau kita lihat daripada laporan *Khazanah Research Institute* (KRI) dalam *the State of Households 2018*, mereka yang berpendapatan rendah di bawah daripada RM2,000 sebulan hanya mempunyai baki pendapatan RM76 pada tahun 2016. Pada tahun 2014 lagi tinggi, ada juga RM124. Dalam dua tahun jatuh. Jatuh lagi. Tidak cukup selepas kita ambil kira inflasi daripada pendapatan.

Saya juga merujuk kadar penglibatan wanita dalam sektor buruh yang amat menyedihkan. Kenapa? Kerana lebih daripada separuh populasi wanita iaitu sejumlah 58 peratus atau 2.6 juta wanita antara 25 hingga 54 tahun tidak bekerja. Sudah tentu ini mengurangkan produktiviti negara. Kita ini terbelakang daripada negara Laos, negara Singapura, Vietnam dan Brunei. Kita lagi corot daripada negara-negara tersebut. Jadi saya fikir harus kita lebih realistik dan melihat secara keseluruhan apa yang perlu dibuat.

Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Kangar sekejap sahaja. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ya, saya hanya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Tadi Yang Berhormat Permatang Pauh menyebut tentang beberapa sasaran kerajaan yang gagal dicapai. Setuju atau tidak, Yang Berhormat Permatang Pauh, bahawa ini membuktikan bahawa Barisan Nasional ini lebih teruk? Sebab, dia jadi kerajaan pun, dia ada data tetapi dia tidak boleh capai berbanding manifesto daripada pembangkang yang belum jadi kerajaan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah tentu kita telah menerima dan kita juga sekarang ini bergelar kerajaan. Jadi baik buruknya kita terpaksa tanggung. Akan tetapi pada saya, dalam peluang keemasan ini, kita ada peluang di mana kita boleh melakukan sebaik mungkin. Kalau benar kita sebut reformasi, maka harapan rakyat itu amat menggunung. Pada 9

Mei mereka keluar untuk mengundi, mereka mengubah kerajaan di peringkat pusat tetapi atas dasar itulah, pada saya, kadangkala alasan yang kita ulangi, ia ada hadnya. Ada perlu untuk kita melaksanakan mengikut *aulawiyat*, saya sering sebut, keutamaan dan *the cluster of priorities* itu harus kita kenal pasti dengan jitu.

Perkara pertama yang saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ekonomi dan sosial sebuah negara bermula dengan modal insan. Maka saya sering sebut dua cabang utama, *you choose a government* jaga bidang pendidikan, jaga bidang kesihatan. Saya pergi kepada TVET, dana sistem perlatihan dan cadangan penubuhan Suruhanjaya TVET.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pendidikan, saya hargai komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam kemahuan untuk memartabatkan TVET secara holistik. Menjanjikan peningkatan dari sudut penerapan pengetahuan dan kemahiran teknologi termasuk daripada negara Jepun.

Namun, dalam laporan media beberapa hari lepas, Menteri Tenaga Manusia menyatakan 20,000 orang pelajar di kolej TVET swasta, selepas empat bulan menunggu, *alhamdulillah*, akhirnya tindakan Kementerian Sumber Manusia mendapat kelulusan peruntukan RM140 juta daripada Kementerian Kewangan. Maksudnya dalam empat bulan itu terpaksa ditunggu kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk melunaskan bagi kesemua pelajar TVET di seluruh negara iaitu peminjam dana PTPK, tabung PTPK.

Saya fikir ini agak penting kerana majoriti pelajar-pelajar di bawah tabung PTPK adalah daripada keluarga berpendapatan rendah. Kalau empat bulan mereka menunggu, bayangkan keresahan keluarga, bayangkan kesusahan mereka, bayangkan juga di antara mereka ini keputusan sudahlah buruk, corot, kemudian tiba-tiba apabila ada penangguhan, ada di kalangannya tidak mahu meneruskan pengajian. Jadi saya ucapkan terima kasih di atas kelulusan tersebut.

Akan tetapi pada masa yang sama, timbul cadangan untuk mengenakan nilai bayaran semula bulanan sebanyak RM100. Tuan Yang di-Pertua, saya beri contoh ya, RM100 ini sangat tinggi nilainya. Daripada kaji selidik yang kita lakukan, yang paling rendah graduan TVET ada juga yang membayar RM55 sebulan. Kenapa? Graduan SKM Tahap 2 ambil pinjaman RM8,000, gaji mungkin RM1,200 atau RM1,300. Ambil kira EPF, SOCSO, bawalah pulang RM1,000 sebulan. RM100 ini 10 peratus daripada gaji pulangan. Sangat tinggi kalau kita ambil kira sewa rumah, pinjaman motosikal, makanan dan juga perbelanjaan lain.

Jadi saya pohon agar dapat diambil kira jumlah yang lebih memadai. Kita memang mahu mereka membayar tetapi berlainan daripada demografi peminjam PTPTN, PTPK ini rata-rata daripada keluarga yang daripada golongan *bottom 40 of the household*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil maklum juga memang ada pembaziran sebelum ini—kes rasuah yang sepatutnya disiasat di mahkamah. Akan tetapi, kita juga melihat ada terlalu banyak kementerian yang mengawal selia TVET. Ini diambil kira bukan sahaja daripada pihak saya, saya rujuk laporan daripada PricewaterhouseCoopers, laporan *Boston Consulting Group* yang menjadi juru perunding yang dilantik oleh kerajaan terdahulu, yang terkini kita juga

menunggu laporan daripada PricewaterhouseCoopers untuk memperbaiki TVET. Natijahnya, semua kata memang banyak sangat kementerian.

Saya berucap dalam sesi lepas disebut tentang IKBN yang diletakkan di bawah Kementerian Belia dipindahkan ke Kementerian Sumber Manusia. Sekarang, terkini, dipindah semula kepada Kementerian Belia kerana keunikan kurikulumnya. Jadi okey, saya faham. Maksudnya kita akan kekal dengan kementerian-kementerian tertentu mempunyai kuasa di atas institusi TVET mereka yang berjumlah lebih 1,200 seluruh negara.

Maka apabila berlaku sedemikian, cadangan saya, kita jadikan Dewan Rakyat yang mulia ini sebagai medan audit menempatkan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). JPK ini adalah disebut sebagai yang akan mengeluarkan pentauliahan dan sebagainya tetapi mereka diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Sebaiknya, JPK diletakkan di bawah sebuah suruhanjaya khas TVET yang saya akan anjurkan dalam sebuah rang undang-undang di mana suruhanjaya tersebut mengawal selia kesemua kementerian yang ada, bertindak bebas, *independent* dan mampu untuk mendapatkan laporan terkini tentang program yang berkemungkinan bertindan dan sebagainya.

Kita wajar mengenal pasti masalah fundamental, asas. Cakaplah bagaimana hendak perkasakan TVET tetapi kalau gaji itu di mana 70 peratus daripada graduan TVET gajinya di bawah RM1,500 sebulan, saya berfikir berpuluh ribu graduan tidak mendapat gaji dan juga pulangan setaraf dengan kelayakan mereka. Ini belum saya sentuh graduan-graduan di bawah Kementerian Pendidikan yang tidak diiktiraf sijilnya. Maksudnya, ramai yang terkandas.

■1250

Jadi kita harus lihat secara holistik, saya pasti kalau kita mahu mereformasikan Parlimen jadikan juga secara pragmatis dan *workable* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, isu hospital pengajar universiti (HPU) di bawah peruntukan infrastruktur dan latihan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh isu kesihatan dan saya berterima kasih kepada Perdana Menteri berkaitan cadangan hendak tingkatkan kualiti hospital pengajar universiti (HPU), hendak bina infrastruktur di hospital-hospital berkenaan tetapi saya hendak rujuk di sini, saya sangat-sangat kecewa kerana peruntukan tahunan untuk HPU yang saya khususkan disimbolkan oleh PPUM. Saya lahir daripada PPUM dan Pusat Perubatan Universiti Malaya ini antara yang tersohor kerana ia merupakan tempat di mana *the most rare of disease* selalunya ditemui dan doktor pelatih dapat berlatih di situ untuk mengembangkan pengetahuan mereka.

Tahun 2014 kita bermula yang di bawah BN ketika itu RM510 juta diperuntukkan. Tahun 2015, jatuh RM387 juta kemudian tahun 2016 potong lagi, RM443 juta. Sekarang RM400 juta. Saya hendak bagi perbandingan, tahun 2014 kita dapat RM510 juta. *Four years later* dengan izin, jatuh RM400 juta. Ambil kira kadar inflasi, ambil kira pengenalan GST di mana peralatan perubatan juga terkesan. Jadi lebih ramai pesakit berhijrah daripada hospital swasta pergi kepada PPUM untuk mendapatkan rawatan tetapi dana tidak bertambah.

Saya faham hasrat kementerian untuk memastikan hospital pengajar universiti (HPU) ini mandiri tetapi kita kena faham kesannya kepada pesakit yang pergi, rata-rata daripada kawasan

berpendapatan rendah. Jadi saya pohon benar-benar keutamaan daripada Kementerian Pendidikan kerana hospital-hospital ini tidak diletakkan di bawah Kementerian Kesihatan. Maka ada jurang yang semakin bertambah di antara Hospital PPUM dan juga di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan. Biar saya habis dulu Yang Berhormat Bagan Serai, nanti saya panggil. Terima kasih.

Jadi, saya mahu rujuk di sini kerana para doktor yang telah menjalankan banyak kajian dari segi *harm reduction program*, mereka menggunakan *methadone* yang didukung sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan bagi mengawal selia dan mengubati pesakit-pesakit yang dahulunya merupakan penagih dadah. Bila *research and development* di potong, memang berkait, memang tentu tunjang utama kewujudan HPU ini adalah untuk penjagaan pesakit dan mutu *research and development*. Kalau kita bina bangunan tetapi para doktor dan para kaji selidik tak diberikan dukungan sudah tentu kesannya sangat negatif. Maka mereka tak mampu hendak bersaing dengan penemuan terkini, dengan kaji selidik terkini untuk membantu pesakit dan menjalankan *program harm reduction* yang terbukti telah membantu begitu ramai penagih dadah mendapat peluang kedua.

Kerajaan dan Kabinet meluluskan, batal tidak ada lagi hukuman gantung tetapi kalau kita tidak ada penyelesaian holistik maka kita akan berhadapan dengan keadaan yang tidak boleh kita tangani. Tuan Yang di-Pertua, pada saya, mesti perlu ada penilaian keperluan atau *needs assessment* berhubung dengan apa yang diperlukan oleh tenaga pengajar. Bila kita berbicara tentang soal hospital baru, kos pengurusan, penyelenggaraan, semua ini memerlukan peruntukan dana yang besar. Jadi kalau bina sahaja tetapi tak dukung dengan segala yang diperlukan oleh hospital tersebut pada saya kita tidak berlaku adil.

Saya ucapkan tahniah kerana Kementerian Kesihatan sekarang ini telah menjalankan *memorandum of understanding* di mana tawaran daripada Kerajaan England, Britain supaya *mid-level medical experts* daripada Malaysia seramai 250 orang akan dilatih di England, hospital-hospital terkemuka selama dua tahun, dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan England. Jadi pada saya, saya tak mahu Kementerian Pendidikan, Hospital Pengajar Universiti ini dipinggirkan daripada usaha sebagaimana yang telah diambil. Kita harus pastikan ada jalinan kerjasama, *the left hand should be knowing what the right hand is doing* dengan izin. Maka bila kita katakan kesihatan itu teras utama kita, *we must continue to build human capital not merely buildings*.

Tuan Yang di-Pertua, maka kalau ada ruang diperlukan untuk hospital baru, saya faham saya lihat keperluan tetapi saya hendak sebut di sini dalam perbincangan saya dengan ramai pihak pengamal perubatan termasuklah syarikat yang mengendali isu-isu kos perubatan bagi pesakit kanser. Kita ambil dua contoh, satu contoh negara Taiwan. Di Taiwan di mana-mana saat mereka boleh mengenal pasti ke semua 220 pesakit kanser paru-paru dalam sistem. Akan tetapi di Malaysia mereka mengatakan agak sukar kerana bukan semua dikawal selia oleh satu sistem yang terkini.

Jadi bila Menteri MCMC mengatakan beliau mahu Menteri Komunikasi mengatakan beliau mahu menggunakan teknologi maklumat, mahu memastikan kita ini *always connected*

dengan izin maka kita harus pastikan kementerian-kementerian pun dapat mengguna pakai semaksimum mungkin *the usage of internet connectivity, of computerization*. Di negara China pun sama, semuanya dijadikan dalam satu sistem pengkomputeran yang terkini maka kita tidak boleh lagi bergerak di takuk lama. Kalau hendak bina hospital dan sebagainya kita kena bina juga kapasiti kita, sejajar dan juga seiring dengan negara-negara maju di dunia pada hari ini. Yang Berhormat Bagan Serai, silakan berucap.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun agak sudah jauh perbahasan tadi tetapi saya mendengar dengan teliti khususnya daripada punca perbahasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh tentang dana untuk hospital pengajar seperti PPUM. Saya juga salah seorang daripada keluaran PPUM 30 tahun dulu. Saya melihat PPUM ini Tuan Yang di-Pertua adalah antara kawasan pengajar yang terulung di dalam Malaysia ini. Hari ini PPUM memberikan perkhidmatan kepada hampir satu juta orang lebih pesakit setahun dan juga melakukan *research and development*, juga sebagai tempat pembelajaran.

Jadi dana yang dikeluarkan ini memang tidak cukup sehinggakan dikatakan untuk *maintain* peralatan, untuk membeli peralatan yang baru dan canggih dan sebagainya dan juga untuk *post* kedoktoran dan juga *nursing*. Jadi kita bimbang kalau PPUM terpaksa menaikkan kos perkhidmatan kepada pesakit, cuba bayangkan pesakit-pesakit yang di sekeliling kawasan itu yang juga daripada B40.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, apa pertanyaan?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya ingin memberikan kenyataan menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju sangat kerana pada saya kita mengiktiraf bagaimana PPUM dan hospital pengajar ini memang bagus, memberikan khidmat terbaik, memberikan kaji selidik yang optimum tetapi kita tak setuju dan tak gandingkan dengan penambahan dana. Jadi pada saya kita tidak boleh beri tekanan kepada hospital untuk mencari dana sendiri. Saya fikir itu bukan sesuatu yang optimum atau terbaik. Kalau kerajaan boleh memberikan, menaiktarafkan sistem contohnya, itu salah satu cara untuk membantu tetapi takkanlah PPUM dipaksa pula untuk mencari sumber dana. Kita mahu mereka berinovatif dan sebagainya itu saya boleh terima. Akan tetapi saya hendak maklumkan dengan penambahan pesakit akhirnya kesan akan diterima oleh mereka di luar sana.

Isu yang ketiga Tuan Yang di-Pertua adalah projek pelaburan kereta nasional. Tuan Yang di-Pertua, kita berbincang dan berbahas tentang Rancangan Malaysia Kesebelas, disebut tentang keutamaan untuk rakyat jelata dan mempertingkatkan taraf hidup. Saya ingin menanyakan apakah kaitan dan gandingan tentang manfaat daripada pelaburan projek kereta nasional Proton. Apa yang saya nampak di sini keluaran daripada iklan di media X70 Proton

dengan *voice command*. Saya mahu tahu apakah sebenarnya keuntungan yang dapat dijana, yang dapat dimasukkan semula ke dalam keperluan rakyat terbanyak.

Ini kerana bila kita bercakap tentang konteks negara-negara maju mereka mengutamakan pelaburan dalam sistem pengangkutan awam darat. Jadi saya sempat minggu ini membuat beberapa kajian termasuklah kepada mereka yang bekerja di Kota Raya Kuala Lumpur tetapi duduk dan menetap di Segambut Dalam. Saya pun melihat perjalanan, kalau kita mulakan perjalanan dengan menaiki bas daripada Segambut Dalam ke kota raya kerana kita hendak promosi, kita hendak tengok bagaimana negara kita ini maju seperti England, boleh ambil *underground* dan sebagainya. Ia mengambil masa 32 minit termasuk perjalanan kaki sejauh satu kilometer.

Kos RM2 hingga RM2.20 tetapi apabila saya mencuba jalan alternatif, *last and mild connectivity* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat di Damansara untuk menggunakan *Grab*. Kosnya sekurang-kurangnya RM11.54 iaitu lima kali lebih ganda. Kalau saya sebagai pengguna yang menggunakan *Grab* daripada Segambut Dalam kepada stesen KTM Segambut ia tetap akan memberikan penambahan kos sekurang-kurangnya RM4.78. Ini merupakan kos sebanyak 3 kali ganda untuk pengguna dari hari ke hari. Jadi pada saya ini semua membantu, kalau kita dapat letakkan diri kita dalam diri atau badan pengguna yang menggunakan pengangkutan awam dari hari ke hari maka kita boleh memberikan sedikit cadangan yang lebih konkrit, yang lebih tepat bagi segala dasar dan program negara.

Maka dukungan saya sudah tentu untuk program bas percuma dan apabila kita meneruskan juga dari segi penganugerahan kontrak dan juga tender, saya juga ingin menanyakan kepada Kementerian Kewangan, contohnya ada dua kes yang sering disebut di media sosial. Pertama berkait dengan jajaran yang dirubah selepas diberikan kepada MMC Gamuda sebanyak 40 peratus kerana kosnya tinggi. Kita hargai, saya fikir kita tidak mahu pembaziran maka bila tender terbuka dibuat berserta surat terbuka oleh Yang Berhormat di Damansara itu membantu rakyat memahami isu tersebut.

Akan tetapi saya juga dibangkitkan dengan persoalan kenapa sistem LRT di mana pada awalnya syarikat George Kent yang menerima projek tersebut diberikan penerusan tender walaupun mereka tidak memenuhi spesifikasi yang digariskan daripada peringkat awal oleh Prasarana. Jadi saya faham kadangkala dalam beberapa perkara saya setuju harus diberikan menerusi tender terus, ada setengah boleh tender terbuka tetapi kita mahu juga sedikit *a guiding principal* dengan izin supaya ada dari segi bagaimana pelaburan dan juga syarikat-syarikat merasakan adalah sedikit jaminan daripada pihak kerajaan. Ini persoalan asas.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jam menunjukkan pukul satu.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya cadangkan Yang Berhormat sambung semula.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, terima kasih. Mesyuarat akan disambung semula pada pukul 2.30 petang hari ini.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Permatang Pauh. Masih tinggal 21 minit 19 saat.

2.32 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang untuk menyambung perbahasan saya berkait dengan kajian separa penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Sebentar tadi saya bercakap tentang beberapa kes, di mana dilaksanakan projek rundingan terus dan juga tender terbuka. Memandangkan *case per case basis* oleh Kementerian Kewangan dan saya hargai mengikut keperluan untuk mengawal pembaziran dan memastikan kelancaran projek berlangsung atau berterusan. Persoalan saya adalah tentang prosedur perolehan di bawah Kementerian Kewangan, adakah dilakukan menerusi tender terbuka juga? Ini kerana antara isu ataupun saranan yang telah saya bawakan bersangkutan dengan Program *Food Stamp* ataupun *cashless transaction subsidies* yang dipelopori oleh MyKasih, sebuah badan yang telah saya berkali-kali bangkitkan dalam Dewan Rakyat. Sebelumnya, lebih kurang 260,000 penerima subsidi seluruh Malaysia, termasuk Lembaga Zakat Johor, Lembaga Zakat Selangor, semua menggunakan sistem ini, di mana MyKad adalah diguna pakai sebagai kaedah untuk melakukan transaksi kewangan.

Saya dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah meluluskan dua *pilot project* di negeri Sabah dan juga Selangor tetapi dipinta dalam program kebajikan di mana servis untuk sistem perkhidmatan tidak dicaj satu sen pun, tetapi untuk RM9 juta kalau tidak silap saya, dipinta untuk dilakukan menerusi tender terbuka. Maka, yang saya ingin bangkitkan di sini, kalau ada pengecualian tertentu dibuat dalam projek-projek lain, lebih-lebih lagi harus kita utamakan kelancaran pemberian dan penyaluran dana untuk mereka yang memerlukan. Jadi, kalau tender terbuka itu dilihat akan menambah birokrasi, lebih-lebih lagi bila berkait dengan program *welfare*, kebajikan, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon agar di revisi semula.

Saya juga mengambil kesempatan ini berbalik kepada isu Proton. Oleh kerana seperti yang saya sebutkan, kita juga harus tahu berapakah yang dilaburkan menerusi Khazanah. Pengerusi Khazanah sudah tentu Perdana Menteri, maka pelaburan ini tentu akan mengambil

atau memindahkan dana yang diperlukan dalam sektor perkhidmatan, kesihatan dan juga pendidikan. Kita sepatutnya mengutamakan bidang-bidang yang akan memberi kesan langsung kepada rakyat. Saya dalam perbincangan dengan pakar ekonomi Cambridge, Ha-Joon Chang datang ke Malaysia untuk *The Megatrends Forum 2018* anjuran Khazanah di Kuala Lumpur pada 9 Oktober lalu. Saya sempat bertanya kepada beliau, cubaan mengusahakan kereta nasional kita, adakah pelaburan ini *a sound investment*? Dijawab oleh beliau, pertamanya, keterbatasan pasaran domestik kita. Maka, kita harus memikirkan kalaulah ada, walaupun mahu juga melabur dalam bidang ini, haruslah menumpukan kerjasama antara Kementerian Pertahanan contoh, dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, kita wujudkan bas-bas tertentu supaya sistem bas percuma dapat diteruskan. *So, you have*, dengan izin, *a holistic supply chain system*.

Akan tetapi kalau hendak mewujudkan pasaran kereta nasional Tuan Yang di-Pertua, beliau menganggarkan dalam masa yang terdekat, mungkin dalam lima tahun, 10 tahun atau 20 tahun, hanya akan ada lima jenama kereta seluruh dunia yang akan paling teratas diguna pakai. Kita lihat sahaja contoh Porsche, membelanjakan sebanyak EUR6 bilion untuk mewujudkan prototaip, termasuk *research and development* dan seluruh lingkaran kemudahan pengeluaran baru dan beberapa model kereta baru dalam masa enam tahun. Itu perancangan mereka. Jadi, untuk Proton, kalau kita hendak memikirkan kemungkinan berbelanja EUR500 juta semata-mata hendak keluarkan prototaip, untuk apa? Untuk memastikan ia setaraf dengan kereta-kereta seperti kereta Porsche? Saya tidak nampak ini satu keutamaan bagi Malaysia. Maka, saya meminta agar kita agak serius dalam bab ini.

Tuan Wong Chen [Subang]: *[Bangun]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Ada beberapa persoalan yang harus kita fikirkan dari segi *blueprint* pembangunan jangka masa panjang, penjual tempatan, vendor tempatan yang terlibat, termasuk rakan kongsi dari segi pemindahan teknologi dan adakah kita mampu untuk *survive* dalam keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Subang minta pencilahan.

Tuan Wong Chen [Subang]: Boleh?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Subang, silakan.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tanya soalan ini pada minggu lalu, di mana Timbalan Menteri MITI telah memberi jawapan bahawa— Saya minta satu *cost benefit study* sebelum kita melancarkan ataupun meneruskan program untuk *third national car*. Timbalan Menteri menjawab, memberi jawapan bahawa dia rasa kita boleh buat selepas syarikat-syarikat swasta yang minat telah memasukkan tender-tender mereka. Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh setuju dengan tindakan ini ataupun lebih baik kita buat? Pada pendapat sayalah, kita buat dahulu sebelum tender-tender ini habis.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya setuju sangat dengan saranan kita membuat *cost benefit analysis*. Sebenarnya, sebelum Perodua dan juga Proton dikeluarkan akhir 80-an, telah keluar satu kaji selidik oleh ISIS

yang telah mencerakinkan tidak ada manfaat besar daripada pelaburan untuk kereta domestik. Jadi saya bukan apa, kerana bila saya lihat potongan berlaku dalam bidang kesihatan, hospital tenaga pengajar tidak dapat dana tambahan, termasuklah bidang pendidikan yang lebih memerlukan pelaburan daripada kerajaan, maka saya fikir kita harus perbaiki keutamaan kita. Tidak ada salah untuk melakukan sesuatu dengan *cost benefit analysis*, lebih-lebih lagi bila Khazanah sendiri mengajak para ekonomi terkemuka dunia sama ada Joseph Stiglitz, Ha-Joon Chang datang ke Malaysia. Semua ini harus kita garap supaya dasar dan pelaksanaan program kita amat memberi impak besar kepada Malaysia. Kita dahulu ini setaraf dengan ekonomi seperti Korea Selatan dan Taiwan, sekarang kita terbelakang. Jadi, kita harus melakukan anjakan yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan penghargaan sebenarnya kerana Tuan Yang di-Pertua telah begitu serius membawakan reformasi Parlimen ke dalam Dewan Rakyat. Kita sejak perbincangan lepas telah memastikan apa yang disebut oleh Perdana Menteri, yang bersetuju dengan idea pengukuhan reformasi Parlimen. Akan tetapi bukan sahaja mewujudkan Akta Suruhanjaya Parlimen, kita pergi satu langkah depan lagi, kita pastikan ada suruhanjaya, *Parliamentary Commission*, dengan izin, sebagaimana dilakukan di negara seperti United Kingdom dan juga Australia.

■1440

Kenapa? Ini kerana Parlimen ini haruslah menjadi satu badan legislatif yang digeruni termasuk oleh pihak Eksekutif. Kita mahu Parlimen mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa tersendiri yang mempunyai punca kuasa termasuk sumber dan punca dana yang tersendiri. Ini akan meletakkan kita di persada untuk menggubal undang-undang yang terbaik buat negara.

Saya difahamkan ada juga Jawatankuasa Belanjawan (*Budget*) ya, yang akan diwujudkan untuk menjadikan mekanisme timbang tara itu lebih tersusun dengan Kementerian Kewangan dan apa yang bakal diumumkan pada 2 November nanti. Atas dasar itu saya mengucapkan terima kasih kepada Peguam Negara yang menghadiri sesi pertemuan tertutup anjuran *Westminster Foundation for Democracy* baru-baru ini termasuk juga Tuan Yang di-Pertua, kerana penglibatan semua pihak termasuk pembangkang untuk memastikan semua Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat mempunyai kuasa tersendiri.

Kita kena faham mungkin Kabinet ada punca kuasanya tetapi Parlimen juga harus menjadi timbang tara yang efektif. Saya ingin mengingatkan juga kepada semua pegawai Jabatan Peguam Negara yang sering kali mengatakan bahawa Kabinet harus berikan kelulusan dahulu sebelum mereka dapat membantu bahan atau pihak legislatif dengan pewujudan Suruhanjaya Parlimen. Sudah terang lagi bersuluh, kalau Perdana Menteri dalam ucapan Rancangan Malaysia Kesebelas dan memperakui keperluan untuk mereformasi Parlimen, kita tidak boleh terima lagi sebarang alasan. Tuan Yang di-Pertua, kita harus menunjukkan terus, *people with good intentions make promises, but people with good character, keep them* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua kita dalam hal ini, harus juga mengambil kira ada beberapa perkara yang saya bangkitkan tentang bantuan yang sepatutnya diteruskan...

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berhormat Permatang Pauh, maaf. Sebelum...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Subang.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Oh, baik silakan Yang Berhormat Subang.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, sebelum Yang Berhormat Permatang Pauh pergi ke topik lain, saya dengar cara itu dia memang hendak *shift* topik yang lain. Saya hendak pulang balik kepada topik tentang reformasi Parlimen kita. Kita-pejabat saya sudah aktiflah, sangat aktif untuk mencari satu *solution* untuk *Standing Committee*. Yang Berhormat Permatang Pauh setuju atau tidak bahawa kita perlukan *Standing Committee*, *Select Standing Committee* yang lebih diberi bajet yang baik seperti PAC. Kita perlukan lebih kurang pada pendapat saya lebih kurang sepuluh ataupun sembilan, 11 atau 12 *Standing Committee* yang baharu supaya kawan-kawan kita daripada sebelah sana boleh buat kerja juga. Jadi Parlimen tidak jadi satu *rubber stamp* seperti biasa. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Subang saya hargai cadangan dan Pejabat Speaker telah mewujudkan atau ada cadangan mewujudkan enam *Standing Select Committee* yang ada *whole range* daripada pertahanan kepada isu hak asasi manusia dan juga hak wanita, gender termasuklah belanjawan. Kita adakan satu jawatankuasa supaya jawatankuasa ini dapat mengawal selia segala perbelanjaan yang diputuskan oleh Kementerian Kewangan dan lainnya.

Jadi saya fikir permulaan, kita kena pastikan ia dilakukan dengan baik. Saya tahu keadaan aliran kewangan semasa tidak mengizinkan semuanya dilakukan. Akan tetapi punca kuasa Parlimen haruslah berdiri secara *independent* supaya tidak dilihat sebagai salah sebuah cabang yang masih lagi bernaung di bawah pihak Eksekutif sementara dana datang daripada Kementerian Kewangan semata-mata. Jadi saya minta agar apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Subang dimasukkan dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua tadi saya...

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rompin, Oh, Yang Berhormat Rembau, *sorry*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Oh, Yang Berhormat Rembau boleh...

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Rompin?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rembau.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: ...Topik yang sama atau topik yang lain?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sama-sama. Rembau not Rompin.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Silakan.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat, dalam perbincangan tertutup pada hari Sabtu, saya hadir sebagai wakil daripada pihak pembangkang. Tanpa mendahului apa yang telah dibincangkan, antara perkara yang telah sama-sama kita fikirkan untuk dibawa sebagai reformasi Parlimen adalah pelantikan bagi jawatan-jawatan terpenting negara, ini termasuklah jawatan seperti Peguam Negara, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya dan sebagainya.

Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sama ada perkara ini masih lagi penting sebab tidak ada kata putus sama ada Parlimen ini ada kepakaran untuk buat penapisan terhadap pelantikan-pelantikan tersebut.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hargai perbincangan tersebut kerana dalam pertemuan awal kami dengan *Westminster*, kita gariskan syarat utama dalam mana-mana program haruslah *by partisan*. Maka saya setuju dalam Manifesto Pakatan Harapan sebelum pilihan raya digariskan pelantikan utama bagi Peguam Negara, bagi Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya harus dibuat menerusi Parlimen.

Jadi sudah tentu kita harus cari jalan menerusi mekanisme yang diwujudkan serta-merta. Ini kerana pada saya kalau perbincangan itu berterusan tanpa kata putus. Ia seolah-olah *continuous engagement without an end game* dengan izin. Jadi saya...

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berhormat Permatang Pauh, boleh saya celah sikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Subang sekali lagi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Okey, ada topik terakhir. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih. Saya hendak sambung kawan baik saya Yang Berhormat Rembau itu. Kita sedang berbincang tentang isu tentang *vetting of the senior position*, betul tidak? Jadi saya rasa apa yang paling penting bagi kita walaupun Parlimen sepatutnya membuat *vetting process*, kalau kita wujudkan *Standing Committee* yang betul-betul ada kuasa, *that process can be subordinated to the Standing Committee*. Bagi saya yang paling penting walaupun kita *vet*, yang paling penting ialah *asset declaration*. *Asset declaration* daripada semua *officials*, kalau dia hendak jadi Bank Negara bos kah, dia hendak jadi Ketua EPF kah, sekurang-kurangnya kita tahu apa harta dia, setuju atau tidak? Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya fikir boleh dimasukkan sebagai cadangan. Ini kerana kalau kita mahu melunaskan janji tersebut dari segi *filtration system*, maka kalau tidak ada jawatankuasa dalam hal tersebut, maka ia tidak boleh dilaksanakan. Maka saya boleh bawakan dalam pertemuan seterusnya, saya harap Tuan Yang di-Pertua juga dapat mengambil kira dengan serius.

Saya hendak pergi kepada isu jaringan keselamatan sosial yang dibawa dalam ucapan Perdana Menteri. Kita ada banyak sistem yang boleh kita guna pakai. Akan tetapi yang saya nampak, yang sangat merumitkan ataupun membimbangkan saya dalam lawatan saya ke estet-estet di Negeri Sembilan contohnya, ada beberapa penerima bantuan JKM RM300 sebulan yang

tidak lagi menerima bantuan tersebut dalam lima bulan kebelakangan sejak 9 Mei. Jadi saya mahu menanyakan apakah kemungkinan keterbatasan, apakah yang berlaku kerana kita nampak keluarga-keluarga ini merupakan keluarga yang berpendapatan rendah, mereka sudah tentu memerlukan dana tersebut. Antara program-program ini janganlah sampai bila berlakunya lengahan ataupun kelewatan, ia memberi kesan. Kalau saya nampak dalam satu *household*, kita tengok sahaja laporan *The State of Household*, kalau luar bandar memang kalau ayahnya bertemu dengan kemalangan, anak terpaksa berhenti sekolah, jadi bantuan RM300 itu satu bantuan yang besar jumlahnya.

Kita harus sampai ke tahap itu di mana pantauan jangan sekali-kali ada kelompangan yang akan memberi kesan negatif kepada hidup mereka. Saya juga ingin menyahutlah apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan, Antarabangsa dan Industri, ucapan beliau untuk mengambil kira *multidimensional poverty index*. Saya bawakan beberapa tahun lepas, saya mahu tanya perkembangan kalau benar kita mahu ke depan sebagai negara progresif, maka kita harus mengambil cara lebih terbuka, mengenal pasti kemiskinan itu bukan sahaja *poverty line index* yang kadangkala agak 'arcade' *calculationnya* tetapi lebih kepada kalau kita mahu melihat dimensi daripada pelbagai cabang ataupun cara untuk menunjukkan ia lebih menyeluruh dan bukan berpandukan pendapatan bulanan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak merujuk kepada laporan-laporan dan cadangan termasuklah oleh badan Khazanah dalam negara kita. Saya hanya mahu kita jangan bekerja dalam *silos*. Saya kalau boleh kita ada satu prinsip yang tegas. Kalau benar kita mahu mengurangkan contohnya macam *environmental, we have environmentally sound*. Menteri Sumber Tenaga telah mengetengahkan Malaysia tidak mahu lagi menjadi destinasi pengumpulan sampah oleh negara-negara luar. Maka saya minta haluan yang sama jangan juga kita menambah pula kepada *pollution* ataupun segala yang berlaku pencemaran menerusi pelaburan habis-habisan untuk memastikan *private vehicle owners* itu mengawal jalan raya.

■1450

Jadi ia harus konsisten dalam semua bidang. Samalah juga dengan projek Lynas. Saya nampak, tiba-tiba kerajaan lebih terbuka. Takkanlah kita jadi destinasi untuk mengutip lagi segala bahan radioaktif. Jadi, apa pun bila kita konsisten dalam bab ini, kita mampu melahirkan suasana yang benar-benar hijau dalam melestarikan alam dan masa depan.

Saya berharap, yang terakhir, kedua-dua bidang pendidikan dan kesihatan jangan lagi dipinggirkan, komitmen ditambah, dapat diperbaiki segala pelaburan dan penyerahan dana. Kalau benar TVET mahu diutamakan, kita boleh bersetuju dengan pewujudan Suruhanjaya TVET dan penambahan dana bagi PTPK. Kalau dulu RM300 juta, sekarang kita bercakap tentang RM150 juta. Mana anak-anak kita hendak pergi? Saya tidak nampak ada gandingan dan juga padanannya dengan apa yang disebut.

Tambahan lagi, saya juga berharap, kita boleh ambil moto yang dibawa oleh Ketua Pengarah Pendidikan Finland yang datang melawat Malaysia minggu lepas. Beliau mengatakan, "*Kita mungkin ada lawatan*". Saya tahu contohnya Pegawai Kementerian Pendidikan membuat

lawatan di England untuk belajar sistem pendidikan di England. Ada juga lawatan-lawatan lain di negara-negara luar. Saya mahu sebut, kita sebenarnya boleh saja melaksanakan kerana sudah banyak laporan daripada Khazanah, PricewaterhouseCoopers, Boston Consulting yang boleh kita guna pakai untuk melaksanakan moto yang terbaik oleh Finland, apa dia? *Implementation is the best strategy.*

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlulah untuk mengambil masa yang terlalu banyak, yang penting, kita harus laksana secepat mungkin. Maka, bila saya bawakan dua rang undang-undang, pertamanya yang akan dibawa oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri, kita mahu perkasakan menerusi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Parlimen. Semua Ahli Parlimen daripada Jeledu nya, daripada Subang nya, daripada Kinabatangan nya dapat punyai punca kuasa tersendiri, dapat bersuara dengan efektif.

Juga rang undang-undang Suruhanjaya TVET kerana kalau kita mahu merancang bagi membangunkan modal insan secara efektif, kita harus lakukan dengan reformasi yang bermakna. Akan tetapi kalau kita masih lagi lakukan segala praktis terdahulu tanpa memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah asas dan fundamental, maka saya tidak nampak akan diperbaiki keadaan sedia ada.

Baik dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan beberapa pindaan yang saya pohon usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut senarai yang saya terima, pembahas yang seterusnya ialah Yang Berhormat Santubong. Silakan, dalam tempoh 30 minit.

2.53 ptg.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya saya pun tengah baru buat *preparation* Tuan Yang di-Pertua, sebabnya saya dimaklumkan saya pukul 4 macam itu. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membincangkan dua atau tiga perkara saja. Pertama, berhubung dengan cadangan kerajaan untuk meminda Perlembagaan khususnya yang telah dijaja ataupun dicanangkan oleh Menteri Undang-undang iaitu meminda Artikel 1(2) untuk mengembalikan kedudukan status Malaysia itu sendiri iaitu tiga wilayah sekarang iaitu Tanah Melayu ataupun Malaya. Dalam Perlembagaan masih menggunakan Malaya Tuan Yang di-Pertua. Dia maklum perkara ini. Sarawak dan juga Sabah, dahulunya *North Borneo*. Jadi di bersama kan untuk menaikkan umur hakim. Pindaan itu telah dicanang dan diminta pihak kami di Sarawak menyokong cadangan kerajaan.

Pertamanya, saya hendak buat satu pengesahan bahawa kami tidak ada halangan berhubung dengan pindaan Perlembagaan 1(2) untuk mengembalikan sebab itulah dikehendaki orang Sarawak. Akan tetapi apa yang kaveat kita di sini Tuan Yang di-Pertua ialah saya mencadangkan supaya Perlembagaan itu dikaji semula, dilihat semula bersama dengan

Malaysia Agreement 1963, dengan izin dan juga *Inter-Governmental Committee Report* dan bersama sekali dengan Perlembagaan Malaysia itu. Ketiga-tiga sekali kita kena lihat dan apa yang tidak ada dalam Perlembagaan itu, di sekalikan pindaannya. Ia tidak ada melibatkan daripada sudut pindaan sumber kewangan kerajaan, hanya meminda saja dahulu.

Jadi, itulah saya kata apabila Menteri Undang-undang datang ke Sarawak, saya kata tindakan ini secara *piecemeal* dan tidak memuaskan cita rasa orang Sarawak dan apa yang lagi ditambah dengan kenaikan umur hakim, persaraan hakim. Jadi sepatutnya, kajikan dahulu Perlembagaan itu kerana Perlembagaan ini berlandaskan *the act of* satu Malaysia yang diluluskan pada 18 Ogos 1963. Apabila Perlembagaan ini telah dipinda sedemikian rupa dan apabila *Agreement Malaysia* ditandatangani pada 1963 bulan September, Perlembagaan tidak pernah dilihat semula untuk melihat *agreement* ini bersama dengan orang Sarawak. Orang Sarawak, Sabah dan Singapura hanya duduk masuk Parlimen pada 2nd November 1963. Maknanya kita tidak pernah pun berbincang soal *Act of Malaysia*. Itu pertama.

Keduanya, apa kekurangan dalam Perjanjian Malaysia, sama ada yang Julai ditandatangani di England ataupun ditandatangani pada 16 September 1963? Kita anggap ada dimasukkan tetapi ada ditinggal-tinggalkan. Jadi ketinggalan inilah kita hendak lihat semula kerana semangat penubuhan Malaysia itu sendiri ialah *Agreement MA63*, dengan izin dan laporan-laporan daripada *Inter-Governmental Committee Report*.

Jadi kalau kita lihat semua ini dulu dan kita lihat apa benda yang kita perlu kaji dan apa benda yang kita boleh masuk dalam Parlimen untuk dipinda Perlembagaan, apa yang tidak boleh kita pinda dengan Perlembagaan oleh kerana sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa Perlembagaan *is not procedural law. It is principle law*. Jadi kita tidak boleh pinda, tiap-tiap masa hendak ubah-ubah sikit, pinda. Jadi sepatutnya kita kaji semula, kaji secara mendalam *Agreement 63, AGC Report* dan juga Perlembagaan Malaysia di mana ketinggalannya kerana orang Sarawak, orang Sabah, orang Singapura dahulu, tidak ada terlibat langsung dengan penggubalan *act* satu Malaysia yang meminda Perlembagaan Tanah Melayu pada ketika itu untuk dijadikan Perlembagaan Malaysia.

Jadi dalam keadaan sedemikian, saya bukan tidak menerima baik apabila Menteri datang ke Sarawak, hanya saya tidak setuju dengan sistem yang dia buat. Sepatutnya kaji dahulu, lepas sudah dapat semua itu, baru kita cadangkan pindaan. *Insyah-Allah* orang Sarawak akan bersedia. Saya boleh janji, 19 orang, orang Sarawak di sini akan sokong kalau itu tindakan yang diambil. Itu yang pertama.

Kedua ialah pelantikan hakim. Saya juga menyokong. Saya tidak ada masalah sebabnya hanya beberapa minggu sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya menghadiri satu pelancaran buku, buku bernama *Land Acquisition Act* ditulis oleh seorang peguam dari *Malaysian Bar* dan saya menulis *proverb* untuk buku itu. Jadi saya hadir dan berjumpa dengan hakim-hakim, bahkan saya mencadangkan bukan 70. Saya cadangkan supaya hakim dinaikkan sehingga 75, bahkan lebih daripada itu. Sebabnya saya kata, hakim ini, dia tidak bergerak itu saja, tetapi menggunakan akal fikiran. Ilmu yang banyak ditimba selama menjadi hakim, dia akan membantu menjadi lebih

mendalam lagi ilmunya sebagai seorang hakim. Jadi umurnya saya cadang, tidak ada jadi satu masalah pada saya secara peribadi.

■1500

Saya juga membaca – kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, umpamanya *Master of The Rolls* di England dia tidak ada limit, Lord Denning sampai mati dia menjadi *Master of The Rolls*. Tidak ada *retire* pun, bila dia mati tamat perkhidmatan, diganti orang baru. Kalau kita baca buku, ada satu buku ditulis di Amerika namanya '*Justice Overruled*'. Buku ini juga yang ditulis oleh seorang peguam, bekas hakim mengatakan ada hakim-hakim di Amerika, masuk penjara pun masih jadi hakim tidak boleh dibuang, tidak boleh ditamatkan perkhidmatannya. Jadi, *the shift guard tenure office* pada hakim memang begitu ketat sekali dijagakan supaya *to protect the concept of separation of powers*. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya kata bahawa saya tidak ada masalah. Hanya jangan di campur adukkan pindaan Perlembagaan untuk mengembalikan hak-hak dan keutamaan Sarawak dan Sabah bersama dengan pindaan-pindaan lain yang hendak tumpang sekaki oleh sebab sokongan padu daripada Sarawak dan mungkin juga Sabah.

Jadi, dalam keadaan sedemikian rata-rata Tuan Yang di-Pertua, orang Sarawak bersetuju dengan pandangan yang saya buat sedemikian ini. Jadi, maknanya kerajaan telah bersetuju. Bahkan daripada Barisan Nasional dahulu kita telah membuat kajian ada 13 perkara yang telah disetujui pada zaman Barisan Nasional sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang tengah dilaksanakan, sedang dilaksanakan pada masa sekarang telah disetujukan. Banyak lagi perkara yang masih tergantung dan bakal kita kaji bersama.

Jadi, dalam keadaan sedemikianlah makanya, apa yang tertinggal di situ kena masuk dalam pindaan Perlembagaan ini juga. Ini kerana pandangan saya, kita sudah satu suara, satu nada dalam soalan mengembalikan hak kepada Sarawak dan Sabah bukan lagi sebagai *state* yang biasa tetapi menjadi wilayah dalam konteks Perjanjian Malaysia 1993. Bukan dalam konteks *midterm review*, kerana dalam konteks *midterm review* Sarawak satu, Sabah satu, *North, Central, Southern region* Itu satu. Jadi ada lima wilayah.

Dalam konteks ini juga Tuan Yang di-Pertua, kita hendak yang kedua iaitu pelantikan jawatankuasa. Jawatankuasa di lantik oleh kerajaan *doesn't reflect the spirit* yang kerajaan sendiri sudah setuju iaitu untuk meminda Artikel 1(2) iaitu kita ini adalah *equal partner*. Tanah Melayu atau pun Malaya, Sarawak dan Sabah. Kalau *equal partner*, jawatankuasa nya juga mesti *equal* bukan *lopsided*. Maknanya ikut *partner*, maknanya kalau enam orang daripada Semenanjung, Menteri-menteri kah atau pakar apakah, mesti ada enam orang juga daripada Sarawak dan enam orang juga daripada Sabah. Bukan persoalan kita tidak percaya, tidak ada langsung. Tidak terfikir dalam fikiran kita. Soalannya, untuk *reflect the* semangat itu tadi. Kerajaan sendiri yang telah menjadi melintas jalan. Jadi, kita hanya minta semangat itu diberi pengisian yang boleh kita buat tidak perlu pinda Perlembagaan.

Dengan sendirinya maka komiti PEMANDU, Jawatankuasa PEMANDU yang sekarang ini hanya diwakili oleh dua orang daripada Sarawak dan dua orang daripada Sabah iaitu Ketua Menteri sahaja dengan dia punya *State Attorney General*. Ini kerana di sana untuk makluman

semua, kita masih gunakan *Attorney General* untuk negeri Sarawak dan Sabah. Ini kerananya dahulu kita lihat apabila Perlembagaan itu digubal pada 1963 bahawa banyak *the erosion of power*. Saya juga meminta supaya undang-undang dilihat semula. Undang-undang dilihat semula. Undang-undang yang menghakiskan kuasa negeri Sarawak.

Saya hendak bagi contoh satu Tuan Yang di-Pertua, yang mana saya ialah Ahli Parlimen Barisan Nasional dahulu yang pertama tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan bahkan telah di-*cold storage*-kan selama enam tahun. Oleh sebab itu, pindaan kepada *Gambling Act 1963. Concurrent list*, tetapi di Sarawak kita boleh kutip hasil dan mahsul daripada lesen, daripada apa sahaja kerana kita ada tiga undang-undang, *three gambling ordinances* di Sarawak pada ketika itu. Apabila *Gambling Act* dipinda, tiga *ordinances* ini dipinda tetapi dalam Perlembagaan mengatakan kalau ini dibuat mesti dapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Jadi, kebenaran itu tidak pernah didapati. Jadi, tak pernah di-*communicate*.

Saya mengetahui sendiri jadi saya kata, saya bercakap bagi pihak negeri Sarawak tidak bersetuju dengan ini. Saya tidak hendak kerana orang tidak tahu masalah yang kita hadapi di Sarawak. Di surau pun orang dah pasang *Big Four* punya *outlet*, di masjid, rumah masjid sahaja tidak dibuat. Kalau ada rumah orang di situ dia tidak kisah soal *gambling*, di situlah dibuat rumah *gambling*. Saya jadi aktivis tidak suka dengan *gambling* ini dahulu, saya kata "*No, no way this thing is going to happen*". Akan tetapi apabila kuasa itu diambil, Sarawak dan hilang kuasa hendak memberhentikan. Akhirnya apabila undang-undang datang ke sini, saya berucap di sini, menatang pembentangan undang-undang tersebut dan kita mengundi di Dewan ini, 29 sahaja yang tidak setuju, yang lain semua bersetuju. Saya salah seorang yang daripada 29 tidak setuju. Orang Sarawak *alhamdulillah* tidak seorang pun setuju.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pengajaran telah kita lihat kehilangan oleh kerana sumber juga lesen itu dapatlah ke orang Sarawak tetapi tidak dapat lagi. Hakisan kuasa berlaku, kutipan hasil hilang, bermacam-macam. Akan tetapi oleh kerana menggunakan kuasa Parlimen itu yang tidak patuh dengan Perlembagaan sendiri, jadi akhirnya kita terhakis kuasa di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa tadi sama ada ia teknikal atau pun PEMANDU, cadangan daripada negeri Sarawak, desakan daripada Negeri Sarawak ialah supaya dia *reflect the true partnership*. Kalau enam, samalah enam. Kalau penasihat umpamanya, contoh seorang pakar disebut dalam senarai itu iaitu Profesor daripada *university constitutional expert* yang dilantik. AG sebagai peguam penasihat kerajaan, AG Sarawak pun ada di situ, kita tidak perlu kira tetapi orang politik ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena *balance* yang mewakili negeri ini, pakar-pakar itu boleh bersama. Jadi, ada *compromise* sedikit ucapan saya ini. *Compromise* seorang pakar itu diasingkan kalau berlaku pengundian umpamanya. Sekurang-kurangnya, *we have the balance* di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung, *equal partnership*. Jadi Tuan Yang di-Pertua oleh kerana masa pun tidak itu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak masa lagi.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya sebut projek kepentingan rakyat. Dari sudut kementerian saya dahulu, Kementerian Sumber Asli dan Alam

Sekitar. Di Sarawak kita mempunyai hampir RM456 juta projek nilainya yang telah sama ada tergantung ataupun tidak dilaksanakan pada tahun 2018 dan 2019 yang dahulunya memang sudah kita *technical study*, ia punya *evaluation*, ia punya *tender process* semua dah dibuat. Akan tetapi apabila bertukar kerajaan, projek-projek ini semua digantung dan tidak menjadi. Ini tidak termasuk *flood mitigation* untuk Bandar Kuching dan Sibu iaitu RM250 juta.

■1510

Jadi jumlah sebenarnya kalau disenaraikan dalam *budget speech* nanti akan saya bagi senarai, hampir RM1 bilion yang bakal dilaksanakan berterusan dari tahun 2018 hingga ke tahun mungkin 2020. Jadi tujuan-tujuan projek ini ialah *flood mitigation*, ada hubung kait dengan *climate change*, ada hubung kait dengan keadaan cuaca sekarang. Kalau kita lihat berlaku banjir di kiri kanan, itulah sebab *study* telah dibuat, kajian telah dibuat oleh pegawai-pegawai kerajaan membuat kajian ini, daripada pihak DID, pihak universiti dan sebagainya dan kita laksana apa yang dicadangkan.

Ada yang sekecil-kecil RM10 juta, RM5 juta, ada yang sebesar-besarnya hingga RM560 juta contohnya di Kelantan. Di Kelantan sebenarnya *flood mitigation cost* di Kelantan kalau hendak selesaikan masalah Kelantan supaya tidak berlaku lagi apa yang berlaku pada tahun 2014 ialah di antara RM8 bilion ke RM9 bilion. Kerajaan memang saya beritahu, dalam Kabinet dahulu tidak mampu hendak sekali gus laksana ini. Program ini adalah program yang jangka panjang tetapi cara pelaksanaannya ada juga dengan cara *privatization* ataupun konsep-konsep lain. Contohnya ada dua sungai di Kelantan, kalau kita bentengkan dua sungai ini dan air sungai itu boleh disalurkan kepada bandar Kota Bharu untuk kegunaan air orang Kelantan. Dalam masa yang sama ia boleh menghalang air turun daripada *catchment area* yang luas di hulu Kelantan dan mengurangkan air yang mencurah ke bandar. Kita ada juga mencadangkan benteng tetapi saya dengar projek ini pun telah tergantung juga, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam keadaan sedemikian, projek-projek kepentingan rakyat ini perlulah dilihat semula oleh pihak kerajaan, dilaksanakan kajian. Saya rasa tertarik apabila Yang Berhormat Menteri daripada apa kata tadi kita nak ubahkan ada dasar baharu, kita tidak ada benda-benda baharu, mungkin *approach* berlainan sedikit. Sebenarnya proses yang kita hendak cadangkan itu adalah telah menerusi kajian yang terperinci oleh pihak-pihak pakar, bukan atas dorongan-dorongan sesiapa. Jadi dalam keadaan sedemikian, projek *causal erosion* umpamanya telah dikaji untuk di Semenanjung yang menelan kos RM200 juta di Semenanjung kerana *sea level rising* ataupun kenaikan paras air laut oleh kerana *the ice cap* tu -- *melting of the ice cap* oleh kerana keadaan cuaca yang meningkat ataupun *the climate change* dan kajian ini tidak dibuat di Sarawak. Saya minta supaya Sarawak juga dikaji sebab saya dah mula beri arahan kajian itu dibuat dan keputusan kajian itu di-*compile* dan macam mana hendak menangani supaya *erosion* ini dapat kita halangkan. Teknologinya ada, kita mempunyai kepakaran di negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada *transformation of Parliament*, tinggal 10 minit sebab saya memang minat ini. Pada 2008 hingga 2009, saya diberi arahan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara untuk menubuhkan satu jawatankuasa. Saya tubuhkan satu

jawatankuasa, *across political device*. Saya tulis surat kepada Pengerusi DAP, saya tulis surat kepada Pengerusi PKR, PAS, semua parti untuk menjadi ahli. Kita buat kajian selama satu tahun lebih. Jadi dalam jawatankuasa itu kita putuskan satu perkara bahawa Parlimen Malaysia perlu *the transformation*. Kita masih jauh ke belakang dalam semua sudut. Kitalah Parlimen, sesebuah Parlimen yang tidak ada *select committee* yang menjagakan yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Lembah Pantai...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan, boleh?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat, Setiawangsa hendak bertanya apa jadi dengan kajian tersebut?

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, beri saya peluang jawab ya. Selepas satu tahun tiga bulan kajian, saya bawa pakar daripada *AG office*. Bila dia ikut saya menjadi pengkaji, buat draf dan sebagainya itu, dia pun bermasalah dengan pejabat AG sebab dengar sangat cerita saya. Akhirnya dia kena *transfer*, dah *retire* sekarang tidak apalah. Dia kena *transfer* daripada *AG office*, lepas itu *retire as a session court judge*. Akan tetapi dia memang pakar draf, *draftsmen* daripada *AG office*. Jadi kita putuskan tiga perkara iaitu buat undang-undang baharu Parliament Administration Act. Semenjak 1993 akta ini telah dimansuhkan oleh kerana masalah dalaman Parlimen itu sendiri. Jadi saya menegur dalam buku saya, buku *Evolution of Parliament*.

Saya sebut, saya kata "*it is not the fault of Parliament, it is fault of the Speaker who didn't direct his mind properly to how to handle the problem of the time.*" Masalahnya berlaku di antara Speaker dengan Setiausaha Parlimen. Jadi *cheque* tidak *sign*, gaji orang tak bayar dan semua sekali, akhirnya diberi kepada kerajaan, kerajaan memang setelah seribu tahun kalau di England, masalah di antara *legislature* dengan *executive* itu memang dia cari peluang itu. Bila peluang ada, dia bantai buang undang-undang itu, kuasa balik kepada eksekutif. Pelantikan Setiausaha Parlimen dikembalikan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan akhirnya *Parliament is no longer* mengikut Perlembagaan Artikel 62 dan 63. Kita hanya tinggal Peraturan Parlimen itu sahaja tetapi *the independent of Parliament* itu, *decide on Parliament itself*, bangunannya, menguruskan kontraktornya, menguruskan apa sahaja yang kita hendak di sini, kita masih minta kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua tahu kalau hendak hantar orang IPU, minta Menteri Kewangan lulus dulu. Kalau hendak hantar orang AIPA, minta kelulusan daripada Menteri Kewangan dulu. Sepatutnya tidak begitu, patutnya diluluskan oleh Speaker sendiri. *[Tepuk]* Baru kita semangat dalam Parlimen ini ialah *the Bill of Rights 1680*. Jadi apabila *Bill of Rights* ini...

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Santubong, boleh mencelah? Adakah Yang Berhormat Santubong setuju untuk bersama-sama dengan kami dalam Kerajaan Pakatan Harapan untuk membawa perkara ini dan disokong apabila dibawa nanti untuk mereformasi Parlimen?

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kalau saya tidak setuju, saya tidak cakap Yang Berhormat. [Tepuk] Kalau saya tidak setuju Tuan Yang di-Pertua, *to give independent to Tuan Yang di-Pertua* sebagai Speaker *to give* kuasa kepada Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker. Jadi saya draf satu undang-undang yang komprehensif. Kalau Tuan Yang di-Pertua buat *research* sekarang, *the latest edition* kepada undang-undang Parliament Administrative Law ialah New Zealand, di antara yang *the latest*. Australia dah lama, Kanada dah lama, mana-mana Commonwealth *country* dah lama dah, jadi dia jauh ke belakang. *British is completely principal* sahaja, tidak *detail*.

Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak hukum kami orang ini, Tuan Yang di-Pertua tidak boleh hukum saya lebih daripada RM1,000. Ini masalah berlaku apabila empat orang budak daripada parti UMNO dulu, saya hendak sebut ini, ini perkara betul, menghalang Ahli Parlimen *the late* Mr. Karpal Singh masuk ke Dewan. [Tepuk] Saya bincang dengan Speaker, Speaker kata "Dato' Wan, apa ada pada saya? Undang-undang bagi kuasa RM1,000 sahaja". *That is the maximum you can punish the guy because* undang-undang itu tidak boleh masuk jel juga. Asalkan dia bayar, *you* tidak boleh *commit* dia *to prison*, kalau dia tidak bayar baru boleh masuk. *That is the* undang-undang yang ada, 1952 dipinda 1988 untuk *consolidation* sahaja tidak ada apa-apa pun, bermakna undang-undang itu *is already as older than* kemerdekaan Tanah Melayu itu sendiri, belum dipinda. Digubal 1952, dipinda Mac 1953, dilaksanakan 1953, semenjak itu tidak ada pindaan untuk mengubah kuasa Speaker.

■1520

Jadi saya pindahkan satu – gubalkan satu undang-undang mengikut contoh New Zealand, draf yang dibuat oleh pakar daripada *AG Office*. Itu undang-undang yang kedua.

Ketiga, saya draf undang-undang *privilege*. *Privilege* ini juga perlu dilihat. Undang-undang kita sudah lama, patut dipinda. Jadi tidak ada tiga lagi dah. Dulu saya masukkan *Remuneration Bill*. *Remuneration Act*. Sebahagian daripada cadangan saya itu dilaksanakan. Sarawak laksanakan *in full my proposal*, berlandaskan elaun dahulu. Masa kajian dibuat tahun 2009, Malaysia ialah terendah di dunia. Bahkan Morocco, negara yang miskin pun bayar RM1,900 *equivalent Malaysian Ringgit* satu tahun untuk gaji Ahli Parlimennya. Kita pada masa itu, berapa ribu sahaja. Kalah gaji kerani.

Jadi alhamdulillah sekarang, okey. Jadi dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya akan bersetuju dan saya cadangkan sebelas jawatankuasa. *One of the most critical* jawatankuasa yang saya cadangkan kepada Parlimen ialah 40 di bawah itu. Yang *bellow 40* itu kerana di Australia dia ada *Aborigines*, jawatankuasa jaga *Aborigines*. Kalau di Amerika, dia ada jaga orang yang miskin macam Red Indian dan sebagainya. Jadi di mana-mana negara, ada satu jawatankuasa yang melihat kemiskinan ini, di samping yang lain-lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Tuan Yang di-Pertua akan teruskan perjuangan ini supaya Parlimen ini betul-betul *is no longer going to be the rubber stamp* kepada kerajaan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan, Yang Berhormat. Sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, minta sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya dalam sesi yang lalu dan sesi yang sedang berlangsung sekarang, beberapa perkara yang telah berlaku akan menunjukkan bahawa Parlimen sekarang memang berbeza daripada Parlimen dahulu. Tuan Yang di-Pertua sekarang pun adalah Tuan Yang di-Pertua yang berbeza daripada Tuan Yang di-Pertua yang dahulu. Jadi memang perubahan pun sedang berlaku dan saya yakin apa-apa cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu memang akan diterima dan akan dilaksanakan.

Akan tetapi saya memberi syor bahawa memang perubahan ini akan berlaku dan ini adalah untuk kebaikan kesemua Yang Berhormat yang ada di sini. Kita berbeza, bukan macam dahulu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bera minta laluan. Boleh?

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya 43 saat, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Boleh?

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya berharap Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan. Ini perkara yang penting ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya boleh tambah beberapa minit.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Silakan, silakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya, saya tadi.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Okey.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Akta Perkhidmatan Parlimen ini dimansuhkan sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini menjadi Perdana Menteri? Dia yang menghapuskan. Waktu itu dihapuskan dan transformasi...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat kita tidak bincang soal prinsip-prinsip, ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sikit, sikit. Itu yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini sudah pun dibangkitkan banyak kali.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kedua, transformasi Parlimen yang dicadangkan telah pun dibincangkan dalam sesi yang lepas, di mana Tuan Yang di-Pertua Dewan waktu itu sudah pun mempengerusikan mesyuarat dan mengesyorkan. Salah satu syornya adalah untuk mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah pun dimansuhkan.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Memang saya sebut tahun sahaja. Saya tidak nak *refer* kepada individu ataupun sesiapa. Ini kerana *Parliamentary Service Act* itu dipinda atau dimansuhkan pada 1993. Jadi kita mengetahui siapa pada ketika itu tetapi dalamannya, saya *got to be fair to everybody*. Dalamannya saya mengetahui. *I was very close friend to the Speaker*. Ini kerana saya ini suka membaca, suka bercerita serta suka berbincang. Jadi dalam keadaan sedemikian, *commission* dalam Parlimen itu buat dan *draftsmen* undang-undang untuk Parlimen itu diaturkan juga. Maknanya sokongan kewangan daripada kerajaan mesti ada juga. Akan tetapi Parlimen mesti ada kebebasan sendiri untuk mentadbir urus dalam mereka sendiri. Umpamanya dari *gate* Parlimen itu sampai ke sini, *not a single tree, grass everything can happen without the Speaker agree on it*.

Contohnya pada hari itu, saya tidak boleh keluar, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana orang dibenarkan masuk. Katanya polis benarkan masuk. Polis atau IGP, tidak boleh. Laluan orang keluar masuk, Ahli Parlimen itu tidak boleh dihalang. Itu janji IGP pada kita. Kenapa polis boleh benarkan? Janji IGP, apabila bersidang Parlimen hari ini, beliau ada kata laluan *to and fro* Ahli Parlimen tidak boleh terhalang. Begitu juga apa juga keputusan. Keputusan Yang Berhormat Menteri nak tampal tidak boleh merokok itu *good intention* tetapi salah cara. Minta dengan Tuan Yang di-Pertua dulu. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata *yes*, baru boleh buat. Tuan Yang di-Pertua kena bincang dengan semua *stakeholders*. Kalau tidak Parlimen sudah jadi Tuan Yang di-Pertua sendiri yang punya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, banyak lagilah ilmu saya dalam bidang transformasi Parlimen ini kalau nak dihujahkan semua. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, memadai kalau kita sudah lihat undang-undang memang saya setuju. Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri pun – memang betul perkara ini. Dato' Sri Ismail Sabri mengatakan bahawa memang kita sudah setuju.

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Bera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bera.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat Bera. Setuju. Kita sudah setuju bahawa kita akan gubalkan undang-undang yang baru. Jadi kedua, kita kena pindaan undang-undang *The Right and Privileges Act, 1952* ataupun buat semula kerana pindaan itu, seksyen 32 Tuan Yang di-Pertua, mengikat kita kepada *House of Common*. *The right of the House of the Common in the House of Common become the right of Malaysian Member of Parliament* juga. *We are tied to it*. Jadi semua konvensyen, semua dia punya peraturan *usage and practicing convention* itu kita kena akur kepada dia. Jadi semua ini kena lihat semula. Kita sudah mempunyai kita sendiri. Mungkin kita boleh buat *Erskine May* kita sendiri. Mungkin nama Tuan Yang di-Pertua nanti mungkin ataupun Datuk Roosme punya nama. Nama itu *compiling all this things*. *The right and privileges* di bawah satu buku macam Sir Thomas Erskine May yang *compiling in 1980* dahulu menjadikan buku rujukan yang terunggul di dunia sekarang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap transformasi Parlimen ini kita laksanakan dengan terbaik mungkin dan saya berharap jugalah tidak ada beza dalam Parlimen ini. Apa yang beza ialah Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri, *Leader of the House*, Timbalan Perdana Menteri,

Deputy Leader of the House and Ketua Pembangkang. There's the only person ada perbezaan. Manakala yang lain itu sama ada Menteri ataupun bukan, hanya satu sahaja. Menteri itu mempunyai kuasa untuk bawa usul, tidak payah bagi notis. Itu sahaja. Selain itu, we are all Members of Parliament.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, dahulunya IPO itu tidak ada Menteri datang. Jangan buang duit untuk Menteri datang. Baru-baru ini di Singapura, saya dengar Menteri datang menyanyi pun. Buang duit sahaja sebab Menteri dia duduk hotel, Menteri punya standard. Datang dengan isteri, bawa bayar isteri lagi. Dulu IPO itu memang *exclusive* Ahli Parlimen sahaja. Begitu juga IPU, minta tolong, jangan Menteri-menteri terlibat. Ini kerana *it is a forum* untuk Ahli Parlimen. Khususnya IPO. Itulah diadakan satu dialog di antara *The Head of the Government of Asian* dengan *Speaker of Asian*. Ini kerana untuk menyampaikan apa yang dipersetujui oleh Ahli Parlimen yang tidak ada portfolio kepada *Head of the Government of Asian*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana bagi peluang saya bercakap. Jem sikit jam itu. Insya-Allah saya akan sambung cerita saya pada bajet nanti. Terima kasih.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, mohon...

Tuan Yang di-Pertua: Yang lebih-lebih itu terdapat dalam buku Yang Berhormat ya.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Mohon, mohon. Mohon ingin bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Santubong.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tanya di luarlah Yang Berhormat ya. Bertanya di luarlah. Nanti saya benarkan, Yang Berhormat yang lain pun mungkin akan bangun. Selesaikan di luar. Untuk memudahkan perbahasan, saya ingat elok kalau saya nyatakan jadualnya. Selepas ini saya akan memanggil pembahas daripada pihak kerajaan iaitu Yang Berhormat Tuaran. Selepas Yang Berhormat Tuaran, saya akan memanggil Yang Berhormat Ayer Hitam. Selepas Yang Berhormat Ayer Hitam, kita kembali kepada barisan di sebelah kerajaan iaitu Yang Berhormat Bukit Bintang.

■1530

Selepas itu, saya akan memanggil Ahli dari sebelah kiri daripada Parti PAS iaitu Yang Berhormat Kubang Kerian dan seterusnya ialah kembali kepada PH dan sebagainya supaya bersikap adil kepada semua. Saya belum terima senarai daripada Bebas. Kalau boleh berikan awal-awal, senang sedikit kita hendak uruskan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuaran. Tidak ada?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Bukit Bendera bersedia.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Tuaran tidak ada, Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Bukit Bendera.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada dalam *list* Yang Berhormat Bukit Bendera.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Bukit Bendera. Tersilap tulis. Yang Berhormat Bukit Bintang sudah bahas.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Kalau Yang Berhormat Tuaran tiada, diganti dengan Papar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ikut *list*. Tidak boleh, kita kena ikut *list* daripada Pengerusi BBC.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, Bukit Bendera dia sudah tulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tampin, silakan Yang Berhormat Tampin. Yang Berhormat Tampin ada ya?

3.31 ptg.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Dengan ini saya memohon untuk menyokong usul ucapan perbahasan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 pada 18 Oktober 2018 yang lalu. Saya turut mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan serta ucapan perbahasan Kajian Separuh Penggal RMKe-11.

*Makan sirih berpinang tidak,
Pinang ada di bawah tangga,
Makan sirih mengenyang tidak,
Tegah dek budi dengan bahasa.*

*Ibu kapur di lembah paya,
Terbang kelam di rumpun bunut,
Sirih sekapur persembahan saya,
Minta ditimbang mana yang patut.*

Amanah para pengundi saya pada Pilihan Raya Umum yang ke-14, ingin saya hargai dan akan di*ladeni* dengan segala daya kemampuan. Rakaman ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang telah mentaklifikan amanah menggunung kepada saya untuk dimaknai dengan sebaik mungkin sebagai wakil rakyat mereka.

Saya ingin membawa pendengaran sidang Dewan sekalian dengan sabda Rasulullah SWT yang bermaksud "*Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling bermanfaat bagi manusia yang lain*". Faedah yang boleh dihirup daripada kalam perkataan yang baik ini adalah untuk mengajak kita menjadi manusia yang memberi makna dan memberi manfaat kepada orang lain. Perkataan kita sebagai nasihat, tangan kita untuk membantu, fikiran untuk menyelesaikan, bahkan wajah redup riang yang membawa ceria dan cemerlang bagi pemenang kelihatan bahawa kepimpinan yang kini berada di arus perdana pemerintahan negara sedang berusaha keras untuk menyebarkan seberapa banyak manfaat kepada rakyat dan negara supaya dapat kelak kita akan dapat menuai kebajikan yang berpanjangan di hari mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 merupakan fasa terakhir ke arah mencapai negara maju dan inklusif, selaras dengan Wawasan 2020. RMKe-11 yang bertemakan 'Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat' memberi tumpuan kepada kemakmuran

dan kesejahteraan rakyat. Kajian Separuh Penggal RMKe-11 ini melaporkan prestasi yang telah dicapai dalam tempoh 2016 hingga 2017 dan menggaris kasarkan dasar serta strategi ekonomi yang diujarkannya semula untuk tempoh 2018 hingga 2020 dengan mengambil kira keutamaan kerajaan baharu berikutan Pilihan Raya Umum Ke-14. Kerajaan komited untuk menambah baik tadbir urus dan ketelusan dalam memastikan kesejahteraan rakyat yang lebih baik.

Saya ingin mengajukan kepada seluruh rakyat untuk menjadikan rakan kongsi negara ini dengan memberikan dukungan yang penuh terhadap aspirasi pemerintahan baharu di negara ini, menyalurkan pandangan yang kritis dan bertanggungjawab sesuai dengan adab dan norma ketimuran serta menjadi kumpulan yang memainkan semak dan imbang memenuhi ruang awam sebagai rakyat demokratik yang tercerah.

Wajar dinyatakan di sini bahawa pimpinan kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan barisan pimpinan kerajaan tidak pernah lekang berusaha menukangi semula Malaysia ke arah landasan yang kukuh sebagai harimau ekonomi Asia, meneroka peluang dan ruang yang boleh memberikan kesejahteraan kepada rakyat, membela hak dan masa depan mereka serta mengangkat darjat kita ke arah yang lebih baik. Usaha sederap ke depan secara konsisten yang diambil oleh pihak kerajaan ini atas rasa kesedaran tinggi untuk melihat masa depan yang lebih baik untuk dikongsi dan dinikmati oleh rakyat yang terbanyak.

Saya juga ingin menyanjung tinggi serta merasa berbesar hati mendengar inti pati ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang jelas merangkumi semua aspek perkara yang penting dari sudut kesiapsiagaan ekonomi dan kemakmuran negara sehinggalah aspek kesihatan, kesejahteraan dan kehidupan rakyat jelata secara komprehensif. Saya melihat keseluruhan rakan-rakan pimpinan Ahli-ahli Yang Berhormat bekerja keras dalam memastikan aspirasi ini dapat ditunaikan dengan jayanya dan tanpa sebarang pengecualian.

Suka saya membawakan fikiran kita terhadap usaha-usaha tanpa henti untuk membawa negara menuju menjadi sebuah negara maju pada masa hadapan. Lazimnya, kemajuan akan ditandai oleh kepesatan pembangunan yang konkrit dan meminimumkan sumber alam semula jadi.

Menuju matlamat ini, spektrum pemikiran yang perlu ditumpukan oleh kita ialah apabila proses modenisasi yang pesat yang membawa industrialisasi dan urbanisasi yang didorong oleh ekonomi komersial berkembang dengan pesat. Maka pola kehidupan konvensional akan berubah. Hubungan interpersonal yang berteraskan nilai-nilai kesalingan, kolektif akan dicabar oleh budaya baharu yang didasari oleh semangat individualistik yang ekstrem. Apakah kita bersedia untuk berkompromi dalam kehidupan *urban* dengan karakter yang berpaksikan keakuan, lalu sanggup pula menyerahkan jati diri kita yang telah lama dipasak oleh prinsip agama dan nilai-nilai kehidupan?

Inilah satu hal yang sering mengharukan apabila direnung sedalam-dalamnya. Ia seharusnya juga mendapat perhatian pihak kerajaan supaya nilai-nilai tradisional yang berteraskan budaya peribumi yang bersifat kolektif, interpersonal, saling mengenal dan

mengambil tahu serta bermasyarakat selaras dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang wajar dipelihara daripada dirempuhi dengan kasar oleh globalisasi-globalisasi yang tidak terkawal.

■1540

Saya yakin dan percaya, pihak kerajaan telah menyedari dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menguruskan perubahan berkenaan. Termasuk di dalamnya yang perlu diambil perhatian yang serius ialah langkah-langkah pemeliharaan topografi negara ini yang terus terpelihara, persekitaran hijau, tumbuhan tutup bumi, iklim yang sederhana akan dapat dinikmati pada masa akan datang. Seiring dengan pembangunan yang konkrit dan batu bata yang bakal memenuhi landskap fizikal negara.

Akan tetapi apabila kita lihat perkembangan yang berlaku terhadap pembalakan di negara ini ataupun penghapusan tentang hutan-hutan di negara ini, daripada tahun ke tahun berlakunya penyusutan ataupun pengurangan tentang kehijauan yang ada di negara kita ini. Justeru itu, kerajaan harus memastikan sekurang-kurangnya sebagaimana yang diungkapkan di dalam ucapan Yang Amat Berhormat, 50 peratus daripada keluasan tanah negara dikekalkan sebagai kawasan berhutan dan diliputi pokok-pokok seperti mana komitmen yang dinyatakan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.

Oleh kerana itu, saya ingin menyarankan supaya kerajaan harus melakukan kajian dan kawalan pembalakan mesti dilakukan secara kerap dan sistematik supaya kehijauan di tanah air, tanah tumpah darah kita ini dapat kita kekalkan. Perubahan iklim dunia tidak dapat dielak untuk dibicarakan apabila tema kepesatan urbanisasi mengambil bicaranya. Orientasi ekonomi dipacu oleh teknologi automatif tetapi akan memberi kesan terhadap pola iklim dunia pada tahun mendatang adalah jelas lebih berbeza daripada hari ini.

Syukur *alhamdulillah*, negara kita Malaysia telah teruji oleh pimpinannya yang sentiasa memikirkan dan mengolah serta melaksanakan daya inisiatif jangka masa panjang untuk membentuk Malaysia agar terus mekar sebagai sebuah negara yang progresif dan dinamik serta aspirasi dan suara rakyat juga untuk kehidupan yang seimbang dan sejahtera adalah asas melahirkan sumber daya manusia yang berkualiti akan memastikan segala yang dihasratkan akan dapat dilaksanakan. Sebagaimana yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat dalam ucapannya.

Inisiatif kerajaan dalam mengorak langkah ke hadapan menghadapi penggal kedua RMKe-11 dengan mengambil kira keperluan untuk bertindak balas dengan berkesan kepada cabaran global serta memenuhi aspirasi kerajaan baru, kita dapati enam tonggak yang telah dikenal pasti bagi meletakkan negara pada landasan yang betul adalah langkah signifikan untuk menuju ke arah matlamat tersebut. Enam tonggak berkenaan akan menyediakan tumpuan pembangunan yang baru dengan 19 bidang keutamaan dan 66 strategi sejajar dengan hala tuju baru kerajaan untuk terus melonjakkan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dapat disaksikan bahawa komitmen kerajaan untuk melahirkan sumber daya manusia yang berasaskan prinsip meritokrasi dan berdaya saing seiring dengan

persekitaran dunia yang kompetitif mensyaratkan keperluan melahirkan para graduan berkredibiliti global seperti yang dihasratkan dalam pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa pembangunan modal insan akan terus menjadi keutamaan untuk memperkasakan tenaga kerja dalam menyokong pertumbuhan ekonomi menghadapi penggal kedua RMKe-11.

Tumpuan akan diberikan untuk mewujudkan modal insan yang berkemahiran, berpengetahuan dan inovatif bagi memenuhi keperluan industri. Inisiatif pembangunan modal insan akan menyediakan peluang untuk pekerjaan yang berkualiti serta memastikan akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti ke arah membina negara yang lebih inklusif, saksama dan makmur.

Justeru, saya menyarankan supaya Kementerian Pendidikan bukan hanya menumpukan kepada mereka yang berjaya di dalam melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tetapi juga menumpukan perhatian kepada mereka yang tercicir daripada melanjutkan pelajaran di universiti. Untuk memperbanyakkan pusat-pusat latihan, pusat-pusat untuk kita melahirkan individu yang mempunyai ilmu pengetahuan dan berkemahiran daripada pelbagai sudut. Justeru itu...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mohon laluan Yang Berhormat Tampin. Kubang Kerian.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak minta laluan. Silakan. Oh! Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya ingin menarik perhatian soal yang dibangkitkan soal pendidikan. Apakah Yang Berhormat bersetuju sistem pendidikan yang ada ini perlu disusun semula dalam bentuk yang komprehensif, bersepadu bagi mengangkat balik martabat kemanusiaan. Contohnya, satu masa sistem pendidikan negara kita berteraskan pengetahuan. Hari ini orientasinya bersifat *exam oriented* yang menyebabkan pelajar bersaing untuk mendapat keputusan cemerlang tetapi mengabaikan nilai-nilai moral, nilai-nilai akhlak yang kita dapati berlakunya pelbagai gejala di peringkat IPT dan sebagainya.

Jadi mohon pandangan, sama ada kita perlu menyusun semula dan memperkemas konsep pendidikan bersepadu. Balik semula kepada sistem pendidikan, bukan sistem pembelajaran. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh Yang Berhormat, Pasir Salak mencelah sedikit? Boleh?

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap pasal pembangunan modal insan, ia bermula daripada kanak-kanak. Bukan sahaja di peringkat kolej universiti Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tampin. Adakah Yang Berhormat sedar pendidikan awal kanak-kanak di antara

kanak-kanak di luar bandar dengan di bandar ini jauh berbeza dari segi kemudahan dan kualitinya.

Orang-orang yang mampu di bandar menghantar anak kepada sekolah yang hebat-hebat, *international school*, *private*, pusat pendidikan awal kanak-kanak yang jauh berbeza dengan kelas-kelas tadika di luar bandar. Bagaimana cadangan Yang Berhormat untuk kerajaan mengimbangi supaya jurang ini dapat di atasi. Terima kasih.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih kepada yang bertanya. Saya harap pandangan daripada Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Kubang Kerian dimasukkan dalam sebahagian daripada ucapan saya kerana pandangan itu, pendidikan itu harus dilihat daripada bawah hingga ke atas. Daripada bandar dan luar bandar harus ada keseimbangan di antara semua aspek itu sendiri, sama ada bandar atau pun luar bandar, sama ada sistem ataupun silibus pendidikan kita itu harus dikembalikan semula kepada sistem pendidikan yang lebih bersepadu.

Saya ingin melanjutkan perbincangan pada hari ini dengan penumpuan kepada tonggak keempat iaitu memperkasakan modal insan yang akan dilaksanakan melalui empat bidang keutamaan iaitu:-

- (i) mereformasi pasaran buruh;
- (ii) menambah baik kecekapan dan produktiviti buruh;
- (iii) meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti; dan
- (iv) memupuk jalinan industri akademia yang lebih kukuh.

■1550

Tumpuan perbincangan ini adalah pada dua bidang keutamaan terakhir iaitu meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti serta memupuk jalinan industri dan akademia. Kita melihat bahawa banyak kajian yang dilakukan di universiti-universiti, yang dilakukan oleh para pensyarah, yang dilakukan oleh para pakar yang ada di institusi pengajian tinggi kadang-kadang terbiar begitu sahaja. Oleh sebab itu, saya menyarankan supaya pihak Kementerian Pendidikan untuk melihat secara komprehensif setiap kajian yang dilakukan oleh para pensyarah di universiti dan juga para ilmuwan di institusi pengajian tinggi untuk diambil kira di dalam kita memastikan kemajuan pembangunan di negara ini. Di samping itu, harus diberi satu peruntukan yang besar kepada para sarjana untuk membuat kajian yang lebih komprehensif dalam memastikan soal pembangunan di negara ini sesuai dengan kehendak dan juga kemampuan.

Jadi justeru itu, peruntukan yang besar perlu diberikan kepada para pensyarah ataupun para ilmuwan untuk membuat kajian yang lebih mendalam supaya pembangunan kita dapat kita laksanakan dengan sebaik mungkin. Penetapan bidang keutamaan akses pendidikan latihan yang berkualiti adalah bertepatan dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang turut mengheret negara-negara membangun seperti Malaysia untuk segera memberi respons terhadapnya. Beberapa input yang diperoleh daripada sektor industri, ketidakpadanan antara

teori dan kemahiran serta peralatan teknologi yang diajarkan di universiti, khususnya kepada pelajar-pelajar dalam bidang kejuruteraan semakin ketara sedangkan kelompok pelajar ini dipersiapkan untuk menjadi pemain penting Revolusi Industri. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh perkembangan pesat sektor industri melalui inovasi dalaman yang menghasilkan pelbagai alat teknologi dengan begitu pantas yang tidak terdaya dikejar oleh sektor universiti yakni pendidikan. Maka, usaha untuk menyediakan latihan seperti yang disyaratkan dan dihasratkan oleh pihak kerajaan seharusnya disokong. Cuma yang perlu ditinjau ialah nasihat daripada pihak industri tentang bentuk latihan bagaimana yang perlu diberikan supaya jurang antara universiti dan sektor industri dapat diminimumkan. Ini bagi memastikan kebolehpasaran graduan keluaran universiti-universiti di Malaysia akan kekal relevan.

Tuan Yang di-Pertua, aspirasi yang meniti di sebalik ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan adalah berkisar mengenai pembangunan yang mampan, kompeten dan seimbang yang meliputi sektor ekonomi, sosial, prasarana dan lainnya. Hasrat murni ini amatlah baik sebagai manifestasi keseriusan untuk mengangkat martabat bangsa dan negara menuju persada dunia. Namun, hasrat berkenaan sukar untuk dicapai tanpa tindakan proaktif yang menyeluruh untuk memperkasakan pendidikan rakyat di negara ini. Pendidikan atau ilmu pengetahuan adalah perkara asas yang menjadi inti sebuah ketamadunan. Melalui proses pendidikan ini akan lahir manusia-manusia beradab dan berbudi pekerti yang tinggi, insan adabi, *universal man* yang akan mengisi pembangunan, mencorak dan memandunya ke arah yang pencerahan.

Ini bertepatan dengan pepatah Cina yang menyebut '*Kalau mahu hidup setahun, tanamlah jagung. Jika mahu hidup seribu tahun, didiklah manusia*'. Pendeta Za'ba, ilmuwan kelahiran Negeri Sembilan yang berjasa besar terhadap pendidikan negara pernah mengungkapkan bahawa '*Maka segala punca sekalian jalan-jalan ini yakni mencari kemajuan, tidak syak lagi ialah pengetahuan dan pelajaran dan di atas asas-asas inilah dibina bangunan-bangunan lain dan daripada inilah diterbitkan persenjataan dan kelengkapan bagi membantu jalan-jalan yang lain atau cawangan-cawangan yang lain*'. Melalui program pendidikan yang berkualiti sahajalah kita dapat melihat masa depan yang cerah dan terpadu akan dapat diijelmakan. Hasrat ini dapat dilihat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Negara daripada sudut kaedah pentaksiran dan membebaskan pelajar daripada penilaian berasaskan peperiksaan.

Dengan demikian, ukuran terhadap kemenjadian pelajar semakin diluaskan ufuknya kepada bukan hanya sekadar pada pencapaian IQ, malahan turut menyentuh EQ dan SQ. Keseriusan para pemegang taruh sektor pendidikan negara dapat dilihat secara implisit dalam penyata pelan berkenaan. Sebagai contoh, lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 Pendidikan Tinggi (PPPM) yang bermatlamatkan melahirkan graduan holistik bercirikan keusahawanan yang seimbang. Justeru itu, falsafah pendidikan negara harus dititipkan semula di dalam sistem pendidikan yang sedang kita laksanakan ini. Kesungguhan kerajaan untuk melahirkan graduan yang holistik, cemerlang jasmani dan rohani ini selari dengan

perubahan paradigma manusia yang kembali menitikberatkan orientasi nilai sebagai sendi penting untuk menginsankan manusia.

Di negara-negara Barat juga tumpuan terhadap pendidikan jasmani atau hanya memenuhi dimensi ketahanannya, jasadiah sahaja telah membawa bencana besar terhadap pendidikan mereka. Hal ini boleh ditinjau daripada karangan Profesor Harry R. Lewis yang mengemparkan di mana dunia keserjanaan Eropah melalui bukunya *Excellence Without Soul* pada tahun 2016 yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan melalui tindakan-tindakan proaktif kerajaan hari ini akan dapat mencapai matlamat pelaksanaan misi bagi mengukuhkan pertumbuhan ekonomi dan menjamin inklusiviti rakyat di samping membawa rakyat dan negara menuju kehidupan sejahtera yang seimbang dalam pelbagai dimensi dan juga ruang. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan supaya apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu menjadi satu landasan yang baik untuk kita membina negara pada masa akan datang. Banyak perkara yang di bahas, banyak perkara yang menjadi tonggak perbincangan kita untuk melahirkan sebuah negara yang begitu baik pada masa akan datang telah digariskan. Mengakhiri ucapan ini, saya ingin melahirkan sokongan terhadap ucapan perbincangan semakan separuh penggal RMKe-11 seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan memohon perhatian terhadap perkara-perkara yang saya fikirkan perlu dititikberatkan oleh pihak kerajaan supaya matlamat untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi turut didukung oleh ekosistem manusiawi dan persekitaran yang seimbang.

■1600

*Bagai kuku kucing Persia,
Sakitlah hati jangan sirik,
Sumber negaraku Malaysia,
Bangkit kita menjadi terbaik.*

Tuan Yang di-Pertua, dengan ungkapan pantun itu dengan itu saya memohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Ayer Hitam, saya ingin menerima kepastian terdapat dua senarai di depan saya. Dari senarai pembangkang, adakah ini aturan yang sebenarnya iaitu Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Ayer Hitam. Ini satu *list*. Ada satu *list* lagi Yang Berhormat Ayer Hitam terdahulu.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ayer Hitam terdahulu. Jadi sila aturkan sesama sendiri lah ya. Ya, silakan Yang Berhormat Ayer Hitam.

4.00 ptg.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Yang Arif kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Seperti mana yang kita sedia maklum, Kajian

Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas merupakan satu dokumen penting. Kalau kita melihat setiap kali kita bentangkan Rancangan Malaysia lima tahun, sudah tentunya ada semakan yang dibuat di separuh penggal dan kali ini ianya juga tidak terkecuali. Ianya bertujuan untuk kita mengkaji semula pelaksanaan selama ini dua hingga tiga tahun, apa masalahnya, apa yang baiknya dan pada waktu yang sama kita mengorak langkah mengambil kesilapan-kesilapan terdahulu dan kita memperbaikinya. Itulah tujuan kita mengadakan Kajian Separuh Penggal.

Jadi ianya bukanlah satu dokumen retorik, ianya sebenarnya untuk memacu kepada pembangunan yang lebih mampan untuk masa depan negara kita. Untuk itu, seperti mana yang pernah saya tegaskan, apa yang kerajaan lakukan kalau itu ada perkara yang baik, saya menerima baik, saya memberi pujian. Saya memberi contoh penubuhan IPCMC, kalau 12 tahun yang lalu kita terlepas peluang, kita tidak menubuhkan IPCMC. Kali ini kerajaan baharu mengambil inisiatif untuk tubuhkan IPCMC, saya sokong kerana saya nampak ianya adalah satu justifikasi yang kuat untuk kita melihat bagaimana polis kita menjalankan kerja dengan lebih baik dan lebih tertib. Itu saya sokong.

Akta Perkhidmatan Parlimen hendak dihidupkan semula. Itu juga satu perkara yang baik. Seperti mana yang saya pernah bahaskan sebelum ini. Inilah sesuatu yang kita perjuangkan bersama. Saya ucapkan tahniah kerana ianya telah diterima baik.

Ketiga *ombudsman* Malaysia, ianya merupakan satu mekanisme yang membolehkan orang yang berintegriti, orang awam untuk melihat macam mana penyampaian sistem kerajaan. Itu juga satu perkara yang baik. Jadi yang baik saya memberi sanjungan. Sebaliknya, kalau ada sesuatu yang saya rasa ada kekurangan, ada kecacatan, saya akan memberi teguran secara membina. Dalam soal ini saya menyambut baik apabila disebutkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen, *Parliamentary Select Committee* akan ditubuhkan, banyak. Itu satu perkara yang baik. Akan tetapi jangan cakap tidak serupa bikin. Apa yang saya sarankan bersama dengan Yang Berhormat Timbalan Speaker, Yang Berhormat Teluk Intan baru-baru ini, kita cuma minta kerajaan tubuhkan satu *Parliamentary Select Committee* untuk melihat pemansuhan hukuman mati. Jangan dibuat tergesa-gesa. Kita kena bincang dengan semua *stakeholder*. Sebab itu rayuan kita telah ditolak, selepas itu ditolak oleh Kabinet.

Saya tanya, kalau ianya adalah satu yang dijanjikan dalam manifesto, kenapa tidak terus mansuhkan tol. Oh, dikatakan tidak boleh tetapi hukuman mati boleh dimansuhkan serta-merta. Jadi dalam soal ini alangkah baik kita memberi masa untuk kita berbincang secara aman damai dan saya rasa ianya adalah sesuatu yang terbaik untuk negara kita. Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Jelutong minta penjelasan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap, baru mukadimah. Sekejap ya. Saya ada 10 isu saya hendak bincang. Seterusnya apabila disebut *vendor compensation fund*, saya memang hairan macam mana Menteri boleh cakap gunakan duit ikat jamin untuk dijadikan sebahagian daripada pampasan kepada mangsa keluarga. Kita tahu keperluan, kesengsaraan yang dihadapi oleh mangsa ini atau keluarga mereka. Akan tetapi ianya tidak boleh dilihat

daripada nilai wang ringgit. Ianya perlu dilakukan dan ini memberi satu perkara, satu mesej yang tidak baik kerana memang betul kita hendak jaga keluarga itu. Akan tetapi kalaulah seseorang penyeludup, dia hendak mengedarkan dadah, dia tahu kerajaan akan bayar, dia mungkin akan terus buat. Kedua kalau kita tengok, yang saya terasa tidak boleh masuk akal ialah dia kata gunakan duit ikat jamin. Kalau ikat jamin, duit itu tidak boleh dikeluarkan, dia kena pulangkan dan saya pun tidak tahu kalau seseorang itu dituduh di bawah seksyen Akta Dadah Berbahaya 1952 ataupun Kanun Keseksaan di bawah seksyen 302, adakah orang ini yang membunuh ini kita benarkan diikat jamin. Itu tidak masuk akal. Sebab itu saya katakan, biarlah kita dengar pandangan ini.....

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, Jelutong minta laluan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap, sekejap. Saya akan bagi masa. Saya minta supaya perkara ini dapat dilihat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong minta penjelasan, minta penjelasan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Duduk ya, ini kita beradab okey. Biar saya cakap habis dulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tanyalah, kalau boleh beri saya laluan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap, saya bagi masa okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sebab itu saya kata *vendor compensation fund*, apa yang kita ucapkan, kita buat *Parliamentary Select Committee* tapi dalam soal ini tidak boleh. Saya pun tidak tahu kenapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Ayer Hitam, bukan *vendor compensation fund*, *victim compensation fund*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *Victim, sorry*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Mangsa dia bukan jual barang, dia bukan vendor, dia *victim*.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *Sorry* ya, saya terlalu cepat. Itu adalah satu pembayaran pampasan kepada mangsa. *Sorry*, saya terlalu jaga SME saya dengan vendor ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Ayer Hitam sudah tersasul.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tidak apa, saya tersasul, saya mengaku.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kena betul itu istilah itu. Jangan pakai hentam saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak apa Yang Berhormat Jelutong, dia sudah minta maaf. Kita maafkan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, saya sudah kata *victim compensation fund*. Kita orang yang beradab, kita betulkan perkataan itu, tidak ada masalah. Ini tersasul saja, tidak jadi masalah. Akan tetapi kenapa tidak ditubuhkan Jawatankuasa Pilihan, itu soal utama. Itu yang kena jawab. Ini soal pampasan yang dibayar kepada keluarga mangsa, saya rasa itu satu perkara yang perlu dilihat. Saya sekali lagi mengatakan bahawa kita perlu konsisten dalam soal ini.

Kedua, kalau kita keluarkan satu *policy statement*, ianya mestilah serasi dengan tindakan kita. Saya memberi contoh, saya melihat, ini pandangan sayalah, perspektif saya mengenai apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang nombor satu, saya nampak kalau disebut 200 ribu unit rumah akan dibuat. Sebenarnya ianya merupakan kesinambungan daripada projek terdahulu dan ianya bukan sesuatu yang baru dan saya nampak perkataan-perkataan baru telah dimasukkan, reformasi, berkhidmat, tidak apalah. Siapa yang jadi kerajaan, dia boleh letak perkataan ini, tidak ada masalah. Akan tetapi isinya tetap sama, kesinambungan daripada apa yang tidak habis dibuat, itu pertama.

Kedua, apa yang lebih menakjubkan ialah saya melihat dalam soal ini, ada sesuatu perkara yang saya rasa agak pelik kerana tidak ada sebut sekalipun satu perkataan pun tentang integrasi pengangkutan awam. Sebaliknya saya melihat kerajaan khusyuk membincangkan tentang kereta nasional ketiga.

Kalau kita sudah sebut keadaan ekonomi kita begitu gawat sekali, ataupun begitu mencabar, tidak akan lah kita tidak memikirkan soal pengangkutan awam yang lebih murah untuk rakyat Malaysia. Oleh sebab itu saya kata, ini saya masih ingat apa yang Ketua Pembangkang dahulu ataupun apabila ada pihak di sebelah sana jadi pembangkang, dia sering menggunakan perkataan *Mahathirisme*. Saya nampak elemen-elemen itu dihidupkan semula. Oleh sebab itu saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini supaya tengok balik sama ada apa yang mereka ucapkan sebelum ini sudah diserap masuk dalam apa yang telah direncanakan oleh kerajaan sekarang.

Seterusnya saya tidak nampak apa strategi untuk kita memberi respons kepada cabaran terbaru terhadap saingan ataupun peperangan *trade war* antara US dengan China dan kesannya kepada negara-negara ASEAN. Itu perlu dilihat. Kalau kita tidak mengambil kira ini dan kalau dua gajah ini bergaduh, yang mati di tengah-tengah. Kita ini adalah negara-negara yang bergantung kepada pasaran yang begitu luas di dua negara ini.

Jadi saya rasa perlu ada satu strategi untuk memerangi apa yang saya maksudkan tadi, *trade war* dan apa caranya. Itu saya minta supaya ada perincian yang lebih dalam buku yang telah diedarkan kepada kita.

■1610

Ketiga, saya melihat, baik, satu strategi untuk menekankan keberkesanan dari segi penyampaian perkhidmatan awam. Itu saya alu-alukan tetapi yang saya rasa hairan, tidak ada satu pelan konkrit untuk membawa kita dari segi pelaksanaan. Saya bagi contoh IPCMC. Apakah

jangka waktu yang akan digunakan? Apakah *terms of reference* bagi setiap satu? Kita perlu memperhalusnya kerana ia adalah Kajian Separuh Penggal RMKe-11 sudah tentunya kita kena siapkan sebelum tahun 2020.

Seterusnya saya bagi contoh lagi, di dalam ini dia kata, kita hendak memperkasakan ekonomi kaum Bumiputera. Pada waktu yang sama hendak membantu Cina dan India yang berpendapatan rendah. Akan tetapi pertanyaan saya, apa yang dibuat oleh kerajaan tidak sama dengan apa yang mereka tulis dalam buku ini. Saya memberi contoh, kalau kita lihat struktur yang terbaru oleh kerajaan, dahulu ada satu portfolio yang saya jadi Menteri iaitu Sekretariat Pembangunan Usahawan Malaysia.

Saya tahu sejak tahun 2014 oleh kerana ada permintaan daripada masyarakat Cina khususnya dalam SME, kita kerajaan telah membenarkan satu *Secretariat for the Advancement of Malaysian Entrepreneurs* (SAME). Ia berperanan sebagai perantara antara kerajaan dengan swasta dan kita telah berjumpa dengan 50,000 pengusaha SME. Begitu baik sekali kerajaan telah melantik seorang CEO dengan kakitangan 10 orang. Ini juga membantu – kita ada kerjasama dengan badan-badan seperti JAKIM dan sebagainya. Bagi mereka yang hendak menceburi dalam bidang halal, tidak ada masalah.

Akan tetapi saya tergamam apabila Timbalan Menteri daripada Lumut dia kata, itu satu usaha yang baik. Kalau saya rasa, anggapan saya sepatutnya diteruskan tetapi saya difahamkan baru-baru ini, semua komputer telah dikeluarkan dan kakitangan pun sudah dipindahkan ke jabatan lain. Bermaksud dibubarkan SAME. Kalau kita kekalkan TERAJU, tidak ada masalah memperkasakan ekonomi kaum Bumiputera. Kalau kita kekalkan SEDIC untuk India atau SEED untuk India, kenapa tidak boleh SAME untuk SME Cina? Saya tidak nampak logiknya kerajaan kalau kata hendak membantu, di mana perginya badan ini? Jadi saya kena utarakan isu ini supaya kerajaan jangan cakap tidak serupa bikin.

Satu perkara lagi, mereka sering mengatakan dalam tiga tahun mereka akan membuat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan, Yang Berhormat. Peraturan, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey. Sila Yang Berhormat Jelutong bacakan peraturan mesyuarat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan 36(6). "*Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli lain*". [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, tolong berikan penjelasan manakah sangkaan jahat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan Yang Berhormat Ayer Hitam mengatakan seolah-olah Kerajaan Pakatan Harapan meminggirkan orang Cina. Itu tidak benar, itu merupakan tuduhan. Kenyataan Yang Berhormat tadi, bertanyakan kalau sesuatu perkara boleh dikekalkan untuk orang-orang India, mengapa tidak ia dibuat untuk orang-orang Cina. Itu seolah-olah sangkaan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti, nanti. Yang Berhormat Ayer Hitam ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak boleh mengeluarkan kenyataan begitu. Ia merupakan tuduhan serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong. Di depan saya ada seorang Ahli membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36(6). Saya bacakan, "*Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli yang lain*". Saya tadi meneliti Yang Berhormat Ayer Hitam, dia ada melemparkan tuduhan terhadap kerajaan tetapi bukan terhadap siapa-siapa Ahli yang lain. Maka saya minta Yang Berhormat Ayer Hitam teruskan ucapan. *[Dewan riuh] [Tepuk]*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang cukup arif. Saya puji kerana satu keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Dalam Dewan sudah empat penggal, takkan kita sebut sesuatu yang berlainan dengan kerajaan secara konstruktif, itu pun tidak boleh. Saya anggap ini bukan satu teladan yang patut ditunjukkan oleh wakil kerajaan. Ya, saya akan teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Bolehkah saya minta penjelasan sedikit?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya teruskan, saya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Ayer Hitam, kita beri peluang kepada Yang Berhormat Jelutong untuk jelaskan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tiga minit sudah di ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti saya bagi satu minit ekstra.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mengkaji semula keputusan itu kerana kenyataan Yang Berhormat Ayer Hitam adalah seolah-olah mengatakan Kerajaan Pakatan Harapan meminggirkan orang-orang Cina. So, saya rasa kenyataan itu adalah tidak betul dan memang mempunyai niat. Kalau perkara itu disiarkan dalam surat khabar esok, yang saya rasa itu adalah tujuan Yang Berhormat Ayer Hitam, untuk membuat kenyataan-kenyataan yang berbau fitnah terhadap Kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sebelum Yang Berhormat Ayer Hitam menjawab, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong bertanya dengan penuh beradab, berbudi bahasa. *[Tepuk]* Memang yang baik kita puji, yang buruk kita tegur.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia sudah insaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Hari ini dia tanya dengan baik. Sebenarnya, tidak apa. Nanti semasa penggulungan, Menteri-menteri berhak dan mempunyai

ruang dan peluang yang cukup banyak untuk menjawab segala tohmahan kah, fitnah kah, itu penggulungan dia akan jawab. Sila, Yang Berhormat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa sebagai wakil rakyat, kita mesti membezakan antara individu dengan kerajaan. Kalau kita sebut kerajaan, ia bukan berseorangan, ia adalah satu institusi. Kalau itu pun tidak faham, tidak tahu saya apa yang boleh saya buat lagilah.

Seterusnya saya hendak kata, mereka kata *local election*. Mereka hendak buat satu pemilihan di peringkat pihak berkuasa tempatan tetapi dalam dokumen ini, sudah tiga tahun khusyuk mereka kata dalam tiga tahun, mereka akan buat satu pemilihan tetapi tidak sebut pun. Jadi, apa sudah jadi kalau kata tiga tahun ini hendak buat pemilihan pihak berkuasa tempatan. Bukankah itu satu impian bersama? Kalau tidak, kenapa sebut secara jawapan lisan, bertulis di sini? Jadi saya rasa itu juga membantu sistem penyampaian awam. Itu yang disebutkan oleh pihak sana ketika menjadi pembangkang.

Seterusnya, saya ingin sampaikan beberapa perkara lagi. Pertama, saya melihat kalau dahulunya kita menyasarkan RMKe-11 menjelang 2020, ia hampir disifarkan dari segi defisit fiskal. Akan tetapi nampaknya, kalau dahulu 0.6 peratus daripada GDP dan sekarang, satu angka baru ialah tiga peratus. Kalaulah projek-projek besar seperti HSR dan lain-lain *mega project* dibatalkan, sepatutnya kita kurangkan defisit fiskal, bukan kita naikkan. Jadi saya minta penjelasan kepada kerajaan, apa sudah jadi?

Kedua, saya hendak maklumkan kepada pihak kerajaan, juga disebutkan dalam buku ini dengan jelas dia kata akan diberi turunkan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri. Sedarkah Yang Berhormat, cuma Jabatan Kastam dan LHDN yang kutip cukai? Dari mana sumber itu, bagaimana ia diturunkan kepada negeri-negeri khususnya negeri-negeri yang ditadbirkan oleh pembangkang? Jadi macam-macam perincian yang diperlukan oleh kita sebelum kita boleh menganggap itu suatu dasar yang baik.

Seterusnya, beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan di sini, pertamanya, tentang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pertama, agenda untuk memperkukuhkan pencegahan rasuah dilihat termasuk dalam janji-janji dalam Buku Harapan. SPRM akan bertanggungjawab secara penuh kepada Parlimen, SPRM akan direformasi, Akta Perlindungan Saksi 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 akan ditambah baik. Itu satu langkah yang baik.

Akan tetapi saya hendak bertanya, apa sudah jadi kalau dahulunya kita sebut kita ada Menteri Belia dan Sukan kata dia sokong. Sepatutnya pada hari mengejut, hari terkejut pada 3 September, ramai Menteri kata, sepatutnya SPRM ada unit pendakwaannya sendiri. Bukannya diserahkan secara bulat-bulat kepada Jabatan Peguam Negara atau Peguam Negara kerana mengikut *Federal Constitution* 145(3), itu kuasa cuma seorang sahaja Peguam Negara. Kalau kita tidak pinda itu, kita tidak boleh bagi kuasa kepada orang lain untuk melakukan itu.

Pada waktu yang sama, SPRM berkata dia hairan. Dia tidak tahu yang kes ini akan digugurkan. Jadi apabila berlakunya perkara sebegini, ada dalam kalangan wakil kerajaan pun

menganggap, itu cara yang baik untuk kita wujudkan kuasa pendakwaan kepada SPRM. Ia sepatutnya dilakukan sebegini. Kalau tidak, kes-kes seperti melibatkan Ahli Parlimen Bagan itu akan tetap dipertikaikan, Yang Berhormat.

Seterusnya galakan proses bidaan tender terbuka. Saya hendak bertanya, kalau di Pulau Pinang dahulu, kita sentiasa kata, *Request for Proposal (RFP)*, ia adalah satu sistem tender terbuka. Saya hendak memetik apa yang dilakukan oleh kerajaan, "*Menggalakkan persaingan hebat dan mengurangkan ketirisan dalam perolehan kerajaan. Kerajaan baharu telah melaungkan keutamaan pelaksanaan projek kerajaan atau sektor awam seharusnya melalui proses bidaan secara terbuka*". Namun, dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, nyatakan bahawa pengecualian terhadap rundingan terus akan dikaji semula selaras dengan piawai dan amalan terbaik antarabangsa.

Kata, Koon Yew Yin pengasas Gamuda yang selalu mengkritik kerajaan dahulu. Dia kata, "*Kita kena ikut piawai Bank Dunia*". Itu yang diwujudkan satu dasar garis panduan yang cukup telus".

■1620

Dia kata RFP itu bukan satu tender terbuka. Saya ingin bertanya, kalau fasal terowong bawah tanah di Pulau Pinang ia dilakukan secara RFP? Kalau mengikut takrifan oleh Bank Dunia, menurut Koon Yew Yin ia bukan. Jadi, saya hendak tahu kerajaan baharu pendirian dia apa? RFP itu dasar tender terbuka atau tidak?

Satu lagi, baru-baru ini Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan kepada Kementerian Kewangan untuk wujudkan kod baru iaitu B29 di bawah pendaftaran kontraktor oleh CIDB untuk digunakan. Jadi, maka saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, *direct award government project* masih dikekalkan atau tidak? Sekiranya kita hendak kekalkan, apa dasarnya? Kita buat pendaftaran itu untuk apa? Saya rasa apabila dia buat secara terbuka, tidak payah buat pendaftaran lagi. Saya rasa dalam soal ini, kita boleh fikir balik tidak kira hospital, institusi pendidikan ataupun kesihatan ia tetap sama dan ia perlu penjelasan. Kalau tidak orang akan salah anggap ada sesuatu yang tidak kena.

Satu perkara lagi iaitu dari segi PPP iaitu kuasa pembeli rakyat. Disebutkan dalam buku ini, kita hendak mempertingkatkan kuasa beli rakyat (PPP)— baik. Akan tetapi, saya hendak tanya apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan kata pada 10 Oktober dalam Dewan Rakyat ini, dia kata beliau tidak pernah janji yang harga akan turun selepas pelaksanaan SST. Akan tetapi, ada bukti sudah ada secara berleluasa bukti itu telah di-*vira*-kan. Jadi, saya hendak bertanya. Dalam soalan ini, apabila kita sebut kalau harga barang tidak turun buat apa kita tukar sistem itu?

Itu pertanyaan oleh rakyat bukan kita sekarang. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan apabila berlakunya – kita kata aktiviti pencatutan, apakah tindakan oleh KPDNKK? Pihak berkuasa tidak boleh tunggu aduan baru kita buat. Kita kena lakukan sesuatu.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Maaf, sedikit. Minta laluan sedikit.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ya.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya hendak beri perhatian pada soal kegagalan GST kepada SST menyebabkan kerajaan hilang pendapatan. Apa komen Yang Berhormat soal cadangan kerajaan baharu untuk menguatkuasakan akta percukaian baharu pula yang dilihat sebagai menterjemahkan kegagalan sistem tersebut.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan masuk *chapter* itu sekejap lagi. Dua minit lagi hendak sampai.

Saya hendak kata, usaha hendak menganjukkan kumpulan bawah B40 dengan konsep "*leave no one behind*". Di mana yang peliknya saya tengok, dia punya panduan untuk garis kemiskinan PGK masih kekal pada RM960 bagi Semenanjung, RM1,180 bagi Sabah dan RM1,020 untuk Sarawak. Kalaulah kita lihat secara relatif ia sepatutnya dianjukkan. Oleh sebab apa, kita semak balik satu laporan yang dibuat oleh Khazanah Research Institute, "*A Guide on Starting Wages: 160 Selected Skills Jobs*" oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2016. Kita hendak tengok juga Bank Negara ada menerbitkan "*Living Wages Kuala Lumpur*" berapa harga dia. Sejumlah RM4,000 lebih untuk mereka yang mempunyai isteri. Isi rumah kena RM4,700. Kalau ada dua orang anak RM6,700. Bukankah ini jauh daripada realiti? Kita kena tengok balik macam mana kita hendak kata hendak mempertingkatkan PPP untuk rakyat.

Seterusnya, saya ingin membicarakan banyak lagi perkara termasuklah seperti mana yang saya katakan yang pertama tentang cukai ini. Saya hendak sebut, terselit dalam ucapan ini kata mereka akan perkenalkan banyak jenis cukai. Sering kedengaran *inheritance tax* akan diperkenalkan. *capital gains tax* akan diperkenalkan, sebab apa? Dalam bajet alternatif Pakatan Rakyat dahulu sudah ada, dua ini memang popular. Ketiga, *wealth tax* telah disebut-sebut akan diperkenalkan dan ini adalah sesuatu yang memang rakyat tunggu. Kalau ia dibuat, saya rasa ia akan mendapat satu respons yang tidak baik daripada rakyat.

Saya ingin memaklumkan kepada kerajaan, jangan kita memperkenalkan cukai yang bukan-bukan. *cola tax*, *soda tax*, *inheritance tax*, *capital gains tax* atau *wealth tax*. Ini akan membebankan rakyat dan menguruskan kewangan dengan baik. Bukan dengan mengenalkan lebih banyak lagi sistem percukaian yang membebankan rakyat akhirnya. Ini yang pertama.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Seterusnya. Seterusnya, saya ada menyebut... *[Disampuk]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak berani bagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat Jelutong minta penjelasan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: ...Tentang perang ekonomi US dengan China. Dalam konteks ini... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Adakah Yang Berhormat hendak bagi?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, berani bagi?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: ...Hubungan Malaysia dengan China. Sekejap duduk. Ada masa saya bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pengurusan kewangan yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Dia tidak mahu bagi. Sila duduk.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tiga minit. Kamu sudah bazirkan waktu saya semasa... [Disampuk]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Barisan mempunyai kewangan yang baik? Pengurusan yang baik?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Duduk, duduk, duduk. *Lesson number one*, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berani bagi Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak apa Yang Berhormat Jelutong. Sabar dahulu.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Okey. Pembangunan SME perlu satu haluan yang jelas. Saya tidak nampak dalam ini selain daripada sebut kita hendak memacu SME. Akan tetapi, tidak ada pelan tindakan. Macam mana kita hendak buat? Oleh sebab itu, saya kata kita kena memberi panduan pada rakyat, pada saudagar kita, macam mana kita melihat peluang yang ada dalam perang ekonomi antara US dengan China. Kesannya kepada ASEAN. Apa yang perlu kita lakukan hubungan Malaysia dengan China terkini? Kalau sebelum ini, rekod kita USD100 bilion setahun. Apakah kesannya?

Saya pernah sebut dalam Dewan ini empat perkara. Pertama apa? Sarang burung Walid. Kedua, apa? Kelapa sawit. Ketiga, apa? Musang King durian. Keempat, pelancong. Keempat-empat ini telah menunjukkan satu pertumbuhan yang agak tidak menggalakkan. Saya serah pada kerajaan, apa tindakan yang patut kita lakukan. Bukan sahaja, kita hendak nafikan ini. Jadi, mesti ada tindakan secara konkrit untuk selesai masalah ini.

Kedua, kita hendak menghidupkan semula SME. Apa yang saya rasa hairan, kenapa dasar pekerja asing ini disebut mereka akan buat *overhaul* dan sebagainya. Akan tetapi, saya melihat levi 10,000 dikenakan ke atas mereka yang lebih daripada 10 tahun walaupun begitu banyak rayuan telah dibuat oleh majikan tetapi tidak didengar. Walaupun *flip flop* satu hari tetapi selepas itu macam marah dengan majikan terus dibatalkan. Saya merayu kepada kerajaan, SME ini perlukan perhatian daripada kita.

Dalam keadaan kemelesetan ekonomi, kita perlu bantu SME. Jadi, baik juga kita melihat cara yang lebih fleksibel. Kalau untuk sektor yang tidak ada pekerja tempatan hendak bekerja, kita serahkan kepada pekerja asing dan kita hendak pastikan *survivor* bagi mereka yang khususnya dalam bidang *manufacturing* perabot. Di Muar, 800 majikan kilang besar minta tolong kerajaan walaupun sudah menang kawasan-kawasan semua di Muar tetapi tetap tidak mahu mendengar apa yang telah diucapkan oleh pihak saudagar ataupun SME di sana.

Jadi, saya rasa perkara ini perlu dilihat. Kalau hendak pun tidaklah setiap tahun RM10,000. Di mana yang mereka bayar sekarang ini RM1,850. Naik sedikit mungkin ada logiknya. Akan tetapi, sampai RM10,000 siapa akan bayar? Pekerja asing akan keluar. Takkan mereka hendak keluar setiap bulan RM666 untuk tiga tahun. Mereka tidak akan dibayar. Mereka tidak sanggup bayar. Akhirnya, majikan kena tanggung dan kos pengeluaran akan menjadi tinggi dan ini juga menjejaskan *survivor* bagi SME di sana.

Banyak lagi perkara saya lihat kalau kata pembangunan Kampung Baru. Eh, baca balik. Dahulu, macam-macam apa Bajet Alternatif oleh Pakatan Harapan. Dia kata apa? Kita hendak bagi setiap Kampung Baru kita bagi RM100 ribu, RM60 juta, RM70 juta tuan-tuan. Apa yang berlaku Yang Berhormat? Apa sudah jadi sejak saya tidak jadi Yang Berhormat Menteri ini, pembangunan Kampung Baru semua tidak bagi duit lagi. Itu jadi masalah. Saya rasa dalam soal ini kena teruskan. Oleh sebab sejak tahun 1951, semasa darurat, 613 buah Kampung Baru termasuk Kampung Bagan dan kampung rangkaian mereka telah dijaga oleh kerajaan. Minta tolonglah kerajaan jangan abaikan mereka.

Satu perkara lagi, saya hendak sebut untuk umat Islam di kawasan saya. Saya rasa sedih. Walaupun saya bukan orang Islam, macam mana projek pembinaan dua buah masjid di Kampung Parit Awang dan juga Kampung Parit Haji Ali di kawasan saya diluluskan oleh kerajaan, oleh ICU tetapi terus tidak dibuat. Saya rasa berdosa bagi sesiapa yang buat perkara ini. Oleh sebab apa? Masjid ini untuk umat Islam. Saya pun rasa terpanggil untuk sampaikan, tolonglah. Kalaulah disebabkan hendak menghukum Barisan Nasional menang di kawasan Ayer Hitam, jangan sampai kita— apa kata orang, memangsakan pengundi kita. Itu tidak baik. Berdosa tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat Ayer Hitam.

■1630

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Satu lagi perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Ayer Hitam, jangan tergesa-gesa. Saya baru membina masjid yang baharu di kawasan saya.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Itu sebab kamu dalam kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak ada dosa.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sebab itu, ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua akan dapat pahala dan akhirnya saya mempertahankan orang kita – saya dengan izin Tuhan – saya tidak berani pakai *insya-Allah* – saya dengan izin Tuhan saya mungkin dapat pahala juga.

Akan tetapi kita orang Malaysia, kita memperjuangkan untuk tidak kira agama. Saya walaupun bukan Islam, saya tetap rasa terpanggil untuk memperjuangkan pembinaan dua buah masjid di kawasan saya. [Tepuk]

Dewan yang mulia ini, saya cuma hendak kata, kalau sudah kata kita ini tidak ada duit, tidak akan kita hendak hidupkan semula jambatan bengkok? Menggantikan Tambak Johor – tidak

kena. Satu lagi, kereta nasional ketiga. Semua kita dengar pandangan – semua kata jangan buat. Akan tetapi kita tetap hendak buat. Tanyalah Profesor Jomo yang dijadikan salah seorang daripada komiti lima orang itu, veteran kita. Apa sudah jadi?

Saya mintalah kerajaan, tolong kali ini kita kena buat satu dasar yang cukup pragmatik demi masa depan anak cucu kita. Kita jangan membazir. Jambatan bengkok ini dahulu Yang Berhormat Iskandar Puteri macam-macam dia maki-hamun, kutuk. Akan tetapi hari ini diam terus. Tidak berani cakap apa-apa. Saya masih baca *blog* dia sampai hari ini, saya hampir pengsan. Dia tidak berani mengulangi apa yang dia pernah ucapkan. Oleh sebab itu, saya nampak ada sesuatu yang tidak kena...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Bila sudah tukar tempat tidak berani untuk berucap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cabar, Jelutong cabar boleh bagi peluang untuk saya bahas? Berani bagi?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya berharap kerajaan mengambil pengajaran...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong hendak bahas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan buat tuduhan terhadap pihak-pihak yang tidak ada di Dewan. Kalau berani berucap ketika Yang Berhormat Iskandar Puteri ada.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri kah? Kalau bukan Menteri, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau berani, buat tuduhan itu ketika Yang Berhormat Iskandar Puteri ada.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, sebelum berucap sila minta kebenaran.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sebagai kesimpulan, saya berharap...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Ayer Hitam, masa memang sudah tamat. Akan tetapi bak kata pepatah Melayu, "Lembu pegang kepada tali, manusia pegang kepada janji". Saya sudah janji hendak beri satu minit tambahan kepada Yang Berhormat. Sila, satu minit lagi.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya tetap dengan janji saya satu minit. Tidak ada masalah kerana kita ini adalah orang yang beramanah, tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Betul kah yang beramanah?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sebagai kesimpulan, saya kalaulah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk di sebelah Barisan Nasional beramanah kah?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Duduk, duduk. Saya, sebagai kesimpulan, Kajian Separuh Penggal ini perlu diteliti – mesti ada perincian. Ini demi manfaat rakyat kita. Yang baik saya tetap akan sokong dan yang tidak baik saya tetap akan tegur dan memantau. Itu tugas saya. Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua yang budiman, inilah janji saya dalam satu minit. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Ayer Hitam. Nampaknya Yang Berhormat Ayer Hitam sudah berjaya dalam proses transformasi menjadi seorang pembangkang yang lantang bersuara. *[Ketawa][Tepuk]* Proses transformasinya cukup berjaya. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Sila.

4.33 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perdebatan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

Kajian Separuh Penggal ini penting khasnya selepas Pilihan Raya Umum 9 Mei 2018 dan peralihan pemerintahan daripada Barisan Nasional ke Pakatan Harapan. Kajian Separuh Penggal merupakan dokumen yang menentukan hala tuju untuk pembangunan dan gerak kerja kerajaan untuk tempoh tahun 2018 sehingga tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa amalan peruntukan *off budget* iaitu pengasingan urusan kewangan di luar bajet dengan skandal-skandal dan salah laku GLC seperti 1MDB, PFI Sdn. Bhd. yang merupakan contoh *off budget* yang tidak dicerminkan dalam bajet. Maka, hutang perbelanjaan, ketirisan keborosan berjumlah berbilion-bilion ringgit ini, maka keadaan ekonomi sebenarnya tidak lah seperti angka yang disebut dalam laporan ekonomi.

Tadi saya mendengar Yang Berhormat Ayer Hitam telah menyebut tentang pelbagai hujah dia. Saya ingin membalas, ECRL – ada tidak tender terbuka? Tidak adapun. Rundingan terus ECRL. Yang Berhormat Ayer Hitam bercakap besar terhadap pengurusan kewangan sedangkan sendiri menjadi Menteri Kabinet skandal 1MDB. Betul tidak, Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul, betul.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Oleh itu, kita – saya dengar tadi hujah-hujah daripada Yang Berhormat Ayer Hitam ini. Akan tetapi tidak betul. Kita perlu reformasi terhadap pengurusan kewangan. Pengurusan kewangan kerajaan sebelum ini banyak berlaku keborosan, ketirisan sehinggakan skandal-skandal besar telah menjadikan kita berhutang besar. Saya fikir, seperti yang saya baca dalam Kajian Separuh Penggal ini, reformasi terhadap tadbir urus ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam ini merupakan tunggak yang pertama dalam Kajian Separuh Penggal. Kajian Separuh Penggal bukan bahasa berbunga-bunga ataupun atas

kertas sahaja. Akan tetapi mesti memberikan impak positif kepada rakyat dalam masa jangka pendek, sederhana dan jangka panjang.

Saya sering mendengar rungutan orang ramai tentang pengurusan pekerja asing dan juga aduan daripada penerima pencen kerajaan. Mereka selalu mengadu kepada saya bahawa urusan-urusan kerajaan untuk pengurusan pekerja dan *pension* hanya boleh dilakukan di Putrajaya. Akan tetapi bukan di cawangan-cawangan di negeri. Dalam era *e-government* ini, sebenarnya orang ramai boleh *access* kepada perkhidmatan kerajaan sama ada atas talian ataupun dekat dengan tempat mereka duduk.

Saya ingin mengesyorkan bahawa perkhidmatan kerajaan sama ada pengurusan pekerja asing ataupun hal ehwal penerima *pension* boleh diselesaikan di peringkat cawangan jabatan masing-masing di negeri dan orang ramai tidak perlu datang jauh ke Putrajaya untuk berurusan dengan jabatan ataupun kementerian berkenaan.

Ini adalah sejajar dengan usaha memperkukuhkan penyampaian awam kepada orang ramai. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya telah menanyakan satu soalan berkenaan dengan berikutan pengumuman kerajaan pada Julai 2018 bahawa sembilan agensi menjadi badan bebas melapor langsung kepada Parlimen. Saya menanyakan apakah struktur pemantauan peringkat Parlimen yang dicadangkan untuk mengurus, mentadbir dan memantau sembilan agensi ini antara lainnya SPRM, Suruhanjaya Pilihan Raya dan sebagainya?

Jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat Batu Sapi bahawa kerajaan sedang mengkaji cadangan ini dan perlu mendapatkan pandangan pihak Parlimen dan menentukan kaedah serta mekanisme pelaksanaan mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuasa.

Nampaknya walaupun kita menyatakan bahawa sembilan agensi lapor terus kepada Parlimen tetapi tiada struktur pemantauan. Saya mencadangkan supaya struktur pemantauan ini dijalankan dengan pelantikan sembilan jawatankuasa pemilih yang setiap satunya memantau satu agensi seperti yang disebut sebagai melaporkan terus kepada Parlimen. Kalau tiada struktur pemantauan tersebut, maka pengumuman bahawa mereka melaporkan kepada Parlimen sebenarnya hanyalah igauan kosong. Saya meminta Yang Berhormat Batu Sapi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji cadangan saya iaitu sembilan jawatankuasa ditubuhkan.

Walau bagaimanapun saya juga terus turut mengalu-alukan beberapa projek yang disebut dalam Kajian Separuh Penggal untuk wilayah utara serta negeri Pulau Pinang antara lainnya Pusat Kanser Wilayah Utara yang akan dibina sebagai pelengkap kepada Institut Kanser Negara. Walaupun belum disebut di negeri mana, akan tetapi sedang dirancang Pusat Kanser Wilayah Utara. Bolehkah kita dapatkan maklumat lanjut tentang Pusat Kanser Wilayah Utara?

Saya juga mengalu-alukan cadangan pembesaran dan penambahbaikan kemudahan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang sebenarnya *long overdue*. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang sesak, yang kapasitinya sudah penuh dan sekarang dalam semakan Kajian Separuh Penggal telah dinyatakan secara jelas bahawa akan

menambahbaikkan kemudahan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Saya harap perkara ini dapat dijalankan dengan eloknya dalam beberapa tahun ini.

Saya juga mengalu-alukan projek Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pinang sebab dipilih sebagai *selected high impact projects* untuk tahun 2018 dan tahun 2020. Ini akan membantu mengurangkan risiko banjir di kawasan Sungai Air Putih, Sungai Ayer Itam, Sungai Air Terjun, di kawasan Jelutong, di kawasan Bukit Bendera dan di bahagian Pulau Pinang.

■1640

Saya juga ingin mencadangkan *digital free trade zone* yang di Klang Valley yang disebut dalam kajian separuh penggal ini dipanjangkan ke Pulau Pinang. Perancangan kajian separuh penggal hanya *digital free trade zone* di Klang Valley sahaja tetapi saya rasa di Pulau Pinang mempunyai potensi kerana di Pulau Pinang adalah *silicon valley of the east*, mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai *digital free trade zone* juga.

Saya mengambil maklum terdapat projek penambahbaikan di Kuala Lumpur *Air Traffic Control System*. Saya hendak mengingatkan Menteri Pengangkutan bahawa keselamatan penerbangan *aviation safety* merupakan satu isu yang amat penting dalam era sekarang di mana *everybody can fly*. Kelemahan-kelemahan dari segi *DCA air traffic control system*, komunikasi antara *air traffic controller* tentera dengan *civil* antara TUDM dengan DCA perlu diatasi dan kita perlu mengambil iktibar dari nahas MH370 di mana laporan keselamatan telah membongkar beberapa kelemahan dari segi *air traffic control* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan bab informasi pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya alu-alukan infrastruktur digital dalam dipertingkatkan untuk memperluas liputan dan menambah baik jalur lebar melalui pembinaan 300 menara telekomunikasi baru dan menaik taraf 1,000 menara telekomunikasi sedia ada. Saya ingin meminta Menteri untuk melihat semula kepada pelan *high speed internet excess* kepada sekolah-sekolah kita. Saya ingin menjemput Menteri Komunikasi dan Multimedia bersama dengan Menteri Pendidikan untuk melihat kepada pelan *high speed internet excess* sekolah-sekolah ini.

Saya baru-baru ini terima permohonan dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Perempuan Cina Pulau Pinang di kawasan saya untuk memohon perkhidmatan internet gentian optik di kawasan sekolah. Pihak sekolah memaklumkan bahawa UniFi servis belum sampai ke sekolah. Ia penting untuk peralatan ICT demi program pembelajaran abad ke-21. Sekolah SMJK Perempuan Cina Pulau Pinang merupakan sekolah kluster kecemerlangan. Saya minta Menteri Komunikasi dan Multimedia bekerjasama dengan Menteri Pendidikan untuk merealisasikan pelan, untuk membekalkan perkhidmatan *fiber optic internet high speed* kepada sekolah-sekolah cemerlang di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan *chapter* Revolusi Industri 4.0 berkenaan dengan *chapter* seperti robotik, automasi dan sebagainya. Ini merupakan trend akan datang dan perlu juga undang-undang perburuhan ataupun latihan perlu diberikan kepada *workforce* kita kerana Revolusi Industri 4.0 bakal akan menyebabkan *disruption* dari segi tawaran dan juga

permintaan pekerjaan. Tenaga kerja perlu ditransformasi, perlu diberi latihan semula. Oleh itu saya rasa *chapter* ini amat penting.

Harap Menteri Pendidikan dan juga Menteri Tenaga Manusia memberikan penekanan yang secukupnya kerana apabila berlakunya perubahan corak kerja, maka *skills set* yang lama perlu dilatih semula. Kita ingin melihat supaya pekerja-pekerja kita diberi latihan yang secukupnya supaya mereka dapat berhadapan dengan *Industrial Revolution 4.0*. Ini kerana sekiranya tidak, mereka tidak bersedia berhadapan dengan revolusi ini maka mereka akan tertinggal, mereka akan ketinggalan, mereka akan menyebabkan upah ataupun gaji mereka menjadi rendah. Saya rasa ini perlu diberikan *emphasis* yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan bab tentang *disaster recovery*. Malaysia telah membuat ratifikasi terhadap *Sendai Framework for Disaster Risk Reduction (2015-2030)* sebagai satu panduan strategik untuk pengurusan bencana. Saya minta Majlis Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Peringkat Negeri, Majlis Keselamatan Peringkat Daerah perlu digerakkan tentang kerja-kerja pengurusan bencana. Ini adalah penting kerana untuk mengurangkan risiko bencana. Bencana akan melanda dalam pelbagai bentuk. Sebelum ini ada berlaku tsunami, banjir besar dan sebagainya. Saya rasa juga Angkatan Pertahanan Awam perlu dipertingkatkan. Angkatan Pertahanan Awam sebelum ini belum begitu menonjol dalam tugas mereka. Harap boleh dipertingkatkan kerja-kerja mereka.

Saya juga ingin menarik perhatian dewan ini bahawa semua agensi kerajaan bukan sahaja Majlis Keselamatan Negara ataupun Angkatan Pertahanan Awam perlu digerakkan tentang bencana. Bencana juga melanda dalam pelbagai bentuk. Baru-baru ini bulan September, kita ambil maklum bahawa satu kebakaran besar telah berlaku di *national museum* di Rio de Janeiro, Brazil yang menghancurkan khazanah arkib dalam sebuah muzium nasional berumur 200 tahun untuk Amerika Selatan. Ini juga merupakan satu *chapter* hitam dalam sejarah tamadun di Amerika Selatan.

Kita juga terbaca sebuah galeri di Muzium Tentera Darat terbesar di Malaysia iaitu Muzium Tentera Darat di Port Dickson Negeri Sembilan juga terbakar. Saya minta Menteri Kebudayaan, apabila kita kata *disaster risk reduction*, Menteri Kebudayaan juga perlu menjaga khazanah kebudayaan sama ada muzium, galeri seni, arkib nasional dan perpustakaan penting hendaklah dijaga dan diamalkan strategi *disaster risk reduction*. Saya minta Menteri Kebudayaan untuk mengambil inisiatif serius dalam perkara ini dan mengambil satu usaha dan inisiatif nasional untuk menjaga khazanah kebudayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam ucapan dalam kajian separuh penggal ini, banyak isu yang telah dibangkitkan dan terdapat beberapa yang telah digariskan banyak juga akta-akta Parlimen, reformasi tentang undang-undang telah diutarakan. Antaranya ialah Akta Perkhidmatan Parlimen akan dikuatkuasakan semula. Begitu juga berkenaan dengan had umur undi akan diturunkan pada 18 tahun, undang-undang berkaitan pembiayaan politik akan diperkenal, Akta Perlindungan Saksi, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, Akta SPRM dan

juga Akta Prosedur Kewangan dan banyak juga undang-undang perburuhan (*labor law*) yang akan dicadangkan untuk perubahan.

Saya minta supaya perkara-perkara terhadap reformasi ataupun perubahan undang-undang ini perlu. Setelah digariskan secara jelas dalam semakan kajian separuh penggal hendaklah juga berkongsi dengan para wakil rakyat dan Ahli Parlimen supaya kita boleh memberikan input kita secara bernas kepada perubahan-perubahan ini. Amalan sebelum ini rang undang-undang hanya atas meja Ahli Parlimen satu dua hari sebelum dibentangkan di Dewan.

Saya harap kerajaan baru dengan semangat baru dengan cara baru kalau ada perubahan undang-undang dan kandungannya boleh juga kita diberikan notis yang awal sehinggakan kalau ada undang-undang yang perlu memberikan rombakan yang besar, perlu juga ditubuhkan *select committee* supaya input-input bukan sahaja dari Ahli Parlimen tetapi orang ramai dari seluruh negara boleh juga kita dapatkan input dan pandangan khasnya tentang isu-isu sensitif. Khasnya tentang isu-isu yang mungkin berbelah bahagi yang menimbulkan kontroversi. Saya harap kalau dari segi reformasi terhadap undang-undang ini perkara ini haruslah diberikan perhatian.

■1650

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta laluan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat Bukit Bendera bersetuju bahawa walaupun kita mengadakan transformasi-transformasi begini, transformasi-transformasi ini tidak bermakna dan tidak berguna sekiranya kita sebagai ahli-ahli politik sering kali memainkan isu-isu yang boleh mencetuskan kontroversi, sering kali memainkan isu-isu perkauman yang boleh mencetuskan masalah di antara kaum?

Di sini setujukah, Yang Berhormat, kalau kita lihat Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana, terutamanya seperti Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Pasir Salak, tiap kali mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang berunsur perkauman? Saya lihat inilah apa yang dilakukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili khususnya Parti UMNO, setiap kali memainkan isu perkauman yang boleh memecahbelahkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam kita ingin memupuk perpaduan, mengeratkan perpaduan seperti yang dibuat oleh ahli-ahli politik Pakatan Harapan, Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana sering kali memainkan isu-isu yang memecahbelahkan rakyat?

Jadi, walau bagaimanapun transformasi yang kita buat untuk mengeratkan perpaduan di antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, transformasi ini tidak akan berjaya kalau minda dan fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli-ahli Yang Berhormat daripada UMNO ini sentiasa memainkan isu-isu perkauman di Malaysia yang tercinta yang mana ia boleh memecahbelahkan perpaduan di antara rakyat Malaysia. Setuju atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, transformasi atau reformasi?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Reformasi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Reformasi. Reformasi ini adalah menyeluruh. Reformasi

daripada pemikiran rakyat Malaysia yang berbilang kaum, reformasi untuk mengeratkan perpaduan.

Akan tetapi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we take ten steps forward and 50 steps backwards* setiap kali. Semuanya disebabkan oleh UMNO dan Barisan Nasional yang memainkan isu perkauman. Tiap-tiap kali. Umpamanya seperti Perhimpunan Melayu Bangkit. Kita lihat Yang Berhormat Pasir Salak membuat kenyataan-kenyataan yang berunsur perkauman. Kita lihat Yang Berhormat Bera, membuat kenyataan-kenyataan yang berunsur perkauman. Mengapakah UMNO sentiasa memainkan isu perkauman? Walaupun telah tersungkur dalam pilihan raya, masih lagi memainkan isu perkauman di Malaysia sekarang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera. Sila teruskan perbahasan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, terima kasih di atas input Yang Berhormat Jelutong. Saya rasa walaupun mereka kalah di dalam pilihan raya, telah menjadi pembangkang, itulah satu-satunya modal yang mereka masih pegang, yang mereka masih ada.

Untuk Kerajaan Persekutuan, saya minta supaya penekanan secukupnya perlu diberikan kepada beberapa— seperti dalam poin 78 iaitu mempercepatkan inovasi penggunaan teknologi revolusi perindustrian keempat khususnya yang berkaitan dengan bioteknologi, nano teknologi, teknologi digital, teknologi hijau, teknologi neuro yang akan melonjakkan kemajuan sains, teknologi dan inovasi.

Saya rasa di peringkat sekolah iaitu sekolah menengah dan juga universiti, kita perlu memberikan satu input dengan perubahan kurikulum dan juga kokurikulum menjurus supaya menyiapkan pelajar-pelajar kita kepada era baharu. Saya rasa kajian separuh penggal ini tepat pada masanya yang membolehkan kita memberikan renungan tentang apa yang dicapai sebelum ini dan apa yang kita sasarkan pada masa hadapan.

Oleh itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Bendera. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kubang Kerian untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Sila.

4.54 ptg.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan laluan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 pada petang ini.

Pertama sekali, saya ingin menarik perhatian kita semua bahawa dalam keghairahan kita membicarakan faktor ekonomi dalam meneliti sesuatu pencapaian dalam suatu rancangan yang telah kita susun, kita jangan lupa bahawa manusia merupakan makhluk Tuhan yang mempunyai dua unsur yang besar iaitu unsur *jasaddiyah* dan unsur spiritual atau unsur kerohanian.

Unsur jasad, kita boleh bicarakan soal bagaimana untuk memuaskan dan memberikan kesempurnaan kepada keperluan manusia. Pelbagai program yang disusun, dijana dan dibahas akan diharapkan membuahkan sesuatu yang bermanfaat kepada negara, *insya-Allah*.

Namun, apa yang penting juga untuk kita lihat ialah sejauh mana tumpuan dapat diberikan dalam pembinaan elemen-elemen kerohanian. Ini kerana elemen inilah yang merupakan asas utama. Kalau kita lihat dalam hadis Nabi SAW, Baginda bersabda tentang wujudnya suatu elemen dalam tubuh manusia itu yang menentukan nilai jasad... *[Membaca sepotong Hadis] "Ingatlah dalam tubuh manusia ada seketul daging. Baiknya, maka baiklah seluruh tubuhnya dan rosaknya, akan rosaklah seluruhnya"*.

Dalam proses kita membina elemen tersebut, maka kita mesti memberikan perhatian bagi mengangkat martabat nilai-nilai kemanusiaan dan memberikan bantuan bagi menjana pembinaan nilai-nilai tersebut. Elemen spiritual ini dapat dilihat apabila tadi kita dimaklumkan tentang kadar anak luar nikah yang lahir di Malaysia dan purata wanita berumur 18 tahun ke bawah yang mengandung tanpa suami puratanya 4,000 orang setahun. Ini satu jumlah yang sangat membimbangkan kita. Itu yang berumur 18 tahun ke bawah. Tidak mengambil kira lagi faktor yang berumur 18 tahun ke atas yang tidak berkahwin.

Soal yang penting ialah bagaimana kerajaan perlu memperkasakan nilai-nilai spiritual, memberikan bantuan kepada institusi pendidikan termasuk juga maahad tahfiz atau sekolah agama dan sebagainya bagi membina sebuah masyarakat yang harmoni. Ia merupakan satu sumbangan besar bagi masyarakat kita.

Dalam soal ini, saya ingin menarik perhatian kerajaan supaya menyediakan peruntukan. Kita lihat ribuan sekolah-sekolah tahfiz dibina hasil usaha sendiri. Mereka mencari dana sendiri, mereka kumpul sendiri, mereka berusaha sendiri. Pada waktu yang sama, kita menyedari terdapat pelbagai kelemahan yang ada seumpamanya soal keselamatan.

Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Dalam menangani masalah masyarakat, pada pandangan saya, haruslah kita menanganinya secara menyeluruh. Ini kerana kerohanian, minda, emosi dan keperluan fizikal ada bersangkut paut antara satu dengan yang lain. Jadi, kadang-kadang moral kita terjejas kerana terdesak dengan keperluan wang dan isu-isu yang lain. Jadi, mungkin adalah tidak betul kalau pendekatan kita hanyalah dari segi rohani sahaja dan terlupa tentang keperluan minda, emosi dan keperluan fizikal. Adakah Yang Berhormat Kubang Kerian setuju dengan saya, kalau kita dapat menanganinya secara menyeluruh keempat-empat elemen keperluan seorang manusia?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, terima kasih. Saya bersetuju dan boleh dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, elemen kedua-dua unsur spiritual dan unsur jasad ini perlu dibangunkan serentak.

Pada waktu yang sama, kita mestilah memberikan perhatian kepada unsur-unsur yang merosakkan dan ia mesti dihalang. Lantaran itu, perkara-perkara yang boleh menimbulkan nilai-nilai yang negatif kepada pembinaan manusia mestilah dihalang atau dicegah. Sebagai contoh, kita menyedari bahawa perlunya kawalan terhadap pusat-pusat hiburan yang melampau. Sebahagian daripada pusat-pusat hiburan ini beberapa kali telah pun ditutup dan diambil tindakan, diserbu dan menemui pelbagai kesalahan tetapi ia tetap berjalan dan kita harapkan kerajaan baharu dapat membuktikan satu perubahan besar ke arah pencegahan nilai-nilai tersebut.

Ini sama juga dengan *Octoberfest*, sebagai contoh, apakah nilai yang kita perlu tanam kepada rakyat?

■1700

Saya fikir semua agama tidak bersetuju membudayakan minuman arak ini, tidak ada agama yang bersetuju dan tidak ada suatu kajian yang menunjukkan ia mendorong kepada kebaikan. Nilai yang tidak sesuai dengan budaya tempatan tidak perlu dipromosikan besar-besaran hingga menjadi suatu fenomena bagi negara kita. Termasuk juga kelab-kelab LGBT yang bukan sahaja perlu dipantau tetapi perlu diambil tindakan secara serius oleh pihak kerajaan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Bukit Bendera hendak minta mencelah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya beri penjelasan sedikit tentang *Octoberfest* yang mana *Octoberfest* dianjurkan juga di Pulau Pinang tetapi oleh *Malaysian-German Society* yang diuruskan oleh ahli-ahli perniagaan berasal dari Jerman.

Ini kerana merupakan seperti juga *Bon Odori*, orang-orang Jepun yang menganjurkan *Bon Odori*, orang-orang Thai menganjurkan *Thai Festival* dan sebagainya. So, oleh itu kalau kita mengkaji dari segi perspektif kebudayaan dan orang-orang Jerman merupakan pelabur yang besar di Malaysia dan juga di juga negeri-negeri tertentu dan ia sama seperti *Thai Festival*. Sekiranya ia adalah satu *international festival* yang boleh seperti anjuran *Malaysian-German Society*, saya rasa ia bukan satu masalah pun. Oleh itu, janganlah membuat satu *sweeping statement* bahawa *Octoberfest* itu merosakkan akhlak dan sebagainya, ia tidak.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih, saya melihat bahawa *Octoberfest* ialah suatu Festival Jerman. Budayanya adalah bukan budaya tempatan yang dibawa masuk. Kita meraikan soal pelaburan tetapi di waktu yang sama kita mesti mengawal akhlak rakyat kita.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kubang Kerian, minta laluan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sebentar, saya jawab dulu. Saya melihat bahawa yang dipromosi di *Octoberfest* ialah minuman arak. Kita tidak menafikan bahawa nilai-nilai baik yang ada perlu diperkasakan ataupun dipertahankan.

Akan tetapi, apa sebenar budaya yang kita hendak tanam pada rakyat kita? Kita bicarakan soal pembangunan Malaysia, rakyat mesti dibina, jiwa manusia mesti dibina, rakyat kita perlu dipupuk kepada nilai-nilai yang murni. Mempromosikan ia sebagai suatu budaya saya fikir suatu benda yang negatif dalam konteks negara kita dan kita tengok bagaimana bantahan bukan sahaja di kalangan orang Islam sebab ia satu budaya yang tidak diterima dalam budaya masyarakat tempatan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dengan izin Yang Berhormat Kubang Kerian. Boleh saya tanya berkenaan dengan isu *Octoberfest* ini? *Octoberfest* ini adalah satu *celebration* yang diadakan di seluruh dunia, bukan sahaja di sini dan ia telah pun dipraktikkan sejak beberapa tahun lalu dan sama ada terdapatnya apa-apa bukti berkenaan dengan kerosakan akhlak dan sebagainya. Adakah ia telah pun mengakibatkan perkara-perkara tertentu yang tidak diinginkan?

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *are there any specific instances that you can outline to show that it has being detrimental such a festival* dan sekiranya *Octoberfest* itu adalah satu perkara yang dibantah. Adakah Yang Berhormat membantah terhadap isu minuman keras ini selain daripada *Octoberfest*? *Are you saying there should be a ban on alcohol consumption across the board in Malaysia?* Adakah ini atau adakah ini hanya tertakluk kepada *Octoberfest*? Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sambung Yang Berhormat Kubang Kerian, tadi selepas saya bagi peluang, sepatutnya giliran saya Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kubang Kerian hendak bagi peluang Yang Berhormat Pendang?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya bagi sikitlah masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pendang sikit, ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan adakah kita panggil pelabur dalam perjanjian untuk melabur di Malaysia, sekali kita bersetuju mereka untuk hendak membuat apa sahaja membawa budaya mereka. Itu yang pertama, itu soalan saya.

Kedua, soalan saya berkenaan dengan status arak. Bila kita sebut arak biasanya akan menimbulkan kekacauan. Bila dia memandu kereta dia melanggar seperti mana berlaku di Johor sehingga berlaku kematian beberapa budak-budak yang sedang naik basikal, yang kita dapati. Jadi, sebab ini kita tidak setuju, bila disebut *fest* ini satu pesta, pesta yang meminum arak. Bila secara ramai di tempat awam ataupun di tempat tertentu akan menimbulkan, bila sudah mabuk dan sebagainya. Bila arak ini mabuklah kecuali yang bertahanlah tapi biasanya akan mabuk. Bila

mereka mabuk, dia akan hilang kewarasannya menyebabkan mereka boleh mengganggu *sexual harassment*, memandu di jalan raya dan sebagainya

Kita dapati di setengah-tengah negara termasuk di England kalau hari Sabtu malam Ahad tidak dibenarkan mereka untuk keluar bersuka ria di waktu malam untuk memandu kereta. Mereka kena naik *public car*...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, ringkaskan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: ...Kerana apa? Ini untuk menghindarkan masalah gejala yang meminum arak ini menimbulkan kesan yang buruk. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebelum Yang Berhormat Kubang Kerian teruskan, Yang Berhormat Pendang hari ini pakai pakaian istiadat menarik perhatian saya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ia boleh dibenarkan. Saya tahu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *I just came back from*— hari ini hari pertabalan. Saya tidak sempat, terus ke Parlimen. Saya minta maaf.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, terima kasih saya minta maaf untuk Yang Berhormat Beruas.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Kubang Kerian, terus.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak minta penjelasan sikit Jelutong, mengenai *Octoberfest*.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tidak apa saya akan jelaskan, saya fikir sudah banyak soal tentang *Octoberfest* sebab isu kita bukan itu, saya sentuh sepintas lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini Rancangan Malaysia Kesebelas. Sila tumpukan kepada Rancangan Malaysia Kesebelas.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Bukan Rancangan Malaysia Kesebelas. Minta semua Ahli Yang Berhormat. Saya hendak melihat kepada persoalan untuk menjelaskan sikit soal sikap kita terhadap minuman alkohol. Islam tidak menyekat orang bukan Islam untuk minum dan itu hak masing-masing, bahkan di Kelantan kita pun masih benar beberapa kedai untuk menjual dalam keadaan yang terkawal tapi yang kita bincangkan ialah mewujudkan, menjadikan ia suatu pesta.

Dengan nilai jiwa masing-masing Ahli Yang Berhormat, kita perlu fikir secara tenang, bukan soal agama, bukan soal bangsa. Ke mana hal tuju rakyat hendak kita bina? Bagaimana akhlak mereka? Bagaimana moral mereka, apakah kita suka kalau anak-anak kita lahir demikian? Kita perlu jujur dalam keadaan ini supaya tidak menjadikan sesuatu budaya yang dianggap negatif oleh sebahagian umum masyarakat sebagai suatu pesta. Itu isunya. Baik saya hendak sambung Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh saya tanya tentang bagaimana penjelasan bagi mengatasi masalah, boleh? Saya hendak kongsi, boleh tidak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan Yang Berhormat, Jelutong hendak minta penjelasan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, terima kasih. Bagi mengatasi saya fikir...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sama ada kita haramkan atau kawal selia lagi efektif. Memang tuntutan agama ini sangat tinggi. Dalam semua agama tuntutan Tuhan ke atas manusia itu adalah *perfection* tetapi manusia ini banyak kelemahan. Saya pun tidak sokong minuman arak berlebihan, saya sendiri pun tidak minum arak.

Akan tetapi, masalahnya kita sebagai penggubal undang-undang, tuntutan agama ini sangat tinggi tapi manusia banyak kelemahan. Jadi, ada kalanya kita haramkan masalah lagi banyak yang timbul. Kita haramkan judi, judi haram lagi banyak berlaku. Kita haramkan arak, ramai curi-curi minum pun banyak kita tahu. Akan tetapi, adakah lebih baik kalau kita kawal selia daripada haramkan kerana manusia ini tidak tahulah, kalau diharamkan lagi dia suka lakukan yang salah. Kalau boleh, dapatkan penjelasan mana cara lebih baik.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kubang Kerian, nanti saya bagi masa lebih sedikit cuma saya – ini menarik perhatian saya. Saya rasa *Octoberfest* dengan pesta arak adalah dua perkara yang berlainan. Saya cuba bacakan sedikit sejarah dengan izin, *“The History of the Oktoberfest. Crown Prince Ludwig, later to become King Ludwig I, was married to Princess Therese of Saxony-Hildburghausen on 12th October 1810. The citizens of Munich were invited to attend the festivities held on the fields in front of the city gates to celebrate the happy royal event”*. Ini adalah sebenarnya satu program Diraja mengikut Raja di Jerman. Akan tetapi apabila diterjemahkan menjadi pesta arak ia membawa maksud yang lain. Ini sedikitlah saya cuba betulkan rekod. Kita teruskan dan fokus kepada Rancangan Malaysia Kesebelas.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, sejarahnya sangat cantik tapi penyelewengan pada sejarah kemudiannya mendukacitakan kita. *[Ketawa][Tepuk]*

Ahli Yang Berhormat semua, apa yang kita bincang ialah kajian terhadap sesuatu perkara reformasi yang ingin kita buat. Perlu juga meneliti kepada beberapa elemen, bukan bermakna bila kita menukar sebuah kerajaan maka semua perkara perlu diberi perhatian dan kita rombak semula.

■1710

Saya fikir bahawa apa-apa sahaja akta yang digubal di Parlimen ini melalui satu perbahasan yang rapi dan teliti yang melibatkan nilai-nilai kewangan dan kos kepada rakyat, pro dan kontra. Berhubung dengan isu ini, sesuatu perkara yang ingin dirobohkan kembali atau balik semula kepada akta yang lama atau membatalkan akta, perlu diteliti. Oleh sebab sesuatu akta atau undang-undang yang digubal bukan hanya melihat kepada undang-undang sahaja tetapi

implikasi kepada keharmonian negara, kerukunan, pembentukan sebuah Malaysia yang kita warisi daripada yang ditinggalkan oleh penjajah.

Sebagai contoh, apabila kita ingin menghapuskan hukum mati mandatori, ia merupakan satu *effect* yang besar. Siapa yang gembira dengan peraturan ini? Apabila kita umum, kita rakyat Malaysia, kerajaan menghapuskan hukum mandatori mati, siapa yang gembira? Bukan mangsa yang gembira tetapi penjenayah yang akan gembira. Sama juga apabila kita menghapuskan Akta Hasutan, apa implikasinya? Oleh sebab itu, setiap perkara saya fikir perlu diteliti dengan rapi supaya kita tidak tergopoh-gapah dalam membuat satu keputusan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan Yang Berhormat, mengenai Akta Hasutan, cuma mengenai Akta Hasutan. Saya hendak minta penjelasan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya, pertamanya di negara Malaysia, sejarah menunjukkan Akta Hasutan ini disalahgunakan oleh Barisan Nasional terhadap pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan, pembangkang sahaja. Apabila kenyataan-kenyataan yang berunsur hasutan dibuat oleh di sebelah sana, terutamanya UMNO, tidak ada sebarang tindakan pernah diambil. Banyak sekali kenyataan-kenyataan...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...semasa perhimpunan agung, selalu dikeluarkan. Tidak ada sebarang tindakan diambil, setuju Yang Berhormat? Oleh sebab itu kita katakan, Akta Hasutan ini disalahgunakan dan kena dimansuhkan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya fikir bukan soal mansuh. Jikalau kita rasa salah guna, kerajaan baharu perlu perbetulkan guna. [*Tepuk*] Bukan menghapus akta tersebut. Jikalau kita rasa kerajaan lama menyalahgunakan akta tersebut, kerajaan baharu mesti membuktikan bahawa kami tidak menyalah guna sebagaimana kerajaan lama. Akan tetapi implikasi penghapusan ini meninggalkan kesan. Oleh sebab negara kita, kita harus faham ada beberapa elemen yang menjadi bom jangka. Isu agama sebagai contoh, isu perkauman.

Isu-isu ini sebenarnya menjadi bom jangka jikalau tidak diurus dengan cermat. Selama 60 tahun kita merdeka dengan pelbagai peristiwa yang kita lalui bersama. Saya fikir perlu akta-akta ini, walaupun kita mengakui ada kelemahan tetapi kita mencari jalan bagaimana mengatasi kelemahan. Saya bimbang jikalau sekiranya kita hapus, ia akan meninggalkan kesan di luar jangkaan kita yang tidak boleh dikawal. Mudah-mudahan tidak sampai ke peringkat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian soal dalam Laporan Kajian Separuh Penggal ini, khususnya berhubung dengan pendemokrasian pilihan raya yang lebih adil. Pertama sekali, politik itu sendiri mesti dilihat sebagai elemen yang positif. Kita tidak mahu lagi dengar satu pandangan di kalangan masyarakat. Apabila cakap orang politik, ialah cakap orang tidak boleh dipercayai. Ini cakap orang politik, maknanya cakap yang tidak boleh dipercayai. Nilai politik kita berada di tahap yang sangat kritikal. Oleh sebab itu, ahli-ahli politik mesti menterjemahkan politik yang jujur, politik yang amanah, politik yang benar-benar bertanggungjawab. Bukan hanya

bertanggungjawab kepada negara, juga bertanggungjawab kepada iman yang kita ada, agama yang kita anuti.

Maka, dalam pendemokrasian pilihan raya yang lebih adil, pemantauan sepanjang kempen pilihan raya, perlu diberi perhatian. Bukan sekadar wujud tetapi tidak mengambil kira terhadap apa yang diberi komen oleh pihak pemantau pilihan raya. Sebagai contoh, kita mengalami dua, tiga siri pilihan raya kecil baru-baru ini. Laporan bersih terhadap beberapa pelanggaran, penyalahgunaan kemudahan awam-kemudahan awam oleh parti-parti pemerintah khususnya, perlu diberi perhatian. Kita tidak boleh mengulang apa yang pernah dilakukan oleh kerajaan yang sebelum ini. Kita mesti menterjemahkan apa yang berlaku itu sebagai suatu nilai yang positif yang rakyat ingin lihat. Saya fikir bahawa tidak boleh kita berpegang lagi kepada konsep apabila kita menjadi kerajaan, maka kita boleh guna segala kemudahan.

Demikian juga soal parti-parti politik perlu diberi akses kepada media perdana, khususnya para parti pembangkang. Jikalau dahulu parti-parti pembangkang tidak dapat ruang langsung. Sebagai contoh, Almarhum Tuan Guru Nik Aziz waktu menjadi Menteri Besar, merayu untuk dapat lima minit mengucap Selamat Hari Raya dalam radio Kelantan sebagai contoh, tidak diberi. Sehingga Yang Berhormat Menteri Besar minta, jikalau tidak boleh pukul 9 malam, pukul 3 pagi. Pukul 3 pagi pun tidak dibenarkan. Di dalam perubahan pendemokrasian pilihan raya ini atau *precedent* politik Malaysia, pembangkang juga mesti diberi ruang yang sama untuk lebih mudah akses kepada media-media perdana ini. Di samping itu, beberapa penambahbaikan yang perlu dibuat soal berhubung dengan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Penjelasan Yang Berhormat. Tidak ada sebarang larangan untuk parti pembangkang memberi liputan dan sebagainya dalam media massa, Yang Berhormat.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini saya minta supaya jangan mengelirukan Dewan. Saya cuma hendak memberitahu, larangan itu hanya ada ketika Barisan Nasional memerintah Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sepatutnya begitulah tetapi yang berlaku tidak begitu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Malahan PAS pun tidak dapat peluang. Sekarang PAS ada peluang, kita beri peluang kepada semua.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya— okey. Saya fikir biar Yang Berhormat Menteri menjawablah. Ahli Parlimen, dia tidak ada hak menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya bangun kerana tidak boleh kita mengelirukan Dewan. [*Dewan riuh*]

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan pakai hentam sahaja.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Itu bukan keliru itu, bukan hentam. *La ni pun* kami tidak boleh masuk Majlis Daerah, tidak dipanggil lagi macam mana? *You pun cakap, you pun hentam sahaja, tidak ada fakta.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pendang, isunya—

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekolah pun tidak boleh masuk lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Di Pulau Pinang, semua boleh datang. [*Dewan riuh*]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tolong perbetulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila duduk.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya tidak beri laluan. Isu yang berlaku ialah soal bagaimana dana pembiayaan politik dan akta kawalan politik wang perlu diwujudkan dengan segera. Kita mengakui bahawa masalah besar parti-parti politik di Malaysia, mereka terpaksa mencari dana sendiri. Dengan tiadanya kawalan atau akta yang mengawal dana politik, mendedahkan parti-parti politik mendapat dana daripada pihak-pihak luar sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini.

Oleh sebab itu, Kubang Kerian menggesa suatu akta disegerakan bagi mengawal dana-dana politik dan juga politik wang. Termasuk baru-baru ini apabila dimaklumkan dalam pemilihan parti pun ada politik wang digunakan. Jikalau ini berlaku dalam parti-parti politik, bagaimana kita hendak jamin kepada rakyat bahawa pemilihan berlaku dengan jujur yang dapat mengelak nilai-nilai yang negatif tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara besar yang juga perlu diberi perhatian ialah soal dalam pendemokrasian pilihan raya ini ialah soal penganugerahan peruntukan segera oleh kementerian dan agensi kerajaan yang telah pun disebut dalam beberapa ucapan Ahli-ahli Parlimen sebelum ini. Sebagai contoh, dalam kita membahaskan soal kebenaran pendaftaran pemilih sama ada dibuat secara automatik kepada para pengundi. Jikalau kita menerima cadangan supaya had umur pengundi daripada 21 tahun turun kepada 18 tahun, maka pendaftaran automatik juga mesti dibincang secara *detail*, secara halus. Kita mencadangkan supaya ia dapat dikuatkuasakan bagi kemudahan.

Namun, apa yang penting untuk kita nilai bersama ialah 18 tahun, sebahagian mereka ialah peringkat pra-universiti ataupun lepasan SPM. Sejauh mana mereka boleh memahami situasi politik, perlu diberi, digarap supaya kesedaran politik di kalangan rakyat dapat ditingkatkan. Dengan pendaftaran automatik ini, tidak timbul lagi soal ada di kalangan rakyat yang tidak mendaftar sebagai pemilih. Tidak perlu lagi satu kempen besar-besaran dibuat oleh pihak SPR khususnya, bagi memastikan rakyat Malaysia mendaftar sebagai pengundi.

Maka, kita mesti menterjemahkan perubahan politik Malaysia ini kepada usaha reformasi daftar pemilih pilihan raya, bukan sahaja soal pembersihan daftar pemilih tetapi mereka mestilah diterima untuk daftar automatik setiap apabila mereka berusia 18 tahun. Dengan ini, kita akan berjaya meningkatkan, meletakkan tanggungjawab kesedaran di kalangan rakyat Malaysia. Tuan

Yang di-Pertua, di antara perkara besar yang juga perlu diberi perhatian ialah soal kemasukan buruh asing yang menguasai kerja rakyat Malaysia yang tidak mampu ataupun tidak disukai.

■1720

Fenomena baharu ini juga menyaksikan tenaga pakar asing dibawa masuk secara besar-besaran. Mengikut jawapan diberikan kepada saya pada sesi Parlimen lepas, seramai 12,213 tenaga pakar daripada India yang sedang bekerja di Malaysia dalam sektor IT dan semi konduktor, ini baru daripada negara India sahaja belum diambil kira dengan kedatangan tenaga pakar daripada Jepun, Filipina, Mesir, Pakistan, Bangladesh yang berada dalam negara ini.

Situasi ini sangat tidak baik pada negara dalam persediaannya menyediakan rakyat menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0. Kita boleh bayangkan kalau 12,213 dalam sektor IT, sedangkan saya fikir bahawa apa kelemahan yang ada yang kita terpaksa bergantung kepada tenaga pakar daripada luar. Kerajaan perlu memantau perkara ini jika syarikat-syarikat asing dalam bidang IT dan semi konduktor ini yang datang melabur dan beroperasi di negara ini tetapi lebih suka menggaji orang asing daripada memberi peluang kepada rakyat Malaysia sendiri. Ini akan merugikan pengecualian cukai yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka.

Jika mereka terpaksa melakukannya kerana kekurangan kepakaran tenaga tempatan, kerajaan perlu mencari punca berlakunya agar silibus universiti dapat dirombak bagi memenuhi kehendak industri menjelang Revolusi Perindustrian 4.0.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menghadapi cabaran buruh asing kita mengakui terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian. Soal levi kepada pekerja. Kita menyedari bahawa dengan kenaikan levi yang menyebabkan bebanan kepada majikan perlu disemak dan diteliti kembali oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa elemen yang perlu juga diberi perhatian dalam rangka kita mengkaji Rancangan Malaysia Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Terdapat beberapa elemen yang positif tetapi kita bimbang di waktu yang sama kerajaan memberitahu bahawa kita tidak mempunyai dana yang mencukupi kerana bebanan hutang yang besar. Sejauh mana perancangan ini mengambil kira soal kedudukan kewangan sebagai contoh kalau kita mengakui bahawa negara kita berdepan dengan hutang yang besar, apakah perlu kita membina kereta ketiga sebagai contoh ataupun jambatan bengkok yang menjadikan bebanan menambahkan bebanan bagi negara.

Di waktu yang sama, perhatian perlu diberi bagi meningkatkan kebajikan kepada rakyat. Sebagai contoh, sampai masanya kerajaan meneliti kembali terhadap usaha untuk menaikkan pendaratan gas dan minyak di Pantai Bachok di Kelantan. Kawasan ini telah pun diambil alih dan pampasan pun telah dibayar kepada penduduk. Namun apa yang mendukacitakan kita minyak dan gas yang ditemui di perairan Kelantan dinaikkan dan didaratkan di Songkhla, Thailand. Kerajaan perlu menunaikan janji supaya pembangunan sesuatu kawasan mestilah dapat dihasil dan manfaatnya kepada penduduk setempat.

Begitu juga beberapa industri- meningkatkan industri pelancongan khususnya di Kelantan. Kita lihat ada pelbagai budaya yang menarik yang perlu diangkat di peringkat

antarabangsa, juga tempat-tempat yang menarik. Kita akui bahawa budaya dan adat istiadat masyarakat Kelantan sebenarnya banyak yang boleh diketengahkan bagi meningkatkan industri pelancongan negara kita. Di samping itu, dalam beberapa tinjauan saya di kawasan Kubang Kerian khususnya, terdapat beberapa unsur yang perlu ditangani segera khususnya oleh pihak kerajaan.

Setiap tahun atau setiap musim tengkujuh Kelantan adalah negeri yang sering berhadapan masalah banjir yang sangat kritikal. Sebahagiannya ialah disumbang oleh sistem perairan yang tidak tersusun. Sebagai contoh, saluran air yang dihantar ke sawah oleh KADA. Saya memantau dalam kawasan Kubang Kerian sebahagian besarnya langsung tidak dibersihkan. Penuh dengan rumput dan air pun tidak mengalir. Bayangkan kalau mari musim tengkujuh, kawasan ini antara penyumbang besar kepada berlakunya banjir di kawasan tersebut.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin juga balik kepada soal meningkatkan pembangunan ataupun kemudahan lapangan terbang di Pangkalan Chepa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sebab saya tengok dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia meningkatkan taraf lapangan terbang di Langkawi. Saya fikir Langkawi telah pun sebenarnya telah mencapai tahap piawaian antarabangsa tetapi yang penting ialah lapangan terbang di Pangkalan Chepa juga perlu diberi perhatian kerana lebih daripada 40 penerbangan sehari sudah tidak boleh menampung lagi tentang permintaan di situ. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Dari Kelantan kita menyeberang laut Yang Berhormat Papar. Dipersilakan. Selepas ini Yang Berhormat Arau. Sila.

5.25 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Kami penduduk P.175 Papar mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia semasa membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal RMKe-11 di mana Tun telah mengumumkan dan meluluskan bahawa Daerah Papar akan mendapat kemudahan kesihatan dengan menaik taraf Hospital Papar. Terima kasih sekali lagi kami ucapkan. Ini adalah hasil kerja susulan yang telah kita buat di Parlimen berkali-kali.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari akan komitmen kerajaan baharu yang memartabatkan rakyat, saya sebagai wakil rakyat ingin mengusulkan beberapa isu dan cadangan yang perlu ditangani oleh kerajaan baharu supaya kita tidak sama dengan kerajaan yang sebelumnya. Banyak cadangan pembangunan yang telah disenaraikan di RMKe-11 di kawasan saya yang sangat-sangat diperlukan oleh rakyat tetapi masih lagi di KIV, dengan izin *keep in view*. Ini kerana

belum ada gegaran susulan yang dibuat. *Insyah-Allah* kita akan membuat gegaran sehingga buah durian itu jatuh ke bumi P.175 Papar.

Semua projek persekutuan yang dibekukan hendaklah diteruskan dan dikembalikan kepada rakyat di kawasan Parlimen masing-masing. Saya ingin menyatakan kepada kementerian yang bertanggungjawab tentang keperluan projek-projek ini untuk kesejahteraan rakyat di kawasan Parlimen berkenaan. Pelaksanaan projek ini akan dipantau oleh ICU dan mesti diuruskan oleh wakil rakyat di Parlimen masing-masing demi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan lancar dan dapat dipantau oleh pegawai-pegawai wakil rakyat.

Saya sebagai wakil rakyat tidak menggalakkan kontraktor-kontraktor dari tempat lain yang akan melaksanakan projek-projek ini nanti mahupun kontraktor-kontraktor yang dikenal pasti orang kuat kerajaan terdahulu. Biarlah kita beri peluang kepada pejuang-pejuang yang telah berkorban wang ringgit, tenaga, masa dan lain-lain sehingga kita dapat menumbangkan kerajaan terdahulu. Kita tidak mahu kontraktor-kontraktor yang sedia ada dalam senarai di jabatan-jabatan, Pejabat Daerah, Majlis Daerah diguna pakai dan diberi peluang berkali-kali sehingga pejuang-pejuang kita yang berkemampuan tercicir begitu sahaja. Kalau terjadi, maka masanya akan tiba juga kita akan ditumbangkan oleh penyokong-penyokong kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan dalam RMKe-11 yang masih menunggu pelaksanaannya adalah seperti berikut:

- (i) perolehan peralatan bagi keperluan perubahan NOSS naik taraf program di IKBN Kinarut berjumlah RM4 juta;
- (ii) menaik taraf sistem bekalan air dan kumbahan di IKBN Kinarut Sabah juga berjumlah RM1.2 juta;

■1730

- (iii) perolehan peralatan dan naik taraf fasiliti latihan bagi penawaran kursus baharu bidang perniagaan, jentera elektron voltan tinggi di IKBN, Kinarut yang berjumlah hampir RM1 juta;
- (iv) pembinaan baru pejabat guru di Sekolah Kebangsaan Pekan Papar, Sabah yang memakan belanja sebanyak RM1.06 juta;
- (v) pembinaan baru tandas di Sekolah Kebangsaan Kuala Papar di Daerah Papar yang berjumlah hampir setengah juta ringgit;
- (vi) projek pengukuhan sistem pembahagian melalui rehabilitasi PPU 11 kilowatt di Kampung Lakut, Papar, Sabah juga berjumlah RM9 juta lebih;
- (vii) pembinaan Mahkamah Syariah Daerah Papar, Sabah yang berjumlah RM15 juta;
- (viii) menaik taraf Jalan Lok Kawi ke Pengalat Besar, Papar yang berjumlah RM675 juta;
- (ix) projek mesra rakyat kawasan Parlimen Papar yang berjumlah RM30 juta;
- (x) Kompleks Sukan Beringgis, Papar yang berjumlah RM10 juta;
- (xi) pembangunan Kolej Komuniti Papar yang berjumlah RM30 juta; dan,

- (xii) naik taraf dewan bedah dan hemodialisis Hospital Papar sebanyak RM11 juta.

Kami penduduk daerah Papar sekali lagi sangat berharap supaya kerajaan baharu PH akan dapat melaksanakan cadangan projek-projek yang saya sebutkan tadi seberapa segera kerana rakyat melihat dan mendengar dengan izin, kata orang Papar, "*Kami mahu melihat perubahan bah. Jangan tah dilambat-lambatkan*".

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat di P.175 Papar, sangat berterima kasih kepada kerajaan baharu atas kelulusan untuk meneruskan program pembangunan di daerah Papar seperti yang telah dinyatakan tadi iaitu menaik taraf Hospital Papar yang berjumlah RM98.5 juta. Di P.175 Papar, pembinaan naik taraf hospital yang ada sekarang, yang saya difahamkan ketinggalan di belakang jadual yang sepatutnya. Saya ingin menanyakan, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian yang bertanggungjawab demi mengatasi permasalahan dalam melaksanakan projek ini? Apakah tender ini akan diteruskan oleh kontraktor yang menaja UMNO sewaktu pilihan raya baru-baru ini? Adakah kita kurang kontraktor yang menolong kita sewaktu pilihan raya dahulu? Kita mempunyai ramai pejuang yang berkemampuan untuk melaksanakan projek-projek kerajaan ini.

Disebabkan oleh bertambahnya penduduk Papar dan demi mengurangkan kesesakan pesakit di Hospital Papar, kami rakyat di Daerah Papar juga memohon mini hospital yang hanya merawat pesakit-pesakit luar dan merawat pesakit yang tidak kritikal. Dengan ini, kesesakan di Hospital Papar dapat dikurangkan. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, tanah tapak untuk tujuan ini sudah ada disediakan di Kampung Kelanahan, Papar dan kertas kerja pun sudah siap.

Hospital Papar pada ketika ini kekurangan doktor pakar, menyebabkan pesakit yang kritikal akan dihantar ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu yang kira-kira 30 kilometer jauhnya. Malangnya, ada di antara pesakit-pesakit itu tidak sampai ke destinasi. Sementara menunggu penaiktarafan Hospital Papar, kami memohon kepada kerajaan supaya menambah doktor-doktor pakar yang sedia ada, demi untuk melihat kepada rakyat bahawa Kerajaan PH dengan izin, *Banar-banar ingau kan rakyat bah* atau '*zo tuko bo iti*' atau *caring government*.

Tuan Yang di-Pertua, projek seterusnya ialah Projek Pembinaan Waterfront di Tebing Sungai Papar yang berjumlah RM20 juta. Peruntukan *waterfront* di Sungai Papar telah diluluskan dengan harga siling RM20 juta. Peruntukan pembinaannya juga ada dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Malangnya, projek ini tidak siap sepenuhnya seperti yang dipohon iaitu hanya sampai ke tebing sungai masjid Pekan Papar. Ini telah mencatatkan tujuan utama kenapa *waterfront* ini dibina.

Saya ingin menyatakan kepada kementerian bertanggungjawab bahawa pembinaan *waterfront* ini hanya telah dilaksanakan 50 peratus dan kami rakyat Papar sedang menunggu baki pelaksanaan projek ini. Sebagai wakil rakyat, saya juga ingin tahu dari kementerian yang bertanggungjawab, adakah peruntukan ini sudah habis digunakan walaupun pelaksanaan projek ini hanya 50 peratus siap? Jika ada unsur-unsur yang tidak mengikut peraturan, saya cadangkan

agensi yang bertanggungjawab mesti menyasat demi rakyat dan untuk rakyat kerana ini adalah wang rakyat.

Menaik taraf Jalan Papar dari Bulatan Papar ke Bulatan Benoni, Papar yang berjumlah RM55 juta. Jalan ini telah pun dinaik taraf tetapi pembinaannya tidak menepati apa yang telah dijanjikan, di mana jalan yang siap dinaik taraf tidak sampai ke Bulatan Benoni. Sebagai wakil rakyat, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk menanyakan, adakah semua peruntukan ini sudah habis digunakan membayar kontraktor tersebut? Walaupun pembinaan naik taraf jalan ini tidak sampai ke sasarannya iaitu sampai Bulatan Benoni, saya merayu kepada kementerian atau agensi berkenaan untuk menyasat perkara ini sama ada ia mengikut dengan izin, *specification* yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memperincikan keperluan projek yang ada dalam Rancangan Malaysia Kesebelas seperti cadangan perumahan rakyat di Kampung Gusi, Kinarut yang bernilai RM122 juta. Perumahan adalah satu masalah penting negara kita yang banyak melibatkan perkara sosial, ekonomi dan politik. Terdapat banyak masalah yang berkaitan dengan perumahan, yang memerlukan kajian yang mendalam dan perlu diatasi oleh kerajaan. Akan tetapi, permintaan melebihi apa yang dibuat oleh kerajaan dengan izin, *demand is more than supplies*.

Di P.175, kerajaan telah meluluskan bajet sebanyak RM122 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk membina rumah mampu milik dalam program rumah PPR sebanyak 1,480 unit rumah PPR di Kampung Gusi, Kinarut. Malangnya, setelah kerajaan baharu memerintah, projek ini tidak dapat diteruskan dan masih lagi di KIV. Saya sebagai wakil rakyat, sangat berharap agar kerajaan baharu dan kementerian yang bertanggungjawab akan meneruskan projek ini demi untuk memudahkan rakyat memiliki rumah mampu milik. Kalau kita tidak dapat memberikan keperluan yang mereka harapkan, saya tidak nafikan, kita juga akan ditukar seperti kerajaan sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ada keluhan dan cadangan penduduk P.175 yang disampaikan kepada saya iaitu P.175 adalah kawasan yang luas dan ramai penduduk Islam. Banyak rintihan yang telah diluahkan dan meminta saya memohon daripada kementerian bertanggungjawab supaya Tabung Haji dapat membuka cawangan di Pekan Papar.

Disebabkan ramai rakyat Sabah terutamanya para penoreh getah, rasa hampa dengan harga getah antara Semenanjung dan Sabah yang tidak saksama. Saya ingin menanyakan kepada kementerian yang berkenaan, apakah tidak ada mekanisme yang boleh dibuat untuk menyamaratakan harga-harga getah untuk susu getah, kepingan di antara gred satu dan dua dan sekerap?

■1740

Di kawasan P.175 Papar ada 79 buah kampung di pedalaman didiami kebanyakannya oleh orang-orang KDM di mana kemudahan jalan raya sangat menyedihkan dan daif. Sukar untuk dilalui oleh kenderaan biasa kecuali pacuan empat roda. Kebanyakan jalan adalah jalan tanah dan sering berlaku tanah runtuh. Kos pengendalian pacuan empat roda terlalu tinggi dan saya

sebagai wakil rakyat tidak ada kemampuan untuk meneruskan menanggung kos ini. Kadar yang diperuntukkan oleh kerajaan dan boleh dituntut ialah 70 sen per kilometer tidak memadai dengan kos kerosakan yang akan ditanggung oleh Ahli Parlimen jika ada kerosakan pada kereta pacuan empat roda mereka.

Ini bukan sahaja dialami oleh wakil rakyat di Sabah bahkan juga di Sarawak. Demi janji kita kepada rakyat untuk memberi khidmat yang terbaik, saya sebagai wakil rakyat ingin menyatakan kepada kementerian yang bertanggungjawab untuk memberikan peruntukan kepada wakil rakyat yang mengalami dengan izin, *predicament* yang sama seperti saya di Sabah dan Sarawak. Permohonan kami ini adalah sebuah kereta pacuan empat roda untuk kegunaan perjalanan ke kampung-kampung di pedalaman.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan tadi bahawa banyak jalan-jalan yang putus dan tanah runtuh di kawasan pedalaman akibat hujan baru-baru ini dan susah untuk dilalui dengan kereta biasa. Untuk memberi perkhidmatan yang sempurna dan berkesan terutamanya sewaktu kecemasan dan pengendalian bantuan makanan kepada mangsa-mangsa banjir, bencana alam dan kebakaran, kami juga memohon supaya diberi peruntukan sebuah van. Ada sokongan daripada kawan semua? Sokong?

Beberapa Ahli: Sokong.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan wakil rakyat memberi bantuan segera kepada mangsa-mangsa banjir, kebakaran, mangsa-mangsa ribut, petir dan sebagainya, saya ingin menyatakan kepada kementerian berkenaan tentang perlunya mewujudkan satu tabung kecemasan untuk memudahkan bantuan dapat disalurkan dengan kadar segera. Di sini kita akan gunakan *impresystem* di mana *reimbursement* akan dibuat apabila baki sudah tinggal sedikit. Semua *reimbursement* akan disokong dengan dokumen-dokumen pembayaran dan boleh diaudit pada bila-bila masa. Agensi-agensi kerajaan seperti FELCRA dan GIATMARA tidak seharusnya diberi kuasa melantik kontraktor yang sedia ada dalam senarai mereka tanpa pengetahuan wakil rakyat di setiap Parlimen demi untuk memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor baru yang berjuang bersama kita.

Tonggak enam, memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi, keutamaan ketiga kerajaan akan terus menambah baik infrastruktur digital. Ke arah ini kapasiti dan liputan jalur lebar akan terus dipertingkatkan menerusi *national fabrication* dan *connectivity plan* untuk mencapai sasaran 95 peratus liputan jalur lebar di kawasan penduduk. Dengan tonggak ini, saya dengan rendah diri mencadangkan kepada kementerian yang bertanggungjawab supaya menaik taraf *infra hi-speed broadband* di seluruh kawasan P.175 dengan harapan kawasan ini tidak ketinggalan dari arus pembangunan digital.

Banyak sekolah kerajaan memerlukan *infra hi-speed broadband* demi untuk melancarkan aktiviti pembelajaran. Dalam memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat saya mencadangkan kepada kerajaan supaya jangan terlepas pandang beberapa insiden yang tidak diingini telah berlaku.

Di kawasan saya memang ramai nelayan pantai, pendapatan mereka terancam disebabkan pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing yang menggunakan kapal pukat tunda hingga hampir ke pesisiran pantai. Ada nelayan asing ini dapat ditangkap dan dibebaskan setelah membayar denda. Akan tetapi denda yang dikenakan terlalu rendah dan tidak setimpal dengan pendapatan menangkap ikan secara mencero boh di tempat orang.

Di sini saya menyatakan kepada kementerian yang bertanggungjawab supaya menggubal undang-undang baharu dengan menaikkan kadar saman tersebut mengikut keperluan semasa dengan izin, *as deterrent sentence*. Di kawasan saya juga baru-baru ini, di mana seorang nelayan pesisiran berumur 20 tahun telah dirompak oleh tiga individu dipercayai menggunakan senjata tajam di perairan antara Mendahan dan Kimanis pada pagi Khamis lalu bertarikh 18 Oktober 2018.

Mangsa kehilangan bot gantiannya, sebuah enjin sangkut dan dua tangki minyak kepada tiga lelaki itu yang menaiki bot laju sementara dia memasang pukatnya. Demi untuk membanteras gejala pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing dan perompak-perompak yang menyerang dan mencederakan nelayan tempatan, saya menyatakan kepada kementerian bertanggungjawab supaya menjadikan atau membina pejabat mini maritim untuk tujuan pemantauan. Saya juga mencadangkan setiap pembaharuan lesen nelayan jabatan yang bertanggungjawab hendaklah memastikan bahawa nombor bot dan nombor enjin sangkut mestilah sama seperti yang tertulis di dalam lesen demi untuk mengurangkan penjualan enjin sangkut curi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam merencana kita ingin membangunkan negara ke arah negara yang maju dan berpendapatan tinggi mempunyai banyak bangunan pencakar langit, ada LRT, MRT dan sebagainya sebagai lambang kebanggaan negara. Akan tetapi kita jangan lupa ada sebilangan jabatan kerajaan yang terlepas pandang seperti yang dialami oleh Pejabat Pendidikan Papar (PPD) kerana menumpang kasih di sekolah rendah Surati, Papar sudah sekian lama. PPD sebagai pemangkin untuk menyempurnakan *delivery system* di daerah Papar terasa seperti dianaktirikan kerana tidak mempunyai bangunan sendiri sudah begitu lama. Sudah lama mereka memohon bangunan sendiri tetapi tidak diindahkan walaupun mereka ini mempunyai tanah sendiri untuk dibangunkan sebuah bangunan kebanggaan PPD di daerah Papar.

Buat pengetahuan kita semua, PPD Papar menggunakan satu blok bangunan SK Surati empat tingkat. Ada beberapa PPD di Sabah yang mengalami nasib yang sama. Ini menunjukkan ada ketidakseimbangan dalam pelaksanaan kebajikan dan kemudahan untuk kakitangan PPD melaksanakan program mereka lebih berkesan. Saya sebagai wakil rakyat ingin melihat kerajaan memberi perhatian kepada PPD di kawasan saya dengan permasalahan ini Sekolah Rendah Surati Papar terkekang dari mengambil penambahan masuk murid-murid masuk istimewa dan murid-murid Tahun 1.

Ada di antara ibu bapa murid-murid istimewa ini tidak jadi menghantar anak-anak mereka belajar kerana sekolah yang ada ketika ini terlalu jauh dari pekan Papar. Melalui perjumpaan saya dan dialog dengan kakitangan PPD mereka juga mengharapkan supaya Kerajaan Pakatan Harapan baru dapat memberi dana untuk memudahkan mereka menjalankan kerja-kerja amal,

program-program berkenaan pendidikan dan majlis-majlis penghargaan kepada guru-guru yang sudah pencecah dan cemerlang dalam kerjaya mereka.

Tuan Yang di-Pertua, PPD Papar telah mengenal 12 buah sekolah daif yang memerlukan bantuan gantian demi untuk memudahkan pelaksanaan pembelajaran yang cekap. Sekolah-sekolah ini adalah dengan izin, *beyond economic repair*. Sekolah-sekolah itu adalah Sekolah Kogopon Papar, Sekolah Pengalat Besar, Sekolah SK Mandahan, SK Viging Ulu, SK Keatuan, SK Kawang, SK Sabandil, SK Gana, SK Padawan, SK Kayau, SK Rampazan, SK Sumbiling.

■1750

Baru-baru ini saya pergi melawat saudara di Hospital Queen Elizabeth 1 yang mengalami *abnormal bleeding* di otaknya. Apa yang memeranjatkan saya ialah apabila saya diberitahu bahawa mesin MRI dan *CT Scan* tidak berfungsi kerana kerosakan teknikal sudah dua minggu lamanya kata seorang doktor di situ. Ini menyebabkan pesakit yang saya lawati terpaksa pergi ke *Jesselton Medical Centre* untuk *CT Scan*. Saya rasa bukan dia seorang sahaja yang terpaksa pergi ke klinik swasta kerana kerosakan mesin yang diperlukan.

Saya juga difahamkan bahawa Hospital Queen Elizabeth hanya mempunyai satu mesin MRI dan juga *CT Scan*. Kerosakan mesin ini telah menyebabkan pesakit terpaksa dibawa ke pusat perubatan swasta. Saya sebagai wakil rakyat sangat bersimpati dengan pesakit-pesakit ini, maka saya mencadangkan kepada kementerian berkenaan supaya menambah bilangan mesin-mesin tersebut untuk keperluan dan kegunaan Hospital Queen Elizabeth 1 seperti yang kita laung-laungkan bahawa Kerajaan PH adalah mesra rakyat dan mempedulikan permasalahan rakyat.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong Yang Berhormat, boleh? Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Tentang isu hospital ini, saya ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini tentang masalah yang dihadapi bukan sahaja oleh hospital di Papar, tetapi hospital di seluruh negara. Di kawasan saya, Hospital Besar Pulau Pinang, betul-betul di kawasan Jelutong, di mana di wad pesakit luar untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu papan tanda yang menggunakan – *electronic board* dengan izin, di mana *electronic board* itu saya difahamkan tidak berfungsi di mana *hospital assistant* terpaksa menggunakan *placard* ataupun *manila card* untuk menunjukkan nombor-nombor pesakit yang terpaksa masuk.

Baru-baru ini saya dihubungi oleh pegawai yang berkuasa di sana dan beliau memaklumkan bahawa permintaan telah dibuat, tetapi sehingga sekarang memang tidak ada sebarang dana diberikan. Akan tetapi saya telah memberi jaminan bahawa kerajaan yang baharu ini akan memberi perhatian. Bukan sahaja itu kekurangan, banyak sangat kekurangan-

kekurangan lain yang tidak boleh saya ketengahkan kepada Dewan yang mulia ini dalam masa yang singkat. Akan saya ulaskan perkara-perkara itu semasa perbahasan. Jadi, permintaan saya adalah semua perkara ini di hospital iaitu hospital di seluruh negara diberi perhatian kerana memang hakikatnya adalah kesemua kehendak di hospital-hospital ini telah pun diabaikan oleh kerajaan yang lama. Terima kasih Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ada 14 buah sekolah rendah yang jauh dari pekan Papar. Memandangkan kehidupan kebanyakan keluarga-keluarga dari pedalaman ini sangat daif, maka susah untuk mereka menghantar anak-anak mereka ke Tingkatan 1 di pekan Papar dan pekan Kinarut. Ramai di antara murid-murid ini akan berhenti sekolah disebabkan mereka ini tidak berkemampuan menampung tambang bas harian ke sekolah dan mengikut jejak ibu bapa mereka untuk bertani serta ada juga yang mencari pekerjaan di bandar-bandar. Disebabkan oleh permasalahan ini, saya sebagai wakil rakyat ingin mengemukakan satu permohonan kepada kerajaan untuk membina sebuah sekolah menengah di Jalan Lama Papar antara Kampung Ganak dan Kampung Marahang.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa sudah ada 350 lebih ekar tanah yang boleh diguna pakai untuk tujuan ini. Tanah yang dimaksudkan sangat strategik dan di tepi Lebuhraya Pan Borneo. Selain daripada sekolah, banyak lagi pembangunan yang akan dimohon di atas tanah tersebut yang telah disediakan seperti sekolah vokasional, sekolah sukan, rumah-rumah kedai, balai bomba, hospital yang serba moden dan banyak lagi untuk kesejahteraan rakyat.

Seperti mana yang kita tahu, Daerah Papar telah menghasilkan ramai atlet negeri, maka adalah wajar untuk saya memohon supaya sekolah sukan dapat dibina oleh Kerajaan PH di daerah Papar memandangkan tapak tanah sudah dikenal pasti. Saya juga sangat berharap agar Kementerian Pendidikan dapat memberi perhatian dan kelulusan ke atas permohonan pembinaan sekolah menengah dan vokasional antara Kampung Ganak dan Kampung Marahang bagi mengurangkan kos persekolahan murid-murid yang berasal dari pedalaman yang sangat jauh dari pekan Papar.

Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Malaysia 1963 atau yang dikenali sebagai MA63 adalah sesuatu perjanjian yang akan membawa Sabah dan Sarawak ke medan pembangunan yang ditunggu-tunggu kalau ia dapat dilaksanakan dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh isi rumah bukan sahaja untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal, tetapi juga keperluan-keperluan lain untuk keselesaan hidup termasuk kos pendidikan, kos sambungan jalur lebar dan kos kenderaan untuk kegunaan harian. Sekiranya pendapatan berada pada kadar yang lebih rendah berbanding dengan kos sara hidup, maka taraf hidup seseorang dikatakan merosot dan begitu juga sebaliknya. Peningkatan pendapatan yang tidak selari dengan kos sara hidup menghimpit masyarakat pada hari ini. Keadaan ini harus dipantau oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Dengan itu, saya menyokong pembentangan usul mengenai Kajian Separuh Penggal RMKe-11 oleh Tun Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Papar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau untuk berbahas.

5.57 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama sekali saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong RMKe-11 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sokong, sebab ini di atas asas untuk kebaikan rakyat. Akan tetapi, yang saya masih tidak berpuas hati dan begitu kadang-kadang berbulu dengan cara penyampaian dibuat oleh pihak kerajaan dan juga Ahli-ahli Parlimen kerajaan iaitu menyalahkan UMNO dan Barisan Nasional. Yang Berhormat Jelutong nombor satu, suka sangat menyalahkan UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Biar saya habis sedikit, sekejap lagi boleh Yang Berhormat berhujah dengan saya. Silap sedikit, salahkan Barisan Nasional. Ada satu *trending* dengan izin, yang kurang bagus, semua di sana hendak jadi Menteri. Yang Berhormat Jelutong pun jawab bagi pihak Menteri. Jadi seolah-olahnya mereka menganggap bahawa bila mereka berada di pihak kerajaan, mereka boleh jawab bagi pihak Menteri. Menteri ini yang ada ataupun Timbalan Menteri tetapi Ahli-ahli Parlimen, mereka juga kena minta Menteri untuk menjawab. Jadi, saya minta supaya pemikiran bahawa yang ini UMNO salah, yang ini Barisan Nasional, hentikan serta-merta.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat tidak henti, saya akan pecahkan satu rahsia. *[Dewan ketawa]* Akan tetapi nampaknya kena pecahkan juga, sebab tidak mampu disimpan lagi. Tuan Yang di-Pertua tahu siapa Yang Amat Berhormat Tun. Yang Berhormat tahu siapa Yang Berhormat Port Dickson. Semua orang tahu bahawa mereka ini DNA UMNO. Mereka diwujudkan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Akan tetapi tidak apa, sebab apa oleh kerana Pakatan kurang pemimpin, kami hantar kepada mereka untuk menjadi pemimpin. Tidak ada masalah. *[Dewan ketawa]*

Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Tun sering menyebut kepada kami dan juga saya di antara orangnya sebab saya Tun ini idola saya. Walaupun dia bermusuhan dengan Barisan Nasional pada masa tersebut, tetapi saya tetap menyimpan di *rasanubari asmarama* saya bahawa Tun adalah idola saya. Tun selalu mengulang perkataan ini bahawa benda yang baik kalau disimpan jadi tidak baik, tetapi benda yang tidak baik diulang berkali-kali, dia jadi baik. Jadi inilah yang terjadi, Tun juga setelah berkawan dengan DAP, dia terus berubah mengulangi benda-benda yang tidak baik sehingga disangka baik. Saya hendak ucap tahniah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu sudah jadi tuduhan, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

■1800

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa. Sekejap lagi saya ulas balik, saya tidak ada berniat jahat sebab saya sentiasa berniat baik. Okey, balik kepada tajuk ini, kita lihat bahawa Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir juga mengulangi banyak perkara-perkara yang tidak mampu dilaksanakan tetapi diulang sehingga rakyat percaya. Contohnya manifesto, cukup sukar untuk hendak laksanakan manifesto tetapi diulang berkali-kali sebagai satu perkara yang baik akhirnya rakyat percaya. Jadi, rakyat percaya kami hendak ucap tahniah sebab Pakatan Harapan telah berjaya untuk mempengaruhi rakyat dan rakyat percaya dan rakyat bagi kepercayaan kepada Pakatan Harapan.

Sekarang Pakatan Harapan memerintah, bukan mengulangi benda-benda atas asas ini UMNO, ini Barisan Nasional. Yang Berhormat tiap-tiap kali mana-mana pihak menyebut perkataan tersebut kita sebenarnya menghina Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir sendiri, menghina Yang Berhormat Port Dickson, menghina sebahagian besar daripada mereka yang berada di sana kerana merekalah yang menjadi ketua UMNO yang paling lama. Yang Amat Berhormat Tun sendiri menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun, tiga tahun sebagai Timbalan Perdana Menteri sebab itu 25 tahun.

Jadi itu sebab Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir dia tidak sebut perkataan UMNO, dia sebut kerajaan dahulu. Cuma baharu-baharu ini masa RMKe-11 Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir menyebut Barisan Nasional. Akan tetapi Barisan Nasional juga sebenarnya diperintah oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir selama 25 tahun bersama dengan Yang Berhormat Port Dickson. Kami masa itu, Yang Berhormat Jelutong mungkin kecil lagi tetapi, [*Dewan ketawa*] pemaki hamunan yang paling hebat DAP ialah kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir. Kami tidak pernah, sampai sekarang pun kami tidak maki Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir tetapi mereka maki Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir.

Mereka keluarkan perkataan-perkataan yang dahsyat seperti maha zalim, maha Firaun dan malah di kalangan sekarang berada di Pakatan Harapan yang mengeluarkan perkataan 'Al-Juburi', kami tidak ada. Mereka yang keluar dan mereka mesti minta maaf kepada Yang Berhormat Port Dickson kerana perkataan itu dikeluarkan oleh mereka. Kami tidak pernah dan bagi kami itu ialah sesuatu yang tidak wajar mereka buat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara-perkara yang lama itu tidak perlulah...

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat pernah katakan daripada UMNO itu 'Mamak Kutty'.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak dengar apa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan-kenyataan itu lebih teruk daripada Yang Berhormat Bagan Datuk.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Siapa kata 'Mamak Kutty' itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai duduk, duduk. Yang Berhormat Jelutong duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Duduk kechap, ikut arahan Tuan Yang di-Pertua yang budiman lagi arif bijaksana. Yang Berhormat, saya *cease fire*, tidak akan kata kepada DAP. Akan tetapi Yang Berhormat, kalau ulang benda ini, Yang Berhormat kena ingat parti perkauman cauvinis sehingga berlakunya krisis 13 Mei dulu ialah DAP. Yang Berhormat, bukan UMNO.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya minta maaf. Ini saya minta Yang Berhormat supaya tarik balik kenyataan itulah. Itu adalah satu perkara yang serius dan melanggar peraturan Yang Berhormat. Saya minta perkara itu ditarik balik. Kalau tidak ditarik balik, *Hansard* akan menunjukkan kami tidak membantah dan ia akan kekal dalam *Hansard*. Itu adalah satu perkara yang begitu serius, tuduhan yang tidak berasas. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Arau tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh, tetapi Yang Berhormat tarik balik...

Tuan Yang di-Pertua: ...Elok kalau Yang Berhormat Arau tarik baliklah kenyataan itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Mengatakan UMNO ialah parti perkauman.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya berbahas tadi menggunakan kesimpulan yang ada fakta.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya juga ada fakta.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Perkara yang telah berlaku, kenyataan Yang Berhormat Pasir Salak ketika mengadakan Perhimpunan Melayu Bangkit adalah kenyataan-kenyataan yang begitu rasis sekali.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi kalau kita menggunakan perbezaan yang sama mengatakan DAP menyebabkan krisis 13 Mei, itu adalah tidak betul Yang Berhormat Arau. *Come on* Yang Berhormat Arau merupakan seorang *season politician*, tolonglah Yang Berhormat, tarik baliklah kenyataan itu. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat saya hendak beritahu itu sejarah Yang Berhormat. Sekarang ini kita...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan putar belitkan fakta Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu panjangkan perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Arau...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Duduk, duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat bahawa jangan ungkit lagi perkataan UMNO parti perkauman. Kami ialah di antara parti Barisan Nasional ialah parti untuk pelbagai kaum.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, hendak saya bagi kesimpulan.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, Yang Berhormat Arau saya ingat elok kalau ditarik balik. Ini... *[Disampuk]* duduk, duduk. Oleh sebab mengatakan sesuatu parti di sebelah sana rasis ini amat berat saya ingat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, mengatakan kita mencetuskan kejadian 13 Mei, DAP mencetuskan 13 Mei...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, perkataan rasis...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...itu adalah tuduhan yang begitu serius Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, mereka tuduh UMNO rasis, UMNO perkauman. Mampukah saya duduk sini menahan serangan-serangan bertubi-tubi? Jadi sekarang ini saya tarik balik perkataan tersebut Tuan Yang di-Pertua biar ia tinggal dalam sejarah. Sejarah tetap sejarah. Okey. Yang Berhormat Jelutong cantik tidak saya tarik? Tarik balik tetapi sejarah tetap sejarah, okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, itu... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya dengan segala hormatnya mengatakan bahawa Yang Berhormat Arau tidak ikhlas dalam menarik balik kenyataan. Saya minta beliau tarik balik kenyataan itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mengatakan bahawa ia kekal dalam sejarah adalah satu kenyataan yang penarikan balik yang tidak menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya cadangkan kita buat begini. Satu pihak mencadangkan atau menuduh pihak yang lain sebagai rasis, pihak yang menerima tuduhan itu kemudian mengemukakan tuduhan kedua, pihak yang memulakan itu juga rasis. Jadi dalam semangat setia kawan, kedua-dua tarik baliklah kalau tidak berpanjangan, tidak ada kesudahan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Arau, boleh bagi jalan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, sebelum saya tarik balik bagi saya peluang ini, Yang Berhormat Tanjong Karang sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya dengar perbincangan ini. Soal sejarah ini kita ada satu badan Arkib Negara. Saya ingat kalau Yang Berhormat Arau ataupun Yang Berhormat Jelutong pergi tengok balik, apakah sejarah yang tercatat dalam Arkib Negara. Kalau sejarah dalam Arkib Negara itu tidak menyatakan seperti mana Yang Berhormat Arau cakap memang bolehlah. Akan tetapi kalau dalam Arkib Negara itu ada sebut perkara tersebut, macam mana hendak tarik? Jadi, baik kita rujuk kepada Arkib Negara punya sejarah. Ini fakta.

Tuan Yang di-Pertua: Pokoknya, adakah Yang Berhormat sendiri dapat memutuskan dengan muktamad, tahu mengikut rekod Arkib Negara perkara ini jelas, muktamad. Ini masalahnya. Jadi elok kalau ditarik balik, kedua-dua pihak tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Tuan Yang di-Pertua boleh bagi tidak sebab...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua saya hendak bagi penjelasan, saya hendak bagi penjelasan sedikit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya ingat saya tidak bagi apa-apa. Okey, Tuan Yang di-Pertua saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak pernah menuduh UMNO adalah parti rasis. Saya merujuk kepada kesimpulan-kesimpulan di mana...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Isu perkauman dimainkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nanti sekejap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya menyarankan supaya perkara itu tidak diulangi. Itu adalah niat saya berbanding dengan Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau terus menuduh kami mengatakan pihak DAP yang telah mencetuskan kejadian 13 Mei.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tujuan saya adalah meminta kepada mereka jangan ulangi tetapi Yang Berhormat Arau di sini membuat fitnah terhadap DAP, Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah perbezaannya. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua nasihatkan Yang Berhormat Arau seorang *season politician* supaya jangan ulangi kenyataan itu Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya tarik balik kenyataan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...Dan saya bubuh nama 'bapak parti perkauman', ubah-ubah tajuk sebagai 'DAP bapak parti perkauman'. Yang Berhormat mahu saya cakap macam itu?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, bapak parti perkauman, mengapa mengeluarkan kenyataan itu? Tuan Yang di-Pertua telah menasihatkan supaya semua pihak beradab. Mengatakan parti DAP adalah 'bapak parti perkauman', saya tidak mahu respons, saya tidak mahu respons kepada kenyataan itu. Kenyataan itu adalah dengan izin, adalah sesuatu yang langsung tidak berasas. Akan tetapi menggunakan kenyataan itu Yang Berhormat, *come on lah, you're hitting below the belt*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, Tuan Yang di-Pertua sebab dia mencuri masa saya dan Tuan Yang di-Pertua tidak akan bagi masa kecederaan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang sudah 12 minit berlalu. Cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi ini mesti diputuskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kami tidak melambai-lambaikan keris semasa Perhimpunan UMNO Yang Berhormat. Siapa yang melakukan perkara itu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi 13 Mei... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini cerita-cerita sejarah, cerita-cerita lama. Kita melangkah ke hadapan. Jadi dalam semangat itu, saya ingin nasihatkanlah kedua-dua pihak tarik baliklah. *To be fair* dengan izin.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya minta...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *I will take your advice.* Saya akan terima nasihat tetapi saya minta Yang Berhormat Arau supaya tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Yang Berhormat tarik balik UMNO parti perkauman.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya mengatakan kenyataan itu adalah berasaskan kepada fakta yang telah berlaku. Bukankah Yang Berhormat Pasir Salak... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini pokok masalahnya. Yang Berhormat Jelutong merujuk kepada fakta, kononnya fakta, Yang Berhormat Arau pun merujuk kepada kononnya fakta, tidak ada kesudahan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No,* Tuan Yang di-Pertua. Perbezaan Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada tingkah laku Yang Berhormat Pasir Salak yang mengadakan satu perhimpunan dan mengeluarkan kenyataan-kenyataan. Permintaan saya adalah supaya perkara itu tidak diulangi. Berbanding dengan Yang Berhormat Arau yang terus membuat fitnah terhadap kami.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi saya mendengar ucapan tadi, Yang Berhormat Jelutong juga merujuk kepada UMNO. Itu yang menimbulkan *reaction* ini, tindak balas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Inilah yang menimbulkan kemarahan saya yang amat sangat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, kalau Yang Berhormat Arau hendak mengatakan bahawa DAP adalah bapak perkauman, janganlah gunakan kenyataan itu. Tuan Yang di-Pertua sudah nasihatkan.

■1810

Tuan Yang di-Pertua: Tarik baliklah dua-dua, tarik balik. Kalau tidak...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Kita berhenti pukul 7.30 malam ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cukup Yang Berhormat sebab masa saya sudah termakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No. Saya masih berpegang kepada kenyataan bahawa Yang Berhormat Arau membuat tuduhan bahawa tuduhan yang pokoknya, Tuan Yang di-Pertua, DAP mencetuskan kejadian 13 Mei. Itu adalah perkara yang tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tarik balik, tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta beliau tarik balik kenyataan itu. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya tarik balik dan biarlah sejarah tinggal sejarah.

Yang Berhormat, yang keduanya, saya minta supaya manifesto yang telah diunjurkan oleh PH itu...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak faham, Yang Berhormat Arau. Sejarah tinggal sejarah— tarik balik atau tidak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya tarik balik perkataan saya tetapi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar, sebentar. Saya ada dua telinga saja. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau apa yang ada dalam sejarah, biarlah tinggal sejarah, kita tidak mahu ingat lagi. Okey, Yang Berhormat, cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini, Yang Berhormat Jelutong, saya telah mengeluarkan pandangan yang cukup baik, okey?

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ini fasal Yang Berhormat Menteri Kewangan sering menyebut bahawa kita hanya ditinggalkan oleh kerajaan dahulu RM450 juta. Akan tetapi, Yang Berhormat kena sedar bahawa bajet pada tahun ini diluluskan pada tahun lepas dan diluluskan oleh Parlimen dan kita semua Ahli-ahli Parlimen dapat elaun Parlimen. Akan tetapi tiba-tiba bila PH ambil alih, PH telah memberi *tax holiday*, dengan izin, selama tiga bulan yang mana kutipannya hampir berjumlah mungkin RM11 bilion. RM11 bilion ini ialah bukan untuk kita seronok-seronok untuk menerimanya tetapi ini ialah amanah yang mereka tidak sewajarnya berbuat demikian. Kalau mereka kutip cukai, sudah pasti kita ada RM11 bilion tetapi kita mengungkit bahawa mereka hanya ada *reserved* RM450 juta tetapi RM11 bilion yang sepatutnya dikutip dan dibelanjakan kepada rakyat, kita tidak belanja, menyebabkan kita ada masalah. Orang PH pun ada masalah, kami memang lagi masalahlah.

Saya ingat mereka tidak dapat membuat pelbagai bayaran dan sebagainya. Kena potong duit masjid, SJKC tidak potong dan lain-lain lagi termasuk projek-projek kecil. Di Perlis, di

Parlimen Arau yang mana tiap-tiap projek itu bernilai RM20 ribu, jumlah semua lebih kurang RM10 juta, itu pun ditarik. Pembinaan masjid, RM2 juta tarik. Pembaikan kompleks sukan UiTM ditarik. Semua ditarik kerana alasannya tidak ada duit dan dalam masa yang sama mereka nak kaji semula dan sebagainya.

Perbuatan ini tidak wajar berlaku. Walaupun dulu pemerintahan daripada Barisan ke Barisan tapi kita tidak pernah melakukan sekurang-kurangnya untuk memberi hukuman kepada projek-projek kecil. Ia melibatkan rakyat. Rakyat yang akan sengsara adalah rakyat yang memberi sokongan kepada PH. Mereka yang memberi sokongan kepada kami okey, tapi yang memberi sokongan kepada PH majoriti. Kalau kita potong projek itu, mana tahu orang PH sendiri yang tumpang sengsara. Kita ingat dalam satu kampung, dalam satu jalan ada orang PH ada orang Barisan. Tidak saja orang Barisan yang sengsara tetapi orang PH pun sengsara. Ini adalah satu perbuatan yang tidak wajar berlaku dan kita minta dikaji semula.

Yang berikutnya ialah berhubung dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan bahawa pembangunan wilayah akan diaktifkan semula. Saya menyokong dan saya isytiharkan saya dulu ialah pegawai PTD, pegawai kerajaan yang jaga Bahagian IADP, pembangunan wilayah. Saya menyokong tapi malangnya semasa menyebut pembangunan wilayah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lupa menyebut Perlis. Perlis tidak disebutkan wilayah tetapi masa kajian IADP dulu, Perlis ada wilayah. Jadi kita minta supaya pembangunan wilayah diwujudkan di Perlis terutamanya kawasan di luar MADA.

Kalau tidak, lagi sekali, walaupun Perlis Barisan Nasional yang memerintah tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan Perdana Menteri PH. Dia Perdana Menteri rakyat Malaysia, kepada semua orang. Kita sebagai orang Islam kita kena ingat, bila kita pegang jawatan, kita pegang amanah. Tuan Yang di-Pertua pegang amanah sebab di akhirat nanti Tuan Yang di-Pertua di antara orang yang dipanggil ke hadapan oleh Allah SWT untuk melihat berlaku adil ataupun tidak iaitu hakim-hakim. Hakim-hakim akan dipanggil dulu, kemudian *ulil amri* macam kami duduk belakang. Allah nak tengok sejauh mana kita berlaku adil bila kita diberi amanah. Saya ingat Menteri liberal agama ada di sini? Tidak ada.

Jadi, kita nak tengok sejauh mana kita boleh berlaku adil kepada rakyat. Kalau sekiranya Yang Amat Berhormat jadi Perdana Menteri kepada rakyat Malaysia, mesti ada sifat kasih sayang. Kalau tiap-tiap Perdana Menteri jadi Perdana Menteri kepada orang yang menyokongnya saja, saya ingat ini jadi kelam kabut. Ini tidak pernah berlaku dalam Barisan Nasional. Itu sebab ramai pegawai-pegawai kerajaan yang diambil terutamanya pegawai-pegawai PTD, ramai daripada kalangan DAP, Amanah, Bersatu, Bebas dan *of course* lah ada PAS, ada Barisan. Ramai.

Dan kita tidak pernah tanya kamu daripada mana, PH kah? Akan tetapi sekarang ini nampaknya sudah ada pemikiran untuk melihat kamu ini menyokong PH ataupun tidak. Itu bukan cara kita mentadbir. Kita menang, ini amanah, bukan untuk dipestantakan ataupun di pesta arak kan tapi menang hendaklah kita ingat kita pegang amanah. Jadi, saya minta supaya dibagi

pembangunan di Perlis itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dengan ihsannya untuk mempertimbangkan pembangunan di Perlis.

Kemudian, mengenai 18 tahun boleh mengundi. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua setuju dengan saya, kita boleh bagi 18 tahun, mereka ini baru habis SPM ataupun STPM. Bayangkan otak mereka kena mendengar pandangan untuk menentukan siapa kerajaan. Pemikirannya mesti ke arah lulus peperiksaan. Saya cadangkan kalau nak turun, turunlah kepada 20 tahun, bukan 18 tahun. Terlampau muda untuk dia buat keputusan. Bayangkan kita balik rumah tiba-tiba anak kita yang nak ambil SPM bercakap politik. Sudah pasti kita resah gelisah sebab kita nak dia lulus peperiksaan, bukan bercakap politik. Jadi kalau sekiranya kita nak bagi rakyat Malaysia boleh mengundi, bagilah mengundi di umur 20 tahun dan bukan 18 tahun.

Kemudian *South China Sea*. Ini saya cukup kena ulang berkali-kali sebab Tun pesan kalau suatu benda itu *hat* bagus disimpan, dia jadi tidak bagus dan yang tidak bagus diulang berkali-kali, dia jadi bagus. Jadi Laut China Selatan atau *South China Sea*, ini untuk orang-orang Sarawak terutamanya. Kita tahu bahawa Laut China Selatan mesti bersih. Laut China Selatan di Indonesia bersih, tidak berani mana-mana kapal asing masuk. Pernah satu kapal *Coast Guard China* masuk ke sana, mereka kejar dengan enam buah kapal perang keluar daripada sana dan datang balik ke kawasan Malaysia. Kita kena bersihkan kawasan Laut China Selatan daripada unsur-unsur asing.

Hak Malaysia, hak Malaysia. Hak Vietnam, hak Vietnam. Hak Filipina, hak Filipina. Hak Indonesia, hak Indonesia. Itu sebab Kerajaan Indonesia memperkenalkan pendekatan bahawa mana bot asing yang masuk, mereka akan bom ataupun bakar. Di Malaysia, kita perkenalkan benda yang sama, kita bom ataupun bakar tetapi kita hanya boleh buat melalui proses undang-undang. Setelah mahkamah hukum, baru kita boleh tenggelamkan bot yang berkenaan.

Kita minta supaya kapal asing *Coast Guard China* yang berada di Beting Patinggi Ali mesti berlayar keluar. Kalau kita tengok daripada udara dalam jarak yang dekat, mungkin 500 kaki, kita boleh nampak bahawa mereka memang tidak meletakkan sauh. Mereka hanya nampak macam *floating*, dengan izin, tetapi mereka tidak boleh berada dengan begitu lama daripada tahun 2013 sampai sekarang sebab kawasan ini ialah kawasan sumber minyak dan gas asli di antara yang terbesar. Kalau sekiranya kita biarkan mereka berada di sana, kita bimbang— saya ulang balik di Parlimen ini— bahawa orang yang duduk di sesuatu tempat itu lama, mereka boleh membuat tuntutan nanti bahawa mereka menggunakan tempat itu lama seperti yang berlaku di 'Bukit Puteh'.

Tuan Yang di-Pertua: Batu Puteh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Batu Puteh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang arif lagi bijaksana. Pulau Batu Puteh. Jadi, Beting Patinggi Ali kita minta untuk membolehkan supaya kita berada di sana, supaya kehadiran APMM dan juga *navy* mestilah berada di sana sepanjang masa supaya boleh kita memantau pergerakan mereka. Kita mestilah berada daripada Beting itu dengan jarak tiga kilometer, bukan keadaan sekarang di mana kita

berada 20 kilometer daripada Pantai Beting padahal mereka berada dalam jarak lebih kurang 10 kilometer.

■1820

Kemudian yang berikutnya ialah saya ulang sekali lagi sebab tidak ada jawapan yang diberikan iaitu berhubung dengan pegawai kontrak. Pegawai kontrak lagi sekali saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa kita bukan menghukum kepada individu tetapi kita telah menghukum keluarga mereka. Tidak bersedih kah? Saya, masa berlaku kepada Yang Berhormat Permatang Pauh dulu, masa dia berumur 17 tahun, saya sedih. Saya sedih dengan apa yang berlaku kerana melihat dia ialah keluarga kepada Yang Berhormat Port Dickson. Jadi, saya sedih dan saya adalah orang yang cukup sukar untuk menangis dalam hidup saya tetapi masa itu saya keluar air mata melihat keluarga kena menanggung sengsara di atas perkara yang berlaku kepada ketua keluarga.

Ini demikian juga kontrak 4,000 PLKN kena berhenti. Bayangkan mereka sudah berkeluarga, kita telah menghukum keluarga. Bukan satu benda yang mudah. JASA, kita hukum JASA, termasuk juga jabatan-jabatan lain. Ini oleh kerana kerajaan tidak ada duit, kerajaan juga telah mengenakan syarat supaya APM, APM sekarang ini dan sebahagian daripada mereka hanya boleh bekerja lapan hari sebulan, mereka diberi elaun RM6 satu jam. Jadi, lapan darab enam dapat RM48, lapan hari sebulan. Kita telah umumkan kenaikan elaun, daripada RM6 kepada RM8 kepada bomba, RELA, Wataniah dan APM tetapi kerajaan hanya membisu tentang perkara ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mohon penjelasan sikit Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh tidak seminit sahaja?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Penjelasan. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Arau. Tadi, Yang Berhormat Arau sebut tentang pekerja kontrak. Adakah Yang Berhormat Arau mencadangkan pekerja-pekerja kontrak ini diserap sebagai pekerja tetap sebab kerajaan dulu tidak buat. Kalau pekerja kontrak ini hanya disambung kontrak sampai satu tahap ketika usia lebih lanjut, lebih sukar untuk mereka mencari kerja. Jadi, mohon penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dulu kita buat Yang Berhormat. Kita syaratkan selepas 15 tahun kalau saya tidak silap, mereka ditetapkan, buat Yang Berhormat, cukup buat. Sekarang ini mereka bukan sahaja tidak ditetapkan tetapi kontrak disambung, Yang Berhormat tak payah bagi tetap, bagi sambung. Oleh sebab Yang Berhormat baru lagi, masa Yang Berhormat *baby* lagi saya dah masuk politik ya.

Jadi, kita minta supaya mereka sambung, Yang Berhormat sambung kontrak. Sedih, Ya Allah Ya Tuhanku, saya sendiri orang yang tidak bermaya duit tetapi saya tolong mana-mana kontrak yang tidak mampu berterusan supaya tolong sikit-sikit bagi token dengan izin supaya mereka boleh meneruskan kehidupan sementara kita berunding dengan pihak kerajaan supaya jangan buang pegawai-pegawai kontrak demikian rupa. Tidak manis ya, tidak bagus.

Kemudian Yang Berhormat yang saya pergi kepada orang asing. Saya menyokong sahabat saya daripada Kelantan tadi, Timbalan Presiden PAS iaitu berhubung dengan orang

asing. Orang asing ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua pun bimbang, Ahli Parlimen pun bimbang, Yang Berhormat Bera pun bimbang, semua orang bimbang. Kita bimbang— saya suka makan aiskrim. Jadi, tiap-tiap kali kita hendak cari aiskrim mesti jumpa puak-puak Pakistan. Saya pun kadang-kadang, minta *your* passport, minta *passport*, semua passport pelancong. Tidak ada permit kerja dan sebagainya. Bila saya kata, “*Kita kena ambil tindakan, jom kita pergi balai*”, dengan izin “*You know my father sick, my mother sick, my daughter sick, my sister sick, my wife sick, everybody sick and sick also, sick also, heart problem, heart problem, heart problem*”.

Jadi, kita pun kata okey lah, atas dasar simpati. Jadi, kita hendak beritahu bahawa mereka datang berniaga. Dulu, datang berniaga kita bagi syarat mesti orang yang mempunyai RM5 juta ke atas berniaga. Sekarang ini bukan datang berniaga RM5 juta ke atas, semua kedai runcit, dia ada sindiketnya. Kalau kedai karpit, ha! Ini dia puak-puaknya. Kalau aiskrim, ini puak-puaknya, kedai runcit, ini puak-puaknya. Kedai runcit diturun pada orang India terutamanya. Kalau karpit Pakistan. Jadi, kalau jual kacang-kacang Iran. Kalau tipu-tipu sikit, belah Afrika dan sebagainya.

Jadi, kita lihat, kita bimbang dengan kehadiran orang asing ini yang mampu memberi kesan kepada rakyat Malaysia. Kalau sekiranya diberi angka lebih RM15 bilion duit yang dihantar keluar, ini adalah satu angka yang cukup besar. Di antara negara yang paling besar menerima duit asing walaupun pembangunan kurang tetapi mereka boleh *survive* dengan izin ialah Indonesia dengan Philippines. Duit asing masuk kerana dia hantar pekerja-pekerja luar dan sebagainya. Akan tetapi Malaysia menghantar duit keluar dengan mengambil pekerja asing masuk.

Pertama, pekerja asing ada dua jenis. Satu yang secara sah, yang satu lagi ialah secara tidak sah. Yang tidak sah ini mungkin lebih ramai daripada yang sah. Jadi, supaya kerajaan memikirkan balik bagaimana hendak selesaikan pekerja asing terutamanya bila mereka yang datang berniaga dan membuat pekerjaan sebagai pekerja yang sah dan tidak sah. Kalau sekiranya satu orang sah di sebuah kedai, kita lihat akan ada sepuluh orang yang tidak sah. Jadi, tolong tengok balik.

Di pengakhirannya, saya tidak akan berhenti menyebut perkara ini, Yang Berhormat Jelutong ya. Walaupun Yang Berhormat Jelutong, saya tahu tengah bersedih sebab Pulau Pinang tidak jaga hutan, tiga *landslide* dengan izin telah berlaku, tiga kali Yang Berhormat. Ada orang suruh bagi pantun tetapi saya tidak mampu baca pantun ini, agak keras sikit sebab saya tidak mahu jadi orang macam itu.

Akan tetapi di antaranya ialah Bukit Kukus, Paya Terubong. Jadi, ini *depa* bagi pantun, saya tidak mahu baca sebab saya tidak sampai hati sebab saya kasihan dekat Yang Berhormat Jelutong. Kalau baca pantun ini sudah pasti Yang Berhormat, saya bersimpati dengan apa yang berlaku. Tidak boleh baca sebab nanti saya nampak jahat, buat apa saya jadi jahat, padahal saya memang baik.

Okey Yang Berhormat, Yang Berhormat bersetuju bahawa tidak patut kita mengutamakan pembangunan tanpa membuat kajian alam sekitar. Alam sekitar di Malaysia ini

rosak Yang Berhormat kerana kita membiarkan pembalakan di peringkat berleluasa. Yang Berhormat tahu bahawa dulu, kalau kita pergi tengok di sungai-sungai di sebelah Pantai Timur, airnya biru, hijau. Akan tetapi sekarang ini kopi susu Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *Penang, Penang.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penang lagi teruk sebab apa, ada sedikit hutan mereka dah potong, akhirnya berlaku *landslide*. So, dah tiga kali. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan murah hati menjawab bagi pihak PH bahawa semua ini berlaku kerana keadaan cuaca. Jadi, dia hendak selamatkan Menteri Kewangan kerana zaman Menteri Kewangan ini lah yang berlaku banyak kecederaan alam. Jadi, kita minta supaya...

Seorang Ahli: Jambatan runtuh, lepas ini ekonomi runtuh pula.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, jambatan runtuh ekonomi runtuh. Jadi, Yang Berhormat Tanjong Karang, saya ulang balik yang itu ya. Okey, berbalik tadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta haramkan balak, haramkan balak.

Seorang Ahli: Pembalakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pembalakan.

Seorang Ahli: Bukan balak.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ha! Dua-dua jalan. Okey, haramkan pembalakan di seluruh negara. Isytiharkan haram hari ini, sudah pasti esok kita akan mendapatkan pengiktirafan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Termasuk Kelantan dan Pahang juga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya akan pergi ke Moscow pada esok hari bersama dengan kawan-kawan saya daripada PAS. Oleh kerana DAP dengan PKR, PH dan Amanah tidak mahu hantar wakil, persidangan parti-parti politik dunia di Moscow. Akan tetapi parti politik yang hadir dari Malaysia ini hanya UMNO dan juga PAS. *Hat* yang lain tidak berminat. Kalau mereka berminat, masih ada masa untuk saya buat visa supaya boleh ikut saya. Bayar tambang sendiri, di sana saya bagi *free* semua. [*Dewan riuh*] Jadi, saya minta Yang Berhormat Jelutong ikut saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya bagi tiket percuma dan juga penginapan semasa di Moscow sebab apa, saya hendak bagi Yang Berhormat Jelutong tengok sendiri, betapa parti-parti...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, terima kasih. Saya akan pertimbangkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, bagi pasport kejap lagi ya. [*Dewan ketawa*] Supaya kita tidak perlu pergi lobi menggunakan duit yang banyak untuk minyak kelapa sawit kita dihalalkan. Melalui parti-parti politik di Asia, kita boleh melobi mereka tanpa menggunakan wang yang banyak. Jadi, ini yang paling penting supaya kita sentiasa nampak

baik, jadi orang akan melihat kita baik. Akan tetapi kalau kita nampak, cengil, garang, bergaduh sesama sendiri, menuduh parti itu perkauman dan sebagainya, orang pun benci dekat kita.

Yang Berhormat kena kata UMNO ini parti yang baik kerana telah melahirkan dua pemimpin negara yang besar iaitu Yang Berhormat Langkawi dan juga Yang Berhormat Port Dickson. Kena cakap macam itu Yang Berhormat. Jadi, PH terhutang budi kepada UMNO kerana UMNO melahirkan pemimpin-pemimpin yang baik, melahirkan hakim yang hebat sehingga menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada hari ini. *[Dewan ketawa]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat, Tumpat minta laluan sikit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, saya dengan ini menyokong dengan pindaan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kepada RMKe-11 yang telah dibawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan sikit Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Arau, berkenaan dengan saranan daripada Yang Berhormat Arau mengenai langkah supaya tidak mengusahakan hasil kawasan hutan simpan di seluruh negara dan beberapa hari lepas pun Yang Berhormat daripada Arau telah menyebut perkara yang sama.

■1830

Saya ada kemukakan soalan kepada Menteri, namun tidak dijawab dengan baik. Cuma saya mahu tanya pandangan daripada Yang Berhormat Arau sendiri apabila Kelantan sebagai contohnya, yang merupakan negeri di antara yang mempunyai kawasan antara yang terluas dalam negara kita yang masih mempunyai kawasan hutan simpan yang baru-baru ini Perdana Menteri boleh berbangga kepada dunia bahawa sepanjang penggal lepas kita tidak meluluskan kawasan baru untuk pembalakan. Kerajaan negeri juga dalam perkiraan untuk maknanya kiranya mendapat sumber pendapatan yang ter hak kepada negeri iaitu royalti petroleum akan mempertimbangkan untuk tidak mengeluarkan hasil hutan.

Satu cara lagi kaedah ialah dengan cara Kerajaan Pusat memberikan imbuhan ataupun pampasan. Oleh kerana negeri-negeri ini termasuklah Pahang seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong, yang masih mempunyai kawasan hutan yang luas. Sudah tentulah banyak hasil yang boleh dikeluarkan daripada kawasan hutan ini tetapi mereka mengambil keputusan untuk tidak mengeluarkan hasilkan kawasan ini dalam usaha untuk menjaga hutan. Apakah Yang Berhormat boleh bersetuju kiranya Kerajaan Persekutuan, atas alasan tadi membayar, maknanya apa yang kos melepas ataupun hasil melepas yang boleh diperoleh oleh negeri ini, memberi pampasan ataupun imbuhan untuk sama-sama menjaga kawasan hutan ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya boleh jawab sedikit Tuan Yang di-Pertua ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas saja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Seminit ya, ringkas. Saya setuju Yang Berhormat. Kerajaan Barisan dulu dalam usaha untuk membayar pampasan, lebih kurang pampasan kepada negeri-negeri supaya hentikan balak, Kerajaan Persekutuan akan mempertimbangkan pampasan ataupun perkara-perkara yang berkaitan. Ini memang saya setuju, masuk dalam ucapan saya sekali lagi supaya Kerajaan Pusat mempertimbangkan, termasuklah kepada Kedah dan lain-lain lagi. Yang Berhormat telah menyebut tadi tentang royalti. Itu juga saya minta Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan.

Kena ingat, royalti minyak ini hendaklah diberi kepada semua negeri. Oleh kerana kawasan minyak berada dalam kawasan Federal, bukan *state*. Jadi bagi semua negeri, Kelantan kena bagi, Perlis pun kena bagi, Sabah Sarawak memang kena bagilah dan sebagainya. Jadi, kita menyokong saranan daripada Yang Berhormat Tumpat dan jadikan ia sebahagian daripada ucapan saya. Jadi, sekali lagi saya menyokong dengan pindaan, Tuan Yang di-Pertua, kepada RMK ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kangar. Perlis juga ya? Seiring.

6.33 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli sidang Dewan yang saya hormati sekalian. Pertama sekali saya ucapkan terima kasih atas ruang untuk berucap dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang sangat penting pada hari ini. Kenapa saya katakan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini penting? Oleh kerana ia sebagaimana diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah dokumen dasar yang pertama yang dibacakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan di Dewan yang mulia ini.

Kalau kita lihat dalam dokumen yang tebal ini, ia bukan sahaja menyatakan hala tuju baharu yang cuba dikemukakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan tetapi juga menunjukkan juga pencapaian selama tiga tahun sebelum ini. Sudah tentulah dalam laporan pencapaian terdahulu ditunjukkan bahawa ada perkara-perkara yang dapat dicapai, ada yang sedikit tersasar dan juga beberapa perkara tambahan yang jelas bagi saya menunjukkan bahawa sebagai sebuah kerajaan sekalipun, walaupun kita punya cukup data, kita yang merancang pembangunan kita dari tahun ke tahun, sebenarnya agenda pembangunan ini tidaklah semudah sebagaimana kita merancang atau menulis.

Jadi, kita agak hairan oleh kerana kawan-kawan kita di barisan pembangkang dulu dia lama dalam kerajaan, dia tahu kesulitan dalam melaksanakan sesetengah agenda. Akan tetapi hari ini dia bercakap seolah-olah manifesto ini macam seolah-olah manifesto yang dia dulu, dia dapat laksanakan 100 peratus. Sedangkan jelas dalam dokumen kerajaan sendiri yang mengawal, yang mempunyai segala kuasa pun tidak dapat nak laksanakan sepenuhnya.

Namun, saya percaya itu juga bukan alasan. Saya sangat gembira apabila membaca dalam tempoh yang ada sejak dapat dokumen ini, saya sempat membaca hampir setiap muka surat, kita *glimpse through*. Oleh kerana dalam kajian separuh penggal ini turut memasukkan agenda-agenda yang telah digariskan, sebahagian besarnya dalam Manifesto Pakatan Harapan dan juga menyejajarkannya dengan *a sustainable development goals* ataupun matlamat pembangunan mampan yang telah diumumkan sebelum ini.

Cabaran bagi jangka masa sederhana dan orang kata- ini juga perlu saya sebut di sini kerana dalam pengalaman saya sebelum ini, pernah berkhidmat sebagai pegawai kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Selangor semasa zaman Tan Sri Khalid Ibrahim. Ketika kita membuat belanjawan tahunan, saya dapati ada jurang yang perlu kita fikirkan. Oleh kerana kalau Kajian Separuh Penggal ini tentulah mengambil perancangan dalam tempoh sederhana.

Akan tetapi dalam konteks belanjawan, kita merancang dari tahun ke tahun yang mana dalam tahun ke tahun ini kita tengok misalnya sebagai contoh, bila kita nak pakai lampu jalan, sebagai contoh kalau kita hendak pakai lampu jalan yang bersifat hijau, kosnya mungkin lebih mahal kalau kita lihat dalam konteks belanjawan tahunan. Akan tetapi untuk jangka masa panjang ataupun jangka masa sederhana, ia sebenarnya lebih jauh menjimatkan. Jadi, saya mungkin minta nanti pihak kerajaan untuk dapat jelaskan sedikit sejauh mana *rigid* nya kita akan mengikut dokumen yang telah kita usulkan ini. Sejauh mana pula keanjalan ataupun fleksibiliti kita dalam melaksanakan rancangan-rancangan ini.

Saya juga gembira melihat matlamat pelbagai dimensi yang ada di dalam- yang telah diteruskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Di mana jelas menggariskan antara lain ialah kepentingan golongan-golongan ataupun kawasan-kawasan yang ketinggalan ataupun miskin dalam arus pembangunan negara. Jelas bagi saya ini adalah satu manifestasi sokongan ramai kepada Pakatan Harapan semasa Pilihan Raya Umum ke-14. Hari ini walaupun kita tahu kebanyakan negeri-negeri yang dikategorikan negeri termiskin di Malaysia, di sebelah utara ataupun negeri saya sendiri, negeri Perlis, di Pantai Timur, bahkan di Borneo.

Kita tahu walaupun kebanyakan negeri-negeri ini sebahagiannya miskin, jelas kerajaan baharu tetap memberikan perhatian. Maksudnya dalam perancangan kita, kita tidak pernah mengabaikan keperluan pembangunan. Saya berharap agenda inilah yang akan terus diperkukuhkan dari semasa ke semasa dalam tempoh walaupun berbaki hanya dua tahun. Saya percaya nanti dalam kerajaan yang sama juga akan berkesempatan untuk menggubal Rancangan Malaysia Kedua belas. Jadi, akan diteruskan dengan objektif yang sama.

Seterusnya, baki masa yang ada ini saya akan menyentuh enam tonggak yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dijelaskan oleh beliau dalam Kajian Separuh Penggal ini yang lebih tebal. Kalau kita tengok dalam dokumen yang tebal ini dan juga dalam pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, diumumkan bahawa perubahan, tadi ada juga dibahaskan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tentang defisit fiskal. Kalau ikut dalam rancangan kerajaan terdahulu mungkin dapat diseimbangkan ataupun merosot kepada 0.6 peratus pada tahun 2020.

Saya mungkin ingin hendak menjawab sedikit ataupun menjelaskan sedikit kepada Yang Berhormat Ayer Hitam ataupun kawan-kawan kita di sebelah sana. Bagi saya, saya menerima anggaran baru defisit ini kerana bagi saya lebih realistik dalam konteks kita lihat- dalam konteks perancangan cukai yang baru oleh kerajaan semasa. Juga kalau kita mengimbuai pengalaman pentadbiran terdahulu. Kita lihat memang rancangan atas kertas itu cantik, hendak mengurangkan defisit. Akan tetapi apa yang berlaku walaupun diumumkan dalam laporan ekonomi dari tahun ke tahun disebut mahu melaksanakan konsolidasi fiskal ataupun dalam maksud yang lain ialah kita hendak mengurangkan defisitlah.

Akan tetapi apa yang berlaku kita tengok pemotongan belanjawan dibuat kepada sektor-sektor yang bagi kita bersifat kritikal. Kita tengok misalnya, peruntukan kepada hospital dikurangkan, peruntukan kepada pendidikan dikurangkan. Jadi, selain daripada pengaruh Manifesto Pakatan Harapan ataupun mungkin ketokohan pimpinan-pimpinan Pakatan Harapan, pihak di sebelah sana juga harus sedar bahawa kegagalan mereka memahami konsolidasi fiskal yang dibuat sehingga menjejaskan kualiti asas kehidupan rakyat ini juga menyumbang kepada kekalahan mereka semasa pilihan raya.

■1840

Bayangkan saya sudah sebut sebelum ini. Bayangkan ibu bapa yang sebelum ini hantar anak-anak ke sekolah tidak pernah- tidak pernah-pernah sekolah minta sumbangan. Maknanya ibu bapa kena bagi sumbangan kertas A4. Satu keluarga satu rim. Jadi dengan hanya mesej itu sahaja sudah cukup untuk ibu bapa bertanya. Kerajaan kata ekonomi semua elok tetapi kenapa sampai sumbangan satu rim kertas A4 pun nak kena minta daripada ibu bapa? Jadi kerajaan yang sebelah sana kena sedar bahawa perancangan ini kita bukan hanya nak elok atas kertas tetapi sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia kena menuju kepada objektif *shared prosperity*. Kemakmuran yang kita kongsi bersama.

Seterusnya saya menyokong kebanyakan- boleh dikatakan semua perkara yang disebut dalam reformasi tadbir urus daripada objektif untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan, mari kita menyokong usaha-usaha untuk mengasingkan peranan Peguam Negara dan juga pendakwa raya. Kita menyokong kuasa autonomi kepada Parlimen melalui Akta Perkhidmatan Parlimen. Kita menyokong pertanggungjawaban SPRM dan SPR di bawah Parlimen yang mana sedikit sebanyak juga akan melibatkan kawan-kawan kita di sebelah sana. Kita juga menyokong pelantikan jawatan utama SPRM, SPR, Jabatan Audit Negara dan juga Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Kita juga menyokong apa yang Perdana Menteri umum yang disambut baik seluruh negara untuk mengehadkan jawatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri serta memperkenalkan *hisbah* ataupun *ombudsman* yang akan meningkatkan pertanggungjawaban pihak kerajaan.

Jadi bila kita ada satu sistem, *insya-Allah* kalau kerajaan mana-mana pun kalau kita ada institusi yang baik, mereka juga akan terikat dengan sistem yang sama. Jadi barulah kata pertukaran kerajaan bukanlah jadi satu benda yang *taboo*. Jadi kita tidak menganggap mana-

mana pihak yang menjadi kerajaan berkuasa sepenuhnya tetapi sebaliknya setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab yang sama kepada rakyat.

Dua perkara yang saya nak sentuh sedikit dalam tonggak. Pertama, yang diumumkan oleh Perdana Menteri ialah berkenaan dengan reformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam ini ialah berkaitan dengan tadi satu sistem belanjawan yang disebut di sini yang mana kalau kita tengok dari tahun ke tahun dan juga dimasukkan dokumen ini, sebelum ini disebutkan bahawa pergantungan kita kepada hasil minyak itu sudah semakin berkurangan. Ini bagi saya sangat penting kerana kalau kita terus menerus bergantung kepada hasil minyak, kita juga akan terdedah kepada ketidakpastian harga pasaran global. Jadi saya berharap mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Menteri yang berkaitan dapat menjelaskan sejauh manakah kita nak bergantung kepada hasil minyak pada masa yang akan datang.

Saya juga nak menyentuh tentang dalam konteks sistem belanjawan ini ialah tentang bayaran persaraan dan juga emolumen. Kalau kita tengok kombinasi bayaran emolumen dan juga persaraan ini cukup tinggi. Mencecah sekitar 50 peratus. Kenapa saya sebut hari ini ialah kerana hari ini tadi saya sebut tentang pegawai kontrak kerana ini juga harus dipertimbangkan kerana semakin besar saiz perkhidmatan awam, semakin besarlah jumlah bayaran persaraan dan juga emolumen yang kita perlu tanggung. Kenapa saya sebut ini sekarang? Ini kerana saya pernah sebut dalam Perbahasan Titah Tuanku.

Hari ini kita tengok 54 peratus rakyat Malaysia yang simpanan KWSP (EPF) kurang daripada RM50,000 selepas dia bersara. Kita kena ingat hari ini kita bercakap mungkin hari ini dalam konteks Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi kita kena memandang lebih jauh lagi bahawa pada masa akan datang, kami, generasi muda yang mungkin akan tua lagi 20 hingga 30 tahun di mana kalau diikuti unjuran dari segi perkembangan penduduk di Malaysia, dianggarkan sekitar tahun 2030, kita akan ada 15 peratus golongan pesara dan pada tahun 2050 nanti kita akan ada lebih kurang 30 peratus golongan pesara. Bermakna apa? Bermaksud kerajaan pada masa itu akan mempunyai tanggungan persaraan dan juga emolumen yang tinggi kalau kita terus kekalkan cara pengambilan kakitangan awam.

Oleh sebab itu saya tahu pihak di sebelah sana semasa mereka menjadi kerajaan, mereka pun tahu, mereka sedar tentang perkara ini tetapi mereka takut untuk mengambil risiko untuk bercakap secara terus terang bahawa saiz kerajaan mungkin perlu diwajarkan supaya sesuai dengan kedudukan ekonomi negara.

Tadi kebetulan saya tengok berita sekejap. *Berita Harian* menyatakan 76 peratus kakitangan awam kita, pendapatannya berada di bawah RM5,000. Inilah yang nanti kita sebut hari ini 54 peratus pencarum KWSP ini yang ada simpanan hanya RM50,000 ke bawah. Jadi generasi inilah yang akan berterusanlah kitaran ini pada masa akan datang sekiranya kita hanya nak mewujudkan peluang kerja sekadar nak beri kerja tetapi kita seharusnya memikirkan cara-cara yang lain supaya pekerjaan yang kita tawarkan itu biarlah setimpal bukan sahaja setakat hari ini tetapi pada masa akan datang.

Saya juga ingin menyentuh sedikit – kebetulan hari ini saya dapat panggilan daripada kakitangan saya di kawasan. Katanya ada aduan yang disampaikan oleh bekas-bekas pekerja, pesara yang dulu bekerja dengan KTM, Telekom, Lembaga Elektrik Negara. Mereka yang bekerja sebelum diswastakan. Hari ini pencen yang mereka dapat hanya lebih kurang RM150 sebulan. Jadi golongan inilah yang paling terkesan dengan sebarang ketidaktentuan ekonomi yang berlaku. Saya tidak pasti.

Baru-baru ini kita tahu dalam sidang yang lepas, Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) datang mengadu. Kalau boleh nak minta pencen mereka dinaikkan. Seharusnya kalau kita setuju, kita juga harus memikirkan bagaimana mereka yang dulu bekerja dalam sistem lama supaya sekurang-kurangnya kita ada kadar pencen minimum. Kalau kita dok bercakap tentang gaji minimum, mungkin kita juga patut memikirkan kadar pencen minimum supaya golongan warga emas yang mungkin sudah keupayaan mereka untuk bekerja pun sudah semakin berkurangan supaya mereka dapat sekurang-kurangnya memenuhi keperluan asas mereka dengan pendapatan yang ada.

Saya dalam perkara yang juga berkaitan di bawah tonggak yang pertama ini juga saya nak menyentuh tentang pemerksaan PBT. Saya percaya, sebelum ini pun saya sudah sebut sedikit. PBT ini peranannya sangat penting kerana dia berurusan secara terus dengan rakyat di peringkat bawah. Jadi saya percaya PBT perlu diberi satu latihan bukan sahaja bersifat menghukum tetapi merekalah harusnya menjadi kumpulan yang membantu kelancaran. Hari ini kita bercakap tadi banyak. Kita bercakap tentang modal insan nak melatih lebih ramai pelajar dalam bidang keusahawanan tetapi hakikatnya peluang pekerjaan terhad. Ramai yang nak bekerja sendiri. Orang Melayu terutamanya ramai yang nak berniaga tetapi ruang untuk perniagaan sangat kurang disediakan. Jadi kita minta kata kalau boleh PBT dan juga seluruh kakitangan awam dilatih bukan hanya cari cara nak dapatkan hasil untuk kerajaan tetapi bagaimana untuk memudahkan.

Dalam dunia ekonomi, orang bercakap tentang *easy of doing business* sampai ada *The Economist* sendiri wujudkan apa yang dipanggil *easy of doing business*. Jadi mentaliti penjawat awam, mentaliti kakitangan di pihak berkuasa tempatan harus dilatih juga untuk melihat di mana undang-undang untuk membantu melancarkan perniagaan.

Selain itu juga, kawasan perumahan sebab sebelum ini saya juga pernah menjadi Pengerusi Persatuan Penduduk. Saya tahu ada banyak masalah terutama di Lembah Klang kerana misalnya di Selangor, diwajibkan 100 peratus persetujuan daripada penduduk untuk membolehkan mereka pasang *boom gate* yang dipanggil sedangkan pihak polis lebih banyak dibantu bila persatuan penduduk sendiri mengambil inisiatif wujudkan skim berpengawal tetapi pada masa yang sama bercanggah pendapat dengan PBT.

Jadi, pihak PBT mungkin sepatutnya dilatih untuk bagaimana kita kata mengharmonikan pelbagai keperluan ini. Jadi jangan hanya menghukum oleh kerana ada satu atau dua aduan sedangkan ada permintaan majoriti dan orang sanggup bayar. Kita bukan suruh PBT bayar pun.

Penduduk sendiri sanggup bayar. Jadi PBT jangan hanya melihat satu atau dua aduan ini lebih besar daripada objektif yang lebih penting.

Seterusnya tonggak kedua yang saya nak sebut tadi ialah berkaitan dengan peningkatan kuasa beli. Tonggak kedua ialah memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat yang mana disentuh tentang kalau kita tengok di muka surat belakang itu dalam muka surat 14(a), perkara 39 itu disebut tentang pelbagai program dan inisiatif akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak, belia, wanita, institusi keluarga, warga kurang upaya dan warga emas. Saya hanya nak menyentuh sedikit tentang keciciran pelajar di sekolah. Walaupun dalam dokumen ini hanya menyatakan tentang keciciran pelajar B40 yang semakin berkurangan, dikatakan berkurangan antara 0.34 peratus kepada 0.29 peratus.

Saya merujuk sebab saya pernah melihat berita ini. Kenyataan daripada Timbalan Menteri Pendidikan sebelum ini. Pada November 2017 dinyatakan bahawa sebenarnya kadar keciciran meningkat secara umumnya. Angka tadi hanya B40 tetapi kadar keciciran bagi pelajar sekolah rendah sebenarnya meningkat sebanyak 0.26 peratus kepada 0.74 peratus. Maksudnya peningkatan hampir dua kali ganda. Jadi saya berharap kerajaan akan memberi lebih tumpuan supaya kita dapat melihat kerana ini perkara asas. Tadi kita bercakap – saya bercakap tentang jangka masa panjang. Kalau kanak-kanak ini tercicir dari persekolahan, kesannya hanya kita boleh lihat mungkin lagi 20 tahun, lagi 30 tahun. Waktu itu mungkin kita pun bukan tidak berada di sini lagi.

■1850

Akan tetapi itulah yang orang kata generasi yang kita harapkan tadi. Kalau saya sudah jadi tua, generasi itulah yang sepatutnya bayar cukai. Jadi kita tidak mahu, pada satu tahap, 20 tahun atau 30 tahun lagi, situasi *chaos*, huru-hara. Macam saya, macam sekarang ini mungkinlah generasi saya yang banyak bayar pencen, yang bayar tampungan untuk hasil kerajaan. Akan tetapi kalau kita semakin kurang orang untuk membayar kepada hasil kerajaan, siapa hendak menanggung saya nanti? 20 tahun atau 30 tahun akan datang. Jadi, ini juga harus dilihat dan itu di bawah prestasi bidang fokus dalam buku yang dibekalkan kepada kita.

Juga saya hendak sebut di sini ialah tentang pelaburan dan juga koridor ekonomi wilayah yang kita tengok hari ini yang disebut pembangunan koridor dan ekonomi wilayah ini hanya baru pada tahap 45.4 peratus. Kalau dalam buku ini, baru setakat itu. Maksudnya sudah separuh penggal pun belum sampai 50 peratus, kita tinggal hanya lebih kurang dua tahun lagi. Jadi saya berharap ini kerana khususnya negeri Perlis yang orang kata juga termasuk dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang sangat memerlukan. Ini kerana setakat ini, projek-projek yang pernah diumumkan dalam projek koridor utara, setakat ini terhenti, terhenti tidak diteruskan.

Saya berharap, tadi mungkin perkara ini jarang disebut. Akan tetapi, bila nanti sudah siap Terusan Kra, *Kra Canal*, saya percaya projek sebenarnya yang macam *inland port* di Perlis itu akan orang kata sangat penting dalam konteks menarik perdagangan yang lalu melalui *Kra Canal* ini untuk memasuki negara kita.

Seterusnya, tentang keutamaan meningkatkan kesejahteraan rakyat di dalam buku ini yang disentuh dalam ucapan Perdana Menteri, disebut tentang 200,000 rumah mampu milik yang disasarkan akan siap antara tahun 2018 hingga tahun 2020. Sebenarnya daripada kiraan yang saya buat daripada buku ini, jumlah sebenar yang akan disediakan tahun ini sampai ke tahun 2020 ialah 313,671. Ini kerana setakat tahun lepas, yang siap hanya 139,329 daripada jumlah keseluruhan lebih kepada 600,000 lah. Jadi sebenarnya, 200,000 itu memang kalau dijangkakan tahun 2019 dan tahun 2020, dua tahun, mungkin hanya 200,000. Akan tetapi, jika termasuk dengan tahun 2018, jumlah sebenarnya akan mencecah lebih 313,000.

Saya tengok dalam Kajian Separuh Penggal ini disentuh juga tentang peranan wakaf sebagai penyedia kepada rumah mampu milik yang ditunjukkan di dalam ini hanya dapat disediakan sebanyak 458 unit daripada wakaf. Saya percaya ini adalah sektor yang penting untuk kerajaan beri perhatian kerana saya tahu ramai kawan saya di bank yang berminat tentang perkara ini. Saya juga pernah membantu mereka untuk berhubung dengan Menteri, tetapi mungkin Menteri terlalu sibuk. Saya berharap inilah salah satu ruang yang mana mereka mahu terlibat, jadi kita harus memanfaatkan sumber daripada wakaf ini.

Berkaitan kesihatan, saya hanya hendak sentuh sedikit dalam Perkara 42, Perdana Menteri menyebut tentang memperkukuhkan sistem penyampaian penjagaan kesihatan dalam rancangan separuh penggal ini. Hanya sedikit saja untuk menaik taraf klinik kesihatan di luar kawasan saya, di kawasan Padang Besar. Cuma saya minta kerajaan beri perhatian, kerana baru-baru ini saya berdialog dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Perlis dan juga pihak hospital, dimaklumkan keperluan bahawa 3.8 juta, keperluan untuk bekalan ubat bertahan sehingga Januari 2019. Jadi saya berharap itu akan dipertimbangkan.

Seterusnya Tonggak 3 tentang pembangunan wilayah yang seimbang. Saya merujuk kepada soalan saya yang pernah ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam sidang yang lepas. Namun jawapannya agak umum. Jadi saya hendak menyentuh kembali Perkara 109 dan 110 Perlembagaan Persekutuan Malaysia tentang pemberian kepada negeri dan juga penyerahkkan cukai dan fi kepada negeri. Ini penting bagi negeri Perlis yang kecil yang penduduknya hanya lebih kurang 250,000 orang. Jadi kita punya hasil memang kecil. Hasil tahunan negeri Perlis ini hanya lebih sedikit sahaja daripada RM100 juta. Maksudnya, MBSA lagi kaya daripada negeri Perlis. MBPJ lebih kaya dari negeri Perlis.

Akan tetapi, kita bercakap hari ini tentang pembangunan wilayah yang seimbang. Saya percaya satu formula baharu diperlukan. Kalau kerajaan serius untuk membangunkan negeri-negeri yang agak ketinggalan ini, pembangunan baharu, kata satu formula baharu mesti difikirkan kerana kalau kita hendak ambil. Kalau dulu kita kata pemberian per kepala ataupun per kapita, mungkin pemberian per kapita ini hanyalah satu tambahan kepada satu pemberian tetap. Katakan misalnya setiap negeri diberi RM1 bilion setahun, jadi RM1 bilion ini, kesan dia kepada negeri Perlis ialah sepuluh kali ganda daripada hasilnya. Negeri Selangor mungkinlah RM1 bilion itu kecil. Jadi ini akan dapat membantu pembangunan itu semakin didekatkanlah.

Kenapa perkara ini penting? Saya selalu sebut, hari ini penduduk Malaysia ada lebih kurang 30 juta orang dan kita kata lebih kurang lapan hingga sembilan juta orang berada di Lembah Klang. Maksudnya lebih kurang suku rakyat Malaysia berada di sini. Sekarang sudah melimpah sampai ke Nilai, ada yang duduk Tanjong Malim pun ada yang datang bekerja di Lembah Klang. Jadi kalau kita dapat membangunkan kawasan-kawasan yang agak ketinggalan ini, kita dapat mengurangkan *stress*. *Stress* ramainya penduduk yang berada di sini, jadi mereka pun boleh balik ke kawasan. Daripada masa akan datang mereka juga boleh menyumbang kepada pembangunan di kawasan masing-masing.

Seterusnya Tonggak 4 tentang memperkasakan modal insan. Saya hanya hendak menyentuh sedikit tentang peningkatan kualiti pendidikan. Baru-baru ini Menteri ada sebut hendak menghantar guru-guru terbaik ke sekolah-sekolah yang ketinggalan. Saya percaya juga— ini banyak kali saya sebut sebelum-sebelum ini lagi. Saya percaya juga, sekolah-sekolah terbaik asrama penuh yang asalnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Razak masa dulu wujudkan untuk bawa orang-orang miskin ke satu persekitaran baharu. Hari ini kita patut hidupkan balik semangat itu. Hari ini kita patut sekolah-sekolah terbaik inilah yang kita tempatkan anak-anak orang miskin yang berpotensi cemerlang. Hari ini kita tengok ramai yang masuk sekolah-sekolah penuh tanpa niat diskriminasi, dipenuhi oleh orang-orang yang sebenarnya mampu untuk dapatkan pendidikan yang bagus di bandar pun.

Akan tetapi, mereka juga hendak masuk ke asrama penuh, menyebabkan ruang itu semakin terhad ataupun mungkin kita perlu wujudkan sekolah-sekolah khas supaya keperluan pendidikan anak-anak orang miskin ini kita dapat baiki. Ini kerana tanpa kita memperbaiki pendidikan, bagi saya pendidikan ialah *the great equalizer*. Jadi kalau kita tidak dapat baiki sistem pendidikan, kita sampai bila-bila pun akan bercakap. Kita akan terus bercakap tentang golongan tertinggal, golongan miskin dan seterusnya akan ada jurang antara orang kaya dan orang miskin.

Seterusnya, kita juga perlu memperbanyakkan – kata tadi banyak ada sebut tentang R&D. Pagi tadi saya kebetulan ada, sebelum saya masuk lewat sedikit sebab ada dialog dengan *Asia-Europe Business Association* yang datang ke Malaysia untuk berdialog. Kebetulan hanya dua orang sahaja Ahli Parlimen yang sudi hadir, saya dengan Yang Berhormat Senator Yusmadi. Mereka sangat berminat sebenarnya untuk memainkan peranan di sini dan saya menekankan tentang penting sebenarnya pelabur dan juga mungkin syarikat-syarikat awam kita melabur dalam— maksudnya mengadakan projek-projek CSR mereka untuk membantu menambah baik. Satu, sektor kesihatan kita dan juga sektor pendidikan kita.

Hari ini, daripada dulu kita banyak bercakap tentang pemindahan teknologi daripada negara-negara maju. Akan tetapi, pemindahan teknologi ini sebenarnya bukanlah hanya kita bawa dan kita minta orang-orang yang sudah berjaya bawa. Akan tetapi sebenarnya kita kena berusaha untuk membangunkan dan membina kekuatan kita dari dalam. Barulah mereka boleh menyambut teknologi apa pun yang sampai. Akan tetapi hari ini kita hanya minta teknologi, kita hanya menumpang nama. Sebab itulah hari ini, agak dikesalilah, walaupun bukan semua, kita

tengok ramai, bila berlaku pertukaran kerajaan, saya melihat ada ramai kontraktor yang seolah-olah bimbang.

Ini kerana selama ini dalam *business*, mereka hanya bergantung kepada projek kerajaan. Mereka tidak cuba memikirkan bagaimana mereka boleh buat *business* yang dalam konteks mereka cipta, penemuan baru. Jadi mereka hanya berharap dengan tender-tender kerajaan. Jadi, bila tidak ada tender kerajaan, mereka— sudah tukar kerajaan. Sebab sebelum ini mereka banyak buat projek dengan kerajaan terdahulu, mereka jadi bimbang. Seolah-olah, orang kata sudah habislah rezeki mereka.

Jadi, agenda ini memang akan mengambil masa yang lama tetapi kita tidak ada pilihan. Bagi saya pendidikan, kita mesti menyediakan pensyarah, guru-guru dan juga pelajar yang bermentaliti abad ke-21. Maksudnya, mereka mesti diasuh untuk menyelesaikan masalah abad ke-21. Sebenarnya, walaupun sekarang kita boleh kata sudah sampai masanya – Macam walaupun saya muda, saya pun rasa ketinggalan juga dengan teknologi.

Jadi, kalau generasi muda masih diasuh hanya dan juga persekitaran pendidikan mereka masih lagi bercakap tentang perkara 80-an, 90-an, mereka tidak akan mampu melihat cabaran-cabaran yang akan datang. Hari ini saya hendak sebut sedikit, misalnya pada masa akan datang bila penduduk semakin bertambah, guna tanah semakin terhad, sumber-sumber makanan, sumber-sumber mungkin hutan juga akan digunakan.

■1900

Jadi inilah cabaran-cabaran yang mereka perlu fikirkan daripada sekarang ataupun sekurang-kurangnya didedahkan di peringkat awal supaya apabila mereka menyambung pengajian, mereka sudah ada gambaran apakah yang mereka perlu fikirkan supaya tidaklah orang kata, '*sudah terhantuk baru tengadah*'.

Ini juga akan berkaitan dengan Tonggak 5 kerana salah satu contoh cabaran pada masa akan datang yang sebenarnya sudah berlaku pada masa sekarang ialah tentang batu karang. Batu karang dekat dunia ini sudah 50 *percent* berkurangan. Ini jarang disebut sebab orang kita tidak minat sangat dengan perkara-perkara alam sekitar. Apabila sudah jadi barulah kita cakap, apabila sudah runtuh cerun barulah kita bercakap. Jadi batu karang ini apa fungsinya? Fungsinya ialah untuk menyerap haba. Jadi hari ini apabila batu karang ini berkurangan, so situasi semakin panas. Jadi apakah punca batu karang ini berkurangan? Itu yang kita perlu fikirkan.

Pendidikan ini saya gembira apabila Yang Berhormat Menteri mengumumkan tentang mahu kita ambil adaptasi daripada Finland. Ini kerana Finland sudah melepasi tahap *exam oriented*, berorientasikan peperiksaan. Finland hari ini banyak bercakap tentang sebagai *phenomena-based education*. Maksudnya pendidikan berasaskan fenomena. Hari ini misalnya kanak-kanak di Finland diajar misalnya ada buat tempat menunggu bas. Kenapa orang tidak guna? Jadi pelajar-pelajar diasuh untuk berfikir melebihi luar daripada kotak. Ia bukan hanya sekadar benda itu ada dan guna tetapi mereka fikir sama ada pembangunan itu diperlukan ataupun tidak. Ini kerana zaman sudah berubah. Hari ini mungkin tidak ramai pun orang guna bas. Jadi ini yang perlu difikirkan.

Seterusnya dalam Tonggak 5, saya hanya hendak sentuh sedikit tadi pasal teknologi hijau ialah tentang pemeliharaan hutan lipur. Saya ialah lulusan daripada Sains Perhutanan. Saya belajar Diploma Perhutanan, saya belajar Bachelor Sains Perhutanan. Pengkhususan saya ialah taman dan rekreasi. Jadi saya berharap, kerajaan memberi perhatian tentang pemuliharaan hutan lipur. Oleh sebab hari ini kita ada lebih kurang 30 juta pelancong asing yang datang ke negara kita. Kita asyik-asyik cerita KLCC. Padahal antara kelebihan negara kita ialah alam sekitarnya.

Alam sekitar ini pun kalau tadi Yang Berhormat Arau kata jangan terbang, saya sebagai pelajar perhutanan kata, sebenarnya kena terbang pada tahap tertentu dan ada sistemnya. Bukan tidak boleh terbang langsung. Oleh sebab saya kata sebelum inilah, sebenarnya pokok-pokok yang muda sebenarnya membekalkan lebih banyak oksigen kepada kita. Pokok-pokok yang tua tidak banyak keluarkan oksigen. Jadi inilah alam sekitar yang kita perlu baiki. Oleh sebab selalunya kita umum macam-macam, kos penyelenggaraan kita tidak pernah fikirkan.

Tonggak 6 saya hanya nak sebut tentang bil import. Banyak kali saya sebut sebelum ini. Bil import negara kita, import makanan sebenarnya sudah mencecah hampir RM50 bilion ataupun mungkin sudah lebih sekarang ini. Kita tahu dalam sumbangan agromakanan direkodkan ialah RM42.4 bilion. Jadi ini sebenarnya satu peluang yang besar. Kita banyak tanah yang belum dimanfaatkan. Banyak tanah terbiar yang perlu diuruskan dengan baik.

Setakat itu sahaja saya rasa perbahasan saya berkaitan dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya dengan ini menyatakan sokongan kepada usul yang dibawakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Nerus.

7.03 mlm.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang kepada saya untuk membahaskan topik kita pada hari ini.

Pertamanya saya merujuk kepada dua ayat yang mudah-mudahan menjadi panduan kita bersama. Pertamanya, firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 135, *[Membaca ayat Al-Quran] "Hendaklah kamu kata Allah SWT menjadi orang yang menegakkan keadilan dan dalam masa yang sama juga adalah saksi-saksi bagi pihak Allah SWT"*.

Kedua, ayat yang hampir sama, Allah Taala berfirman, *[Membaca ayat Al-Quran] "Hendaklah kamu kata Allah Taala menjadi orang yang menegakkan bagi pihak Allah hak-hak-Nya dan juga saksi-saksi dengan keadilan"*. Dua ayat ini sepatutnya menjadi teras kepada kita dalam kita bincang apa sahaja berkaitan dengan rakyat. Tentulah Kajian Separuh Penggal RMKe-11 ini yang kita bentang dan kita bincang adalah bertujuan untuk memberikan manfaat kepada rakyat.

Saya tertarik dalam enam tonggak yang dibentangkan dalam pembentangan itu. Cuma dalam enam tonggak itu, saya melihat tidak banyak perbezaan dengan asas ketika mana dibentangkan RMKe-11 yang lalu. Dalam RMKe-11 diletakkan enam teras strategik dan juga Kajian Separuh Penggal juga meletakkan enam tonggak. Empat daripadanya sama seperti apa yang dibentangkan dahulu dalam RMKe-11. Kalau kita lihat umpamanya Tonggak 2 memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Itu adalah kombinasi pada dua tonggak dalam RMKe-11 iaitu memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama dan kedua meningkatkan kesejahteraan rakyat. Itu nombor dua.

Nombor empat memperkasakan modal insan. Ini juga disebut dalam RMKe-11, meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju. Nombor lima mempertingkatkan kemapanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau pun juga disebut dalam RMKe-11 pada nombor empat iaitu menuju pertumbuhan hijau. Terakhir atau keenam ialah memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi juga disebut dalam tonggak yang keenam dalam RMKe-11. Jadi kalau begitu, apa beza dengan kajian yang dibentangkan kepada kali ini.

Saya lihat dua perkara sahaja. Pertama, pada tonggak yang pertama mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan, satu. Kemudian pada tonggak yang ketiga iaitu menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang. Jadi saya pun hendak fokuskan perbincangan saya kepada dua perkara ini yang saya lihat berbeza daripada apa yang sebelumnya.

Sebelum itu, suka saya sebut bahawa pembentangan yang dibentangkan sangat menarik dan saya bersetuju hampir keseluruhan ucapan itu kerana kita hanya tinggal lagi menanti bagaimanakah pelaksanaannya. Ini kerana apa yang tercatat pada kertas selalunya tidak sama pada pelaksanaan ketika mana kerajaan terdahulu bentang RMKe-11 dan juga bentang bajet-bajet tahunan mereka. Pelbagai janji di mulut yang cantik dan indah dipamerkan. Perkara yang sama akan berlaku pada kita di sini. Tinggal lagi pelaksanaan. Maka saya dengan penuh bersemangat menanti pelaksanaan itu dilaksanakan secara realitinya sehingga rakyat akhirnya akan mendapat kebaikan.

Merujuk kepada poin yang pertama, reformasi tadbir urus. Saya baca ulasan-ulasan panjang berkaitan dengan reformasi tadbir urus ini. Akan tetapi, saya ingin menegaskan bahawa ada beberapa asas penting ketika kita bincang tadbir urus. Selalu kita bincang tentang *good governance*, tadbir urus yang baik. Saya mencadangkan untuk kita pergi lebih jauh, bukan hanya *good* tetapi *God governance*.

Satu urus tadbir yang merujuk kepada Tuhan. Dalam Al-Quran menggunakan ibarat, *[Membaca ayat Al-Quran] "Hendaklah kamu kata, Allah Taala menjadi rabbani, orang yang mengikut Tuhan"*. Ini kerana Allah Taala berfirman sebelumnya, *[Membaca ayat Al-Quran] "Tidak wajar bagi seorang manusia"*. *[Membaca ayat Al-Quran] "Allah berikan kepadanya satu al-kitab. Kedua, Allah berikan kepadanya al-hukum, kerajaan. Ketiga, Allah berikan kepadanya kenabian"*. Tiba-tiba – *[Membaca ayat Al-Quran]* Kemudian dia berkata kepada orang ramai, *"Kamu kena*

jadi hamba kepada Aku". Zaman di mana pemerintah merasakan rakyat adalah hamba dia. Dia boleh buat apa sahaja.

Ini ditegur oleh Allah SWT. Akan tetapi Allah berfirman, [*Membaca ayat Al-Quran*] "*Hendaklah kamu jadi rabbaniyin, orang yang mengikut Tuhan*". Ini sama ada pemerintah ikut Tuhan, rakyat pun ikut Tuhan. Kedua-dua ikut Tuhan. Maka apabila kita bincang tentang ikut Tuhan atau jadi hamba kepada Tuhan dalam mengurus tadbir, bukan hanya kita bincang tentang ketelusan dan kecekapan. Dalam pembentangan disebut keutamaan kedua bagi tonggak pertama meningkatkan integriti dan akauntabiliti. Ini perkara yang biasa dibincang. Akan tetapi ada benda yang kita kurang bincang. Asas kepada kejayaan tadbir urus, pertama terletak kepada iman iaitu percaya adanya konsep dosa dan pahala.

Sangat malang saya tidak melihat perkara ini cuba dibawa dalam RMKe-11 ini untuk menggambarkan kesungguhan dasar. Ini kerana kalau kita baca pada pembentangan ini disebut, ini adalah kertas dasar. Dasar pembangunan oleh kerajaan baharu Pakatan Harapan. Maka tidak wajar bagi satu kertas dasar mengabaikan perkara asas. Sedangkan negara kita meletakkan pada para ketiga Perlembagaan Persekutuan, Artikel 3, Islam agama Persekutuan dan juga dalam Rukun Negara menyebut kepercayaan kepada Tuhan menjadi asas kepada kita.

■1910

Maka sewajarnya asas itu didokumentasikan dalam satu buku dasar tetapi tersangat sayang dan juga malang sekali ia tidak dilihat dalam dasar yang dibentangkan pada kali ini. Maka pertama bagi saya ialah dasar dosa dan juga pahala, itu keimanan. Kedua, ketakwaan. Ketakwaan maksudnya dasar kita dalam menentukan sejauh mana pemerintahan itu patuh syariah. Konsep patuh syariah kerajaan lama dahulu, mereka bentangkan satu dokumen berkaitan dengan patuh syariah, indeks apa nama? Indeks apa nama yang dulu yang dibentangkan oleh kerajaan lama, indeks syariah.

Indeks syariah, *maqasid* syariah. Maka konsep patuh syarak ini sepatutnya menjadi satu juru pandu kepada semua Menteri walaupun Menteri yang bukan Islam supaya mereka terikat dengan agama, terikat dengan peraturan-peraturan Tuhan. Maka tak timbullah hingga ada Menteri ataupun Ahli-ahli Parlimen di kalangan kita yang seakan menyokong, memang menyokong pesta arak walaupun Timbalan Speaker ketika berada di atas kerusi seolah-olah ingin menegaskan menyokong pandangan berkaitan dengan *Oktobertfest*.

Kami menegaskan bahawa dalam sebuah negara, negara Islam dan Malaysia adalah negara yang majoritinya adalah Islam dan dalam Perlembagaan menyebut Islam Agama Persekutuan. Dalam sebuah negara yang dominasinya adalah Islam, mesti dibezakan antara pesta arak dengan minum arak. Ini disebut oleh Mufti Besar Mesir tahun 30-an. Minum arak itu hak yang kita berikan kepada bukan Islam tetapi berpesta minum arak atas nama apa sekalipun, *Oktobertfest* kah apa kah, berpesta adalah *syi'at*. *Syi'at* kemungkaran, *syi'at* maksiat dan kita semua tahu dan saya nak minta agar Kementerian Kesihatan paparkan kepada kita bagaimanakah kesan buruk daripada gejala mabuk dan gejala minum arak, ketagihan minum

arak dan saya pernah tulis artikel yang panjang tentang topik ini dan saya pernah bentang dalam Parlimen kita ini tentang ketagihan arak.

Akan tetapi bila kita membenarkan satu perayaan, satu pesta, bererti kita sebagai kerajaan, kita bersetuju, bergembira menjadikan ia *syi'at*. Ini adalah merosakkan. Ini contoh kita tidak patuh syariat. Itu satu contoh. Contoh yang kedua, saya ambil contoh. Menteri yang jaga agama yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi, Menteri liberal agama. Itu istilah dialah. Menteri Agama sejauh mana dia berjaya bawa konsep agama yang benar dalam isu-isu melibatkan agama, yang berlaku ialah banyak kekeliruan dipaparkan oleh Menteri yang jaga hal ehwal agama. Kekeliruan tentang cara berinteraksi dengan satu golongan dipanggil LGBT. LGBT bila kita iktiraf dia sebagai satu kumpulan, bererti kita mengiktiraf kewujudannya. Dia tak patut wujud pun satu kumpulan tetapi kita berikan hak kemanusiaan kepada sesiapa sahaja tak kira apa keadaan dia.

Dia buat maksiat kah, dia tak buat maksiat kah, dia kekal sebagai seorang manusia yang mesti diberi hak. Akan tetapi memberi hak atas nama kelompok LGBT, ini salah. Ini satu isyarat yang salah. Mesej yang telah disampaikan oleh Menteri yang jaga bahagian agama dan ini saya katakan bahawa tadbir urus bukan hanya melibatkan ketulusan dan kecekapan tetapi yang penting, ketakwaan. Konsep patuh syariah mesti menjadi panduan kepada semua Menteri dan juga Ahli-ahli Parlimen ketika berbahas di Parlimen.

Kemudian yang ketiga, keikhlasan. Keempat, ketelusan. Kelima, kecekapan. Keenam, kebertanggungjawaban. Ini enam garis kasar yang saya letak sebagai untuk menguruskan tadbir urus rabbani. Keenam, kebertanggungjawaban kepada Tuhan. Ini konsep ketuhanan. Kita bukan hanya bertanggungjawab kepada rakyat. Kalau hanya bertanggungjawab kepada rakyat, timbullah isu yang disebut oleh salah seorang Ahli Parlimen kita tadi. Dia kata kalau kita tak buat pesta arak, nanti mereka mungkin buat pesta dalam keadaan tidak berlesen, tidak diberikan apa namanya, tak diberikan lesen atau tak dikawal. Maka kita beri mereka buat dengan cara yang terkawal. Isu kita bukan kawal, isu kita hukum dulu. Dalam sebuah negara, pesta tak wajar mendapat kebenaran oleh kerajaan.

Masalah mereka nak buat cara tak betul, lepas itu dulu pernah dibuat contoh dia kata kalau kita tak buat tempat judi, jadi judi ini macam orang nak buang air besarlah. Kalau tak sediakan jamban, tandas maka dia buang air besar juga jadi kita buat tandas. Itu cara fikir yang salah. Kita sebagai kerajaan, sebagai bapa mesti halang, tegah, cegah. Tak dibenarkan. Adapun rakyat, anak-anak yang hendak buat juga salah, itu masalah mereka yang kita kena tanya dengan adat kita, dengan akhlak kita, dengan tarbiah kita, dengan hukuman kita. Jadi kena bezakan antara bila kita jadi kerajaan dengan kita tidak menjadi kerajaan. Itu yang pertama, berkaitan dengan tadbir urus.

Kedua, menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang. Ini tonggak nombor tiga. Saya sangat mengalu-alukan ucapan Perdana Menteri, sangat cantik. Untuk membawa satu dimensi baharu, cara pengurusan baharu iaitu pembangunan yang seimbang bukan hanya di Pantai Barat tetapi juga disebut Pantai Timur. Terengganu, Kelantan dan juga Pahang.

Akan tetapi bagi saya, kalam yang cantik dan indah itu mesti diekori dengan tindakan. Tindakan yang paling awal yang patut dicerminkan ialah bila ia melibatkan hak negeri. Saya ingin bangkitkan isu berkaitan dengan royalti. Royalti Negeri Terengganu. Saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri Kewangan, berapakah nilai yang sepatutnya diperoleh oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk pembayaran pada bulan September dan Oktober?

Saya dimaklumkan pembayaran yang patut ialah RM700 juta tetapi yang sampai adalah sebahagian kecil sahaja, kenapa? Sedangkan kita mendapat komitmen bahawa Kerajaan Persekutuan akan berikan hak kepada negeri. Ini hak rakyat. Kenapa diberi sedikit? Saya nak dengar daripada mulut Menteri sendiri, bagi tahu kepada kami dalam Dewan ini berapa jumlah yang telah diserahkan kepada kerajaan negeri dalam dua tiga minggu yang lalu dan berapa yang sepatutnya diberi? Di manakah janji-janji mulut yang disebut bahawa kita akan berikan sepenuhnya kepada kerajaan negeri?

Saya bacakan dua tiga tawaran daripada Tun, daripada Perdana Menteri sebelum ini. Saya lihat umpamanya 19 Julai 2018, PM menyatakan bahawa, "*Kami berjanji untuk beri royalti seperti yang dijanjikan dahulu. Tidak akan ada penyelewengan dalam usaha ini.*" Saya dimaklumkan Sabah mendapat penuh bayaran, Sarawak dapat penuh bayaran. Terengganu tidak mendapat bayaran yang penuh. Berapa jumlah, saya minta Menteri Kewangan sendiri menjawab dalam Dewan Parlimen nanti dan juga Kelantan tak dapat apa-apa.

Di mana keadilan? Kerana itu saya bacakan di awal ayat, [*Membaca potongan ayat al-Quran*] Jadi orang menegakkan keadilan, bukannya cakap di mulut dan sangat malang pada pagi tadi, Menteri Kewangan menyebut satu perkataan yang mengelirukan Dewan. Menyindir dan memperkecilkan Negeri Kelantan, konon tidak mampu membayar gaji. Ini adalah kenyataan yang sangat salah.

Tidak wajar seorang Menteri bertaraf Menteri Kewangan, dalam Dewan yang mulia ini, bercakap dengan penuh pembohongan dan bukan sekali Menteri berkenaan berbohong di Parlimen. Maka sangat wajar untuk kita melihat perkara yang seumpama ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bukankah isu ini ditimbulkan pagi tadi? Isu bohong, tipu dan sebagainya. Saya ingat teruskan sahajalah tanpa membangkitkan apa-apa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya. Jangan, jangan. Saya minta Yang Berhormat supaya mengawal...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan buat tuduhan terhadap Menteri bila Menteri tidak ada di sini.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri boleh jawab di Parlimen.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya lah tetapi jangan buat tuduhan tersebut.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri boleh jawab. Ini *floor* saya. Menteri boleh jawab, tak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan pembohongan itu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pembohongan itu adalah serius.

Tuan Yang di-Pertua: ...Tak perlu dipakailah ya.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya, kami telah sebut di luar Dewan. Di luar Dewan kami sebut perkara ini, kami buat sidang media. Jika tidak bersetuju, kita boleh buat selesai cara sidang media.

Tuan Yang di-Pertua: Buat di luar tapi dalam Dewan jangan guna perkataan membohong.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya tarik balik perkataan bohong diganti dengan perkataan tidak bercakap benar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Baik. Saya ingin terus kepada topik yang seterusnya. Kita ingin bincang tentang memperkasakan modal insan. Ini antara tonggak yang penting dalam pembentangan. Persoalan kita, apa itu modal insan? Kalau kita lihat pembentangan dibuat, modal insan yang dibentangkan kepada kami di sini tidak langsung merangkumi pembangunan jiwa *spiritual* insan. Pembangunan bukan hanya bersifat fizikal. Pembangunan fizikal dan *spiritual*. Sangat malang unsur *spiritual* itu tidak diberi gambaran dalam buku dasar ini.

Adakah kita hanya mahu menjadi kerajaan yang membangunkan dunia semata-mata? Saya rasa tidak. Bukan itu impian kita semua tetapi sebagai satu buku dasar, maka sepatutnya ia didokumentasikan. Saya bacakan firman Allah SWT, Allah Taala berfirman kepada kita-
[Membaca sepotong ayat al-Quran] Ada kalangan manusia yang mendoa, 'Wahai Tuhan kami, berikan kepada kami di dunia ini dan tidak ada apa bagi di hari Akhirat Allah SWT'.
[Membaca sepotong ayat al-Quran] Ada pula yang akan berdoa *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Ada yang akan berdoa, 'Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami dunia ini kebaikan, di Akhirat juga kebaikan dan peliharalah kami daripada api neraka Allah SWT'.

■1920

Maka, apa yang kita pentingkan ialah bagaimana kita mendapat *barakah* daripada pembangunan yang akan membangunkan pembangunan fizikal adalah manusia, yang mesti dibetulkan adalah manusia. Maka saya ingin mencadangkan supaya isu-isu berkaitan pembangunan kemanusiaan bersifat ketuhanan ini melibatkan hubungan dengan Tuhan, hubungan dengan keluarga, hubungan dengan masyarakat diperkasakan oleh kerajaan supaya orang yang membangunkan pembangunan fizikal itu adalah orang yang hebat dan gagah pada spiritualnya. Tidak akan berlaku masalah akhlak. Kita bincang tentang rasuah sebagai contoh. Isu rasuah adalah isu insan, manusia yang bila tidak ada ketakutan kepada Tuhan, tidak ada penuh syurga dan juga neraka, maka akan berlakulah rasuah.

Kalau seorang arkitek, seorang *engineer* tidak ada ketakutan kepada Tuhan, dia mungkin meluluskan pelan atau meluluskan satu pembangunan yang tidak mengikut kaedah yang betul. Maka kesannya adalah pada rakyat. Di situlah pentingnya seorang manusia, dia seorang arkitek atau dia seorang *engineer*, dia seorang peguam, dia seorang Menteri, dia seorang Perdana Menteri, dia siapa pun sekali keadaan dia, keterikatan dia dengan jiwa yang baik dengan Allah SWT dengan agama, itu adalah sangat penting bagi membangunkan satu manusia.

Kalau kita dalam Al-Quran menyebut, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], "*Tidak kamu tengok kata Allah, banyak manusia, masyarakat yang akan berikan kekuatan berkerajaan, kekuasaan yang kami tidak berikan pada orang, pada kamu semua pada hari ini*", firman Allah. Apa yang berlaku kemudian ialah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], "*Kami binasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka*". Ertinya pembangunan fizikal semata-mata yang mengetepikan unsur agama, mengetepikan unsur akhirat, mengetepikan dosa dan juga pahala akhirnya mengundang kemurkaan daripada Allah SWT dan bala-bala yang kita tidak jangka.

Saya ingin merujuk tentang isu hutang. Dalam ucapan Perdana Menteri pun disebut, dalam ucapan Menteri pun disebut tentang isu hutang negara sebanyak RM1 trilion. Saya ingin, kita melihat lebih jelas, lebih *detail* perkara ini kerana pertama sekali, saya melihat ada sedikit kekeliruan. Saya merasakan bahawa satu kertas putih perlu dibentangkan di Parlimen untuk menyatakan status sebenar kewangan kerajaan kita pada hari ini. Ini kerana kalau kita lihat dalam satu jawapan bertulis oleh Menteri tentang jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada 24 Julai 2018, disebut hutang Kerajaan Persekutuan adalah RM686.8 bilion. Ini jawapan bertulis pada 24 Julai.

Akan tetapi dalam jawapan yang sama juga disebut tentang liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung oleh kerajaan ialah RM199.1 bilion. Disebut lagi pula bayaran pajakan kewangan lebih kurang sebanyak RM201.4 bilion. Bererti berdasarkan kertas ini ada beza antara hutang dan liabiliti. Akan tetapi yang diulang, diulang dan diulang hutang kerajaan RM1 trilion. Saya minta satu istilah yang jelas. Hutangnya berapa, liabilitinya berapa. Kalau hendak gabung dua-dua, maknanya hutang dan liabiliti. Jadi kita perlukan satu benda yang jelas. Oleh sebab itu saya menyatakan bahawa perlu dibawa ke Parlimen satu kertas putih untuk menyatakan hakikat sebenar kewangan.

Kemudian, kalau kita lihat kerajaan perlu memperincikan butiran transaksi sehinggakan wang dalam Akuan Hasil Disatukan dikatakan turun mendadak sebanyak RM11.41 bilion ataupun 96 peratus iaitu daripada RM11.86 bilion kepada RM450 juta pada 30 April 2018. Kerajaan juga kena telus menjelaskan tentang peningkatan berganda dalam Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM3.25 bilion iaitu daripada RM450 juta kepada RM3.7 bilion bagi tempoh Mei hingga Ogos 2018.

Kemudian, kerajaan ada menyebut berlaku peningkatan hasil antara Mei hingga Ogos 2018 sebanyak RM73.58 bilion dan dengan bangga dikatakan bahawa ini menunjukkan cekapnya pengurusan kewangan Kerajaan Pakatan Harapan. Akan tetapi kalau kita lihat jumlah yang sama, kutipan yang hampir sama itu sebanyak RM76.18 bilion juga diperoleh oleh kerajaan

sebelumnya untuk tempoh Mei hingga Ogos 2017. Makna yang dulu lagi banyak daripada sekarang.

Maknanya, kalau Kerajaan Pakatan Harapan menyatakan mereka cekap mengurus, maka Barisan Nasional dulu lagi cekap mengurus kerana mereka dapat RM76.18 bilion. Saya buat data ini untuk kita tengok sejauh mana kejayaan Pakatan Harapan menguruskan kerajaan yang baru ini, dalam tempoh lima bulan terakhir ini. Ini kerana saya kata penting untuk dibentangkan satu kertas putih menyatakan tentang realiti sebenar hutang Kerajaan Malaysia, hutang Kerajaan Persekutuan.

Saya hendak kita bezakan hutang kerajaan berapa, hutang negara berapa, hutang dalam negeri berapa, hutang luar negeri berapa, berapa hutang yang menggunakan kaedah bon, berapa hutang yang menggunakan kaedah sukuk. Adakah kerajaan bersedia untuk membesarkan saiz sukuk agar melebihi jumlah bon kerana bon adalah hutang berdasarkan riba. Sukuk hutang berdasarkan pelaburan berasaskan kaedah Islam. Adakah mahu dibesarkan saiz sukuk atau dikekalkan bon dengan jumlah yang besar melebihi jumlah sukuk yang diberikan.

Kemudian, saya hendak bincang tentang aspek tambah pendapatan negara. Tentulah untuk menangani isu hutang ini kerajaan ada perancangan dia sendiri. Bagi saya perancangan paling baik ialah tentulah berhemah dalam perbelanjaan dan ia disebut dalam ucapan buku dasar ini bahawa berhemah dalam perbelanjaan. Berhemah ini dua keadaan, satu berhemah pada pengurusan. Kedua, berhemah pada pembangunan. Kalau kita hendak data yang lama dahulu, kerajaan mendakwa bahawa dari sudut pengurusan kita mungkin agak sukar untuk menerima kata mereka. Akan tetapi pada pembangunan ada ruang-ruang yang banyak untuk berhemah tetapi adakah kita ingin mengetepikan atau memberhentikan pembangunan bagi sebuah negara, ini persoalan.

Maka yang timbul kepada kita ialah bagaimana cara penjimatan yang dicadangkan oleh kerajaan baharu. Adakah pada pengurusan atau pada pembangunan. Kalau pada pembangunan bagaimana. Adakah dengan membuka ruang pelabur-pelabur asing untuk masuk memberi partisipasi mereka dalam pembangunan ataupun membuka ruang untuk rakyat sendiri untuk menyertai sama usaha-usaha pembangunan. Dalam Islam ada satu konsep, konsep wakaf.

Konsep wakaf satu konsep partisipasi rakyat dengan kerajaan bagi membuat pembangunan, pembangunan hospital, jalan raya, lebuhraya dan pelbagai pembangunan melibatkan kemudahan rakyat menggunakan konsep wakaf. Kalau ia dapat dikembangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk kita ke arah penjimatan, saya rasa Kerajaan Pakatan Harapan boleh buat yang terbaik dalam perkara ini. Saya tunggu ia dapat dilaksanakan dengan cara yang baik.

Cuma berhubung dengan cukai. Baru ini disebut oleh Menteri, kerajaan mungkin memperkenakan CGT, cukai keuntungan saham. Cukai keuntungan saham satu daripada penyelesaian kami cadangkan dan saya berucap banyak kali di Parlimen, dalam Dewan ini, banyak kali saya berucap menjelaskan antaranya ialah cukai terhadap keuntungan saham. Akan tetapi cukai keuntungan saham ini menurut kajian kami dia hanya memberi *income* sekitar RM1

bilion hingga RM2 bilion sahaja, kecil. Saya meminta Menteri boleh beri jangkaan awal berapa yang dapat dikutip oleh kerajaan.

Akan tetapi pada pandangan antara RM1 bilion hingga RM2 bilion sahaja. Tetapi cukai yang lagi besar, yang boleh memberi *income* kepada kerajaan ialah cukai pegangan saham. Kalau dikatakan kalau kita beri ruang, ambil cukai pegangan saham, larilah pelabur. Bukan isu lari, isu hukum. Harta orang kaya patutnya milik orang miskin [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Dalam harta orang kaya itu, adalah hak orang lain. Siapa dia? [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Untuk orang yang meminta dan orang miskin yang tidak meminta. Erti, ada hak orang lain. Selagi mana kerajaan tidak mengambil hak rakyat miskin dari poket orang kaya, itulah keadilan.

Dalam sesi yang lalu, kerajaan yang lama banyak mengecualikan cukai duit orang kaya tapi mengembangkan cukai untuk orang miskin. Cukai orang kaya hak orang miskin. Islam tidak zalim, Islam mencadangkan hanya 2.5 peratus daripada pemilikan orang kaya. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan bersedia untuk mengkaji apa yang saya cadangkan, yang kami cadangkan ini, cukai pegangan saham. Kalau dikatakan tidak ada pernah orang buat, sudah dibuat. Di setiap kerajaan negeri ada enakmen berkaitan dengan cukai, berkaitan dengan zakat dan antaranya adalah zakat terhadap pegangan saham. Dia telah ada, telah wujud, dilaksanakan.

Cuma tidak menjadi *ijbari*, tidak menjadi wajib, diambil oleh kerajaan negeri, tidak. Kita mencadangkan ia menjadi undang-undang yang wajib dijadikan, undang-undang wajib di peringkat Kerajaan Persekutuan. Tidak usah pakai perkataan zakat, guna perkataan cukai kerajaan, tidak apa. Cukai kerajaan bermodalkan zakat. Mengikut kiraan saya, dia boleh memberi *income* yang besar. RM1.9 trilion nilai pegangan saham sekarang dikenakan cukai 2.5 peratus menggunakan modal zakat, Kerajaan Persekutuan boleh dapat hasil RM47.5 bilion. Saya minta Kerajaan Persekutuan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita sudah sampai pada pukul 7.30, oleh itu...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Satu minit boleh? Saya habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan, baik.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Jadi saya ingin mendengar respons kerana sepanjang ucapan saya belum ada respons daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan Pakatan Harapan dalam isu ini. Apa respons kerajaan Pakatan Harapan dalam isu ini. Cukai pemegang saham. Kalau Kerajaan Pakatan Harapan tidak bersedia melaksanakannya, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan hanya menjaga orang kaya. Tidak menjaga orang miskin. Hanyalah kata-kata yang manis di bibir, sebenarnya kami memperjuangkan rakyat. Rakyat apa yang kita perjuangkan. Kalau kita biarkan hak rakyat miskin berada dalam poket orang kaya, tidak diambil. Kita perjuangkan orang kaya, kita perjuangkan golongan kapitalis, bukannya menggunakan hak rakyat.

Maka, saya ingin melihat komitmen daripada Kerajaan Pakatan Harapan berkaitan isu percukaian ini. Kami cadangkan juga cukai terhadap simpanan korporat juga cukai Islam yang boleh beri *income* yang besar pada kerajaan RM12.5 bilion. Saya menunggu respons daripada

kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih atas peluang pada kali ini. *[Bercakap dalam bahasa Arab] Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 23 Oktober 2018. Turutan untuk pagi esok saya terangkan sikit, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Hulu Langat dan seterusnya. Itu saja. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.32 malam]